



e-Panduan  
FAKULTI PENGAJIAN QURAN & SUNNAH

Sesi Akademik  
2010/2011



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**  
جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**PANDUAN PENGAJIAN IJAZAH  
SARJANA MUDA**

**SESI AKADEMIK 2010/2011**

---

**FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH**

---

CETAKAN PERTAMA 2010  
Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara,  
tiada mana-mana bahagian daripada buku ini  
boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau  
ditukar kepada apa-apa bentuk dengan apa juga  
cara melainkan mendapat izin bertulis  
daripada USIM.

Diterbitkan oleh:

Universiti Sains Islam Malaysia  
71800 Bandar Baru Nilai  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Semua maklumat  
yang terkandung di dalam e-panduan  
tertakluk kepada pindaan  
dari semasa ke semasa

**Moto, Falsafah, Wawasan & Misi**  
**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**Moto**

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

**Falsafah**

Paduan antara Ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu

**Wawasan**

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat

**Misi**

Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam yang menggunakan teknologi terkini bagi menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat dan Islam

# *Aluan Naib Canselor*

*Bismillahirrahmannirahim*

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera*



Salam ukhuwah dan salam 1Malaysia buat semua mahasiswa. Di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah, syabas dan selamat datang kepada semua mahasiswa yang terpilih mengikuti program Sarjana Muda di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi kemasukan Sesi Akademik 2010/2011. Diharapkan dengan kedatangan saudara-saudari di sini dapatlah kita sama-sama menempa kejayaan dalam mengejar ilmu lantas mengharumkan nama bumi bertuah ini.

Kata-kata Imam al-Ghazali iaitu, "Menuntut ilmu adalah taqwa, menyampaikan ilmu adalah ibadah, mengulang ilmu adalah zikir dan mencari ilmu adalah jihad", menunjukkan penguasaan ilmu sangat penting dalam kehidupan kita. Ini adalah kerana perkembangan dan kemajuan sesuatu bangsa di dunia ini berkait rapat dengan kemajuan serta perkembangan ilmu pengetahuan yang terdapat pada generasi itu sendiri. Justeru, Islam mengingatkan tentang hakikat ini menerusi pelbagai ayat al-Quran dan hadith Rasulullah S.A.W. Penekanan terhadap kepentingan dan keperluan menuntut ilmu semestinya menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang memartabatkan ilmu pengetahuan dan orang yang berilmu.

Oleh yang demikian, saya menyeru supaya kita semua sama-sama menggunakan kesempatan yang ada ini untuk membina kecemerlangan modal insan, di samping menggilap kegemilangan ilmu tanpa mengenal erti jemu. Paduan antara Ilmu Naqli dan Ilmu Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama untuk membentuk generasi cemerlang.

Harapan saya agar saudara dan saudari yang terpilih mengikuti program yang ditawarkan di USIM ini dapat mengambil peluang mengejar ilmu penuh di dada demi cita-cita kerana di luar sana masih ramai lagi anak-anak muda seusia yang tidak mendapat peluang keemasan ini. Peluang ini juga merupakan suatu amanah dan kepercayaan ummah yang harus dipikul dan dipelihara. Garaplah ilmu sebanyak mungkin dan amalkannya selagi hayat dikandung badan kerana ilmu tanpa direalisasikan laksana pohon tanpa buah.

Sekian, terima kasih.

**BERILMU • BERDISIPLIN • BERTAKWA**

Yang benar,



**PROFESOR DATO' DR. MUHAMAD MUDA**  
Naib Canselor

# *Aluan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)*

*Bismillahirrahmannirahim*

*Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,*



Sebelum bicara dimulakan, sekalung ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada sekalian mahasiswa dan mahasiswi di atas kejayaan kalian menempatkan diri di gedung ilmu ini. USIM merasa berbangga menyambut kehadiran kalian di sini. Selamat datang diucapkan.

Untuk pengetahuan mahasiswa mahasiswi sekalian, kini USIM menawarkan 24 program pengajian peringkat Sarjana Muda termasuk program terbaru iaitu Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan kepujian; kerjasama USIM dengan Darul Quran, JAKIM. Program-program ini merangkumi semua bidang ilmu iaitu ilmu Quran, Sunnah, Syariah, Undang-undang, Fiqh, Ekonomi, Muamalat, Komunikasi, Pendidikan, Kepimpinan dan Pengurusan, Sains dan Teknologi dan Perubatan.

Ikutan dari teknologi yang berkembang pesat, pihak USIM telah menyediakan e-Panduan Fakulti 2010/2011 yang berbentuk cakera padat (CD) untuk dijadikan rujukan kepada pelajar sepanjang tempoh pengajian di USIM. Terdapat pelbagai maklumat di dalam e-Panduan ini iaitu sejarah dan objektif penubuhan USIM, penawaran kursus, struktur kursus, sinopsis kursus, syarat kemasukan, peraturan pengajian induk dan peraturan khas bagi setiap program, dan senarai pentadbir serta pengurusan Universiti dan Fakulti untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada para pelajar sekalian di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Justeru itu, diharapkan kemudahan ini dapat membantu pelajar-pelajar mencapai matlamat dan berusaha dengan lebih gigih untuk mendapat keputusan yang lebih cemerlang. Nasihat saya kepada semua, berusahalah bersungguh-sungguh untuk memikul tanggungjawab menaikkan nama Universiti di samping menyingkirkan segala sikap negatif kerana amalan ini tidak sesuai untuk dipraktikkan dalam budaya kecemerlangan. Akhir kata, saya ucapkan semoga maju jaya semasa melanjutkan pengajian di USIM ini dan semoga kejayaan mengiringi anda.

Sekian, *wassalam*.

Salam hormat,



**PROF. DR. MUSA AHMAD**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Sains Islam Malaysia

*Aluan Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)*

*Bismillahirrahmannirahim*

*Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,*



Alhamdulillah segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Tahniah saya ucapkan kepada para mahasiswa dan mahasiswi kerana anda telah melangkah satu tapak lagi menuju kejayaan apabila berada di menara gading ini.

Peluang sebegini bukanlah selalu ada. Justeru itu, mahasiswa dan mahasiswi sekalian janganlah mempersiakan peluang yang diberi dan gunakanlah gedung ilmu ini sebaik-baiknya untuk mencari ilmu semaksima yang mungkin.

Sehubungan itu, mahasiswa dan mahasiswi diseru supaya memahami tujuan memasuki USIM dan sentiasa menjaga nama baik keluarga, bangsa dan juga agama kita walau dimana saudara/i berada.

Adalah menjadi harapan saya agar mahasiswa sekalian menjadi seorang graduan yang berkualiti setelah menamatkan pengajian di sini sama ada dalam bidang Pengajian Islam, Bahasa, Sains dan Teknologi, Sastera Iktisas dan Kemanusiaan, Perubatan dan Pergigian supaya menggemilangkan Islam, negara dan bangsa di mata dunia.

Oleh itu, diharap pelajar USIM dapat memanfaatkan e-Panduan Akademik yang dibekalkan dengan mengatur jadual sebagai seorang pelajar dengan lebih sistematik dan memperkukuhkan mutu pembelajaran agar mahasiswa dan mahasiswi dapat menyasarkan matlamat untuk menjadi seorang graduan yang berkualiti.

Salam hormat,



**PROF. DATO' DR. MOHAMED ASIN DOLLAH**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Universiti Sains Islam Malaysia

*Aluan Dekan*  
*Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah*

*Bismillahirrahmannirahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabakaratu dan Salam Hormat*



Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat keizinanNya, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah telah berjaya menyusuri liku-liku pahit getir, suka duka dalam penubuhan Fakulti sebagai salah sebuah daripada tiga fakulti terawal (*pioneer*) yang kini telah menjangkau usia 9 tahun,

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada saudara dan saudari kerana telah berjaya untuk mengikuti program pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan saya percaya bahawa saudara dan saudari adalah di antara pelajar cemerlang dan terbaik yang telah terpilih untuk mengikuti salah satu daripada 3 program yang ditawarkan di fakulti ini iaitu Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah (Dengan Kepujian), Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia (Dengan Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat (Dengan Kepujian).

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah amat komited untuk terus memartabatkan pengajian Quran dan Sunnah dalam arus perdana pendidikan Negara. Kerana itulah Program Pengajian Quran & Sunnah di USIM menjadi satu program teras dan utama di fakulti ini dan ini amatlah berbeza dengan Universiti Awam lain yang turut menawarkan program yang sama. Dengan kesedaran inilah pihak Fakulti terus berusaha untuk menawarkan program yang bersifat inovatif dan kompetitif agar dapat mengintegrasikan antara pengajian Quran dan Sunnah yang berbentuk klasikal dengan bidang-bidang yang bersifat gunaan selaras dengan hasrat dan keperluan Negara agar para graduan dan ilmuan yang dihasilkan dapat bersaing di pasaran semasa.

Saya amatlah berharap agar saudara dan saudari dapat menuntut ilmu dunia dan akhirat ini dengan sepenuh hati dan pergunakanlah segala ilmu yang telah dipelajari di USIM ini dengan sebaik-baiknya agar menjadi insan kamil yang mampu untuk memenuhi ciri-ciri modal insan berminda kelas pertama yang mampu memimpin ummah di pentas antarabangsa dan dalam masa yang sama dapat mempraktikkan ilmu di dada dalam menempuh arus globalisasi masa kini. Saya berdoa agar segala usaha pihak Fakulti dan juga saudara dan saudari ini diberkati Allah hendakNya.

Sekian. Wassalam.

**Dr. Adnan Mohamed Yusoff**  
Dekan Fakulti Pengajian Quran & Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia

# SEJARAH PENUBUHAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

## PENGENALAN

### Latar Belakang dan Sejarah

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang telah diluluskan penubuhannya dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Jun 1997 dan diwartakan pada 13 Mac 1998. Ia merupakan sebuah Universiti Islam Malaysia yang pertama ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia dan merupakan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang ke-12 di Negara ini.

Tujuan penubuhan USIM ialah untuk memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan Negara dan menekankan penggunaan ICT dalam sistem pengajaran dan penyelidikannya. USIM menumpukan penguasaan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris di samping Bahasa Melayu.

USIM beroperasi di Kampus tetapnya di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus. Sementara itu, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Fakulti Pergigian masih beroperasi di Kampus Cawangan Pandan Indah, Kuala Lumpur. Hospital yang digunakan untuk tujuan pembelajaran adalah Hospital Ampang, Hospital Temerloh, Hospital Tampin dan Hospital Kuala Klawang.

Kampus USIM di Nilai terletak kira 10 minit daripada KLIA dan 20-30 minit ke Putrajaya dan Kuala Lumpur.

USIM kini mempunyai lapan (8) fakulti sebagaimana berikut:

- Fakulti Syariah dan Undang-undang
- Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
- Fakulti Ekonomi dan Muamalat
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Pengajian Bahasa Utama

### Tujuan

USIM merupakan saluran pertama dan utama bagi lepasan aliran agama dari sekolah-sekolah menengah agama sama ada milik Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan pengajian di peringkat pendidikan tinggi di Malaysia. USIM ditubuhkan dengan matlamat, antaranya:

- ~ Melahirkan ilmuan Islam berpendidikan sepadu di antara teori dan amali, bersifat ensiklopedik dan mampu memimpin masyarakat yang majmuk sifatnya serta mempunyai potensi diri yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.

- ~ Mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul dan mewujudkan persekitaran yang sesuai bagi melahirkan ulama dan intelektual muslim yang mampu memberi kefahaman dan penghayatan Islam.
- ~ Muncul sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, penyelidikan, penerbitan dan kerjasama ilmiah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan dengan keislaman.

## **Objektif**

- ~ Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.
- ~ Membina kesepaduan di antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan.
- ~ Melahirkan ilmuan berpendidikan sepadu yang mampu memimpin masyarakat majmuk untuk menerajui pembangunan negara.
- ~ Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang terbilang sesuai dengan persekitaran dan teknologi terkini.
- ~ Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

## **Prospek Masa Hadapan**

USIM akan menjadi sebuah universiti yang terkehadapan dalam pendidikan dan keilmuan Islam serta penggunaan ICT dalam bidang kajian dan penyelidikannya. Misinya akan menjadi kenyataan kerana bersesuaian dengan persekitaran pembinaan kampus tetapnya di Bandar Baru Nilai.

## **PROGRAM YANG DITAWARKAN**

Pada Sesi Akademik 2010/2011, USIM akan menawarkan dua puluh empat (24) program pengajian peringkat sarjana muda sebagaimana berikut:

### **1. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah**

- Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian kerjasama USIM dengan Darul Quran, JAKIM

## **2. Fakulti Syariah dan Undang-undang**

- Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Keahlian
- Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Keahlian

## **3. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan**

- Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Keahlian
- Sarjana Muda Kaunseling dengan Keahlian
- Sarjana Muda Komunikasi dengan Keahlian
- Sarjana Muda Akidah dan Agama dengan Keahlian

## **4. Fakulti Ekonomi dan Muamalat**

- Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Keahlian
- Sarjana Muda Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan) dengan Keahlian
- Sarjana Muda Perakaunan dengan Keahlian
- Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dan Hubungan dengan Keahlian

## **5. Fakulti Sains dan Teknologi**

- Sarjana Muda Sains dengan Keahlian (Bioteknologi Makanan)
- Sarjana Muda Sains dengan Keahlian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko)
- Sarjana Muda Sains Komputer dengan Keahlian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)
- Sarjana Muda Sains dengan Keahlian (Matematik Kewangan)
- Sarjana Muda Sains dengan Keahlian (Teknologi Kimia Industri)
- Sarjana Muda Sains dengan Keahlian (Fizik Gunaan)

## **6. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan**

- Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri

## **7. Fakulti Pergigian**

- Sarjana Muda Pembedahan Pergigian

## **8. Fakulti Pengajian Bahasa dan Utama**

- Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Keahlian
- Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Keahlian

**PENTADBIRAN  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**CANSELOR**

Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin  
DKNS, DMN, DK (Kedah), DK (Kelantan), SPTJ, SPMK

**AHLI LEMBAGA PENGARAH  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**Pengerusi**

Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Hj. Md Noor  
PSM, SPMT, DSSA, JMN, PPT, DPMT, KMN, SSAP,  
MA (al-Azhar), DipPend ('Ain Shams), PhD (Cairo)

**Ahli-Ahli**

Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda  
DIMP, DNS, DIB (UiTM), BBA (Ohio) CertABMP (Manila), MA (Cincinnati) PhD  
(Manchester)

Dato' Syed Amin Al-Jeffri  
DSSA, BKM, AMN, PJK, BEcHons, Chartered Acc (M), CA (Canada), (FTII), CPA

Datuk Hj. Omar Abd. Rahman  
PMW, AMN, BA (Hons) (UM), MA (Ir) (Denver)

Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh  
DPMP, JSM, PPT, BA (Hons) MA (Monash), PhD (Manchester)

YB Dato' Ishak Sahari  
SMP, DPTJ, LLB (Hons) (UM)

Tuan Syed Azmi Syed Hamid  
BA (Hons) (Malaya), DPA (INTAN), MPIA (Pittsburgh)

En. Mohd Zuhri Abdullah  
DSM, BSc (Hons) (Surrey)

**Setiausaha**

En. Muhammad Haizuan Rozali  
ANS, SmSa, SSa (UKMalaysia)

**PENGURUSAN TERTINGGI  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**Naib Canselor**

Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda

DIMP, DNS, DIB (UiTM), BBA (Ohio), CertABMP (Manila), MBA (Cincinnati), PhD  
(Manchester)

**Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)**

Prof. Dr. Musa Ahmad

BSc, First Class – UKM, Bangi (Chemistry)

MSc – UMIST, Manchester, England (Instrumentation and Analytical Sciences),

PhD – UMIST, Manchester, England (Optical Fibre Chemical Sensor)

**Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)**

Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah

DIMP, SAP, SmPI Kep (UK Malaysia), MLitt (Glasgow), PhD (Birmingham)

**Dekan Penyelidikan dan Inovasi**

Prof. Dr. Bahrom Sanugi

JSM, FASc, BScHons (UKM), MSc (Essex), PhD (Loughborough), APMM

**Pendaftar**

En. Muhammad Haizuan Rozali

ANS, SmSa, SSa (UKMalaysia)

**Pemangku Bendahari**

En. Zairul Hisham Ahmad Khulaimi

BAct (Hons) UUM

**Ketua Pustakawan**

En. Jasmin Jaimon

BScHons (UKM), PostGradDipLibSc (UiTM), DipSysAnalysis (UiTM)

**Pengarah Pembangunan**

Ir. Daim Saian

BEng (Malaya), MIEM, PEng

**SENAT  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**Pengerusi/Naib Canselor**

Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda  
DIMP, DNS, DIB (UiTM), BBA (Ohio), CertABMP (Manila), MBA (Cincinnati), PhD  
(Manchester)

**Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)**

Prof. Dr. Musa Ahmad  
BSc, First Class – UKM, Bangi (Chemistry)  
MSc – UMIST, Manchester, England (Instrumentation and Analytical Sciences),  
PhD – UMIST, Manchester, England (Optical Fibre Chemical Sensor)

**Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)**

Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah  
DIMP, SAP, SmPI Kep (UKMalaysia), MLitt (Glasgow), PhD (Birmingham)

**Dekan Penyelidikan dan Inovasi**

Prof. Dr. Bahrom Sanugi  
JSM, FASc, BScHons (UKM), MSc (Essex), PhD (Loughborough), APMM

**Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan**

Prof. Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail  
DSNS, MBChB (Alexandria), MRCOG (London), FRCOG (London), FICS (USA)

**Dekan Fakulti Pergigian**

Prof. Dato' Dr. Wan Mohamad Nasir Wan Othman  
DPPJ, JMN, KMN, AMP, DDS (USU), MHPEd (New South Wales), DPH (Sydney),  
DipDH (Dublin), CertHR (Manchester), FICD, FICCDE

**Dekan Fakulti Sains dan Teknologi**

Prof. Dr. Jalani Sukaimi  
JSM, DNS, BAgricSc (Malaya), PhD (Reading), DipMarketing (CIM, London),  
PDipEM (MDI, Geneva), DSc (UKMalaysia), FMSA, FASc

**Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang**

Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa  
BIsHons, DipEd (UKMalaysia), LLM (Malaya), PhD (Manchester)

**Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat**

Prof. Dr. Hajah Mustafa Mohd Hanefah  
DIA (PUO), BAccHons (UKMalaysia), MAccy (Wollongong), PhD (UUM)

**Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah**

Dr. Adnan Mohamed Yusoff  
al-<sup>c</sup>Aliya (al-Bayt), MA (Jordan), PhD (UKMalaysia)

**Dekan Fakulti Pengajian Bahasa Utama**

Prof Madya Dr Bhasah Abu Bakar

DNS, BAgricScHons (UPM), DipEd (UM), MSc, PhD (USA), CertSyariah (Malaya)

**Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan**

Dr. Mohd. Rushdan Mohd. Jailani

PhD Pengajian Islam (Tasawwuf Melayu), Uni. of Exeter, UK

MA Pemikiran Islam (ISTAC, UIAM)

BA Ilmu Wahyu dan Warisan Islam (UIAM)

**Dekan Pusat Pengajian Siswazah**

Prof. Dr. Bachok M. Taib

BscHons (UKMalaysia), MSc (Reading), PhD (Wollongong)

**Profesor, Fakulti Ekonomi dan Muamalat**

Prof. Dato' Dr. Mohammad Haji Alias

DPNS, JSM, KMN, ANS, BEconHons, MEcon (Monash), PhD (Southampton)

**Profesor, Fakulti Sains dan Teknologi**

Prof. Dr. Salmah Yusof

BSc (Louisiana State University, USA), MSc (Ohio State University, USA), PhD (UPM, Malaysia)

**Profesor, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan**

Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani

BAHons in Dakwah, PhD Edinburgh University

**Setiausaha/Pendaftar**

En. Muhammad Haizuan Rozali

ANS, SmSa, SSa, (UKMalaysia)

**PENTADBIRAN FAKULTI  
FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH**

**Dekan**

Dr. Adnan Mohamed Yusoff

B.A (Hons) University of Jordan, M.A. (Al al-Bayt, Jordan) Ph.D (UKM)

**Timbalan Dekan Akademik dan Penyelidikan**

Dr. Mohd Fauzi Mohd Amin

B.A (Hons) al-Azhar, MA FPI (UKM), Ph.D. Quran dan Hadith API (UM)

**Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Pengurusan Prestasi**

En. Ahmad Sanusi Bin Azmi

B.A (Hons) al-Azhar, M.A. IRKH (UIAM)

**Ketua Program Pengajian Quran dan Sunnah dengan Keputeraan**

En. Norakyairee Mohd Raus

B.A (Hons) al-Azhar, M.A. IRKH (UIAM)

**Ketua Program Pengajian Quran Dengan Multimedia dengan Keputeraan**

En. Mohd Zaini Bin Zakaria

S.M.P.Q.S. (Hons) (KUIM), M.A. (UM)

**Ketua Program Pengajian Sunnah Dengan Pengurusan Maklumat dengan Keputeraan**

En. Syed Najihuddin Syed Hassan

B.A (Hons) Madinah, MSc (IT) (UUM)

**Penyelaras Projek Ilmiah Peringkat Fakulti**

En. Amiruddin Bin Mohd Sobali

B.A. (Hons) IRKH (UIAM), M.A. IRKH (UIAM)

## KAKITANGAN AKADEMIK

### **Profesor**

Prof. Dr. Hassan Mohamed Abdel Aziz Ali  
B.A (Hons), Dip., M.A, Ph.D (Al-Azhar)

### **Profesor**

Prof. Dr. Mostafa Abdel Fattah Ahmed Amer  
B.A (Hons), Dip., M.A, Ph.D (Al-Azhar)

### **Profesor**

Prof. Dr. Abdul Jaber Thabit Farag  
B.A (Hons), Dip., M.A, Ph.D (Al-Azhar)

### **Profesor Madya**

Dr. Adel M. Abdulaziz  
B.A. (Sebha, Libya), al-'Aliya (al-Fateh, Libya), S.P.I, Ph.D (UK Malaysia)

### **Pensyarah Kanan**

En. Ahmad Kamel Mohamed (*cuti belajar*)  
B.A (Hons) al-Azhar, S.P.I (UK Malaysia)

### **Pensyarah Kanan**

Dr. Mohd Fauzi Mohd Amin  
B.A (Hons) al-Azhar, MA FPI (UKM), Ph.D. Quran dan Hadith API (UM)

### **Pensyarah Kanan**

Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif  
B.A. (Hons) IRKH, M.A. IRKH (IIUM), Ph.D. (Edinburgh)

### **Pensyarah Kanan**

En. Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar (*cuti belajar*)  
B.A (Hons) al-Azhar, S.P.I (UK Malaysia)

### **Pensyarah Kanan**

En. Khairul Anuar Mohamad (*cuti belajar*)  
B.A (Hons) Madinah, S.P.I (UK Malaysia)

### **Pensyarah Kanan**

Dr. Adnan Mohamed Yusoff  
B.A (Hons) University of Jordan, M.A. (Al al-Bayt, Jordan) Ph.D (UKM)

### **Pensyarah Kanan**

Dr. Abdoul Karim Toure  
B.A IRKH (Hons) (UIAM), M.A. IRK (UIAM), Ph.D (UK Malaysia)

### **Pensyarah Kanan**

Dr. Abdul Rahman Obeid Hussein  
B.A (Hons) Ummu Durman, M.A. (IIUM), Ph.D (IIUM)

**Pensyarah Kanan**

Pn. Norzulaili Binti Mohd Ghazali- (*cuti belajar*)  
B.A (Hons) Al al-Bayt, Jordan, S.P.I. (UKM)

**Pensyarah Kanan**

Dr. Hj. Abdul Qadir Bin Umar Usman Al-Hamidy  
B.A (Hons) Ummu Durman, M.A. IRKH, Ph.D (UIAM)

**Pensyarah Kanan**

Dr. Saif Addawla Muhammad Nayir Idris  
B.A, M.A Ph.D (Uni. Of Khortoum, Sudan)

**Pensyarah Kanan**

Dr. Aamer Naeyf Hamad Al-Zawbaai  
B.A , MA (Baghdad), Ph.D (Uni. Sains Islam, Baghdad)

**Pensyarah Kanan**

Pn. Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat - (*cuti belajar*)  
B.A (Hons) Al al-Bayt, Jordan, M.A. IRKH (UIAM)

**Pensyarah**

Encik Nidzamuddin Zakaria - (*cuti belajar*)  
B.A (Hons) Madinah, M.A. (Malaya)

**Pensyarah**

En. Mohd Zohdi Mohd Amin - (*cuti belajar*)  
B.A (Hons) Al al-Bayt, Jordan, S.P.I (UK Malaysia)

**Pensyarah**

Cik Kauthar Abdul Kadir  
B.A. (Quran & Sunnah), M.A. IRK (UIAM)

**Pensyarah**

En.Syed Najihuddin Syed Hassan  
B.A (Hons) Madinah, MSc (IT) (UUM)

**Pensyarah**

En.Norakyairee Mohd Raus  
B.A (Hons) al-Azhar, M.A. IRKH (UIAM)

**Pensyarah**

En. Mohd Nur Adzam Bin Rasdi  
B.A (Hons) Ibn Tofail, Morocco, M.A. (Univ. Mohammed V, Morocco)

**Pensyarah**

En. Zamrie Bin Ibrahim @ Musa  
B.A (Hons) Khartoum, Sudan, M.A. IRKH (UIAM)

**Pensyarah**

En. Zulhilmi Mohamed Nor  
B.A (Hons.) Madinah, M.A (UM)

**Pensyarah**

En. Mohd Nur Adzam Bin Rasdi

B.A (Hons) Ibn Tofail, Morocco, M.A. (Univ. Mohammed V, Morocco)

**Pensyarah**

Pn. Noor Najihan Binti Jaafar

B.A. (Hons) IRKH, M.A. IRKH (UIAM)

**Pensyarah**

En. Ahmad Sanusi Bin Azmi

B.A (Hons) al-Azhar, M.A. IRKH (UIAM)

**Pensyarah**

En. Amiruddin Bin Mohd Sobali

B.A. (Hons) IRKH (UIAM), M.A. IRKH (UIAM)

**Pensyarah**

En. Mohd Zaini Bin Zakaria

S.M.P.Q.S. (Hons) (KUIM), M.A. (UM)

**Pensyarah**

En. Abdul Muhaimin Ahmad

S.M.P.Q.S. (Hons) (KUIM), M.A (Uni. of Jordan)

**Tutor**

En. Muhammad Hafiz Saleh

B.A (Hons.) (Madinah) M.A. IRKH (UIAM)

**Tutor**

En. Mohd Yusuf Bin Ismail

B.A. (Hons) IRKH (UIAM), M.A. IRKH (UIAM)

**Tutor**

En. Walid Bin Mohd. Said - (*cuti belajar*)

Dip. Tahfiz dan Qiraat (Darul Quran), al-'Aliya (Madinah)

**Tutor**

En. Muhammad Arif Bin Musa -(*cuti belajar*)

B.A (Hons) Madinah

**Tutor**

En. Anuar Bin Hasin - (*cuti belajar*)

B.A. (Hons) (UM)

**Tutor**

En. Adrie Azharie Bin Ab Wahab- (*cuti belajar*)

Dip. Tahfiz dan Qiraat (Darul Quran), S.M.P.Q.S. (Hons) (USIM)

**Tutor**

En. A. Irwan Santeri Bin Doll Kawaid- (*cuti belajar*)

B.A. Darul Uloom, Nadwatul Ulama (Lucknow, India), M.A. IRKH (UIAM)

**Tutor**

En. Norazman Bin Alias- (*cuti belajar*)

Dip. Tahfiz dan Qiraat (MADIWA, Perak), B.A. (Hons) Shubro, al-Azhar

**Tutor**

En. Ahmad Tarmizi Bin Abdul Rahman- (*cuti belajar*)

Dip. Tahfiz dan Qiraat (Darul Quran), S.M.P.Q.S. (Hons) (USIM)

**Tutor**

Cik Noor Azma Binti Mohamad Khassim- (*cuti belajar*)

B.A (Hons) UM, M.A IRKH (UIAM)

**Tutor**

En. Mohd Shamsul Hakim Bin Abd Samad- (*cuti belajar*)

Dip. Tahfiz dan Qiraat (Darul Quran), B.A. (Hons) (Madinah)

**Tutor**

En. Ahmad Kamil Bin Jamilin- (*cuti belajar*)

Dip. Tahfiz (Darul Quran), B.A. (Madinah)

**PENTADBIRAN****Penolong Pendaftar**

Pn. Mazura Mohd Noor

**Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)**

Pn. Faiza Azian Che Ani

**Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)**

Cik Emma Azwin Abdul Murad

**Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)**

Pn. Azmawani Binti Che Ali

**Pembantu Am Pejabat**

En. Ahmad Syahir Mohd Sanusi



**TAKWIM AKADEMIK  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
SESI AKADEMIK 2010/2011**

**SEMESTER I**

<b>AKTIVITI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>TEMPOH</b>
Pendaftaran Universiti Pelajar Baru	03 Julai 2010	1 hari
Pendaftaran Kursus Pelajar Baru	05 Julai 2010	1 hari
Pendaftaran Kursus Pelajar Senior (secara <i>online</i> )	08 – 11 Julai 2010	4 hari
Program Sokongan Bahasa	06 – 11 Julai 2010	6 hari
Perkuliahahan	12 Julai – 03 Sept 2010	8 minggu
Cuti Pertengahan Semester & Cuti Khas (Hari Raya)	04 – 19 Sept 2010	2 minggu
Perkuliahahan	20 Sept – 29 Okt 2010	6 minggu
Cuti Ulangkaji	30 Okt – 07 Nov 2010	1 minggu
Cuti Khas Semester I	08 – 21 Nov 2010	2 minggu
Peperiksaan	22 Nov – 10 Dis 2010	3 minggu
Cuti Semester I	11 Dis 2010 – 02 Jan 2011	3 minggu

**SEMESTER II**

<b>AKTIVITI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>TEMPOH</b>
Pendaftaran Kursus (secara <i>online</i> )	30 Dis 2010 – 02 Jan 2011	4 hari
Perkuliahahan	03 – 28 Jan 2011	4 minggu

Cuti Pertengahan Semester II	29 Jan – 06 Feb 2011	1 minggu
Perkuliahahan	07 Feb – 15 April 2011	10 minggu
Cuti Ulangkaji	16 – 24 April 2011	1 minggu
Peperiksaan	25 April – 13 Mei 2011	3 minggu
Cuti Semester II	14 Mei – 24 Julai 2011	10 minggu

### SEMESTER KHAS

AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH
Pendaftaran Kursus (secara <i>online</i> )	12 – 15 Mei 2011	4 hari
Perkuliahahan	16 Mei – 01 Julai 2011	7 minggu
Peperiksaan	04 – 08 Julai 2011	5 Hari

\* tertakluk kepada pindaan

\* Sepertimana yang telah diluluskan oleh Senat Universiti Kali Ke-53, Bil. 5/2009 pada 20 Oktober 2009

Nota :

Cuti sempena Hari Raya Puasa – 10 dan 11 Sept 2010 (Jumaat dan Sabtu)

Cuti sempena Hari Raya Qurban – 17 Nov. 2010 (Rabu)

Semester IIA adalah terhad kepada kumpulan pelajar Tahun I sahaja yang akan mengikuti kursus AAA1012 Akidah Islam dan LAA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat serta Program Sokongan Bahasa [Language Support Program (LSP)]

Hari Efektif Kuliah Semester I, Sesi Akademik 2010/2011 – 69/70 hari

Hari Efektif Kuliah Semester II, Sesi Akademik 2010/2011 – 69/70 hari

Hari Efektif Kuliah Semester IIA, Sesi Akademik 2010/2011 – 34/35 hari

**SENARAI HARI KELEPASAN AM PERSEKUTUAN , NEGERI SEMBILAN DAN SELANGOR**

<b>Hari Kelepasan Am</b>	<b>Tahun 2010</b>	<b>Tahun 2011</b>
Tahun Baru	01 Januari (Jumaat)	01 Januari (Sabtu)
Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Negeri Sembilan (Kampus Nilai Sahaja)	14 Januari (Khamis)	14 Januari(Jumaat)
Hari Thaipusam	30 Januari (Sabtu)	
Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W	26 Februari (Jumaat)	16 Februari (Rabu)
Hari Pekerja	01 Mei (Sabtu)	01 Mei (Ahad)
Hari Wesak	28 Mei (Jumaat)	17 Mei (Selasa)
Hari Keputeraan SPB Yang di-Pertuan Agong	05 Jun (Sabtu)	04 Jun (Sabtu)
Israk dan Mikraj (Kampus Nilai Sahaja)	10 Julai (Sabtu)	29 Jun (Rabu)
Hari Nuzul Al-Quran (Kampus Cawangan Pandan Indah Sahaja)	27 Ogos (Jumaat)	17 Ogos (Rabu)
Hari Kebangsaan	31 Ogos (Selasa)	31 Ogos (Rabu)
Hari Raya Puasa	10 dan 11 September (Jumaat dan Sabtu)	31 Ogos dan 1 September (Rabu dan Khamis)
Hari Malaysia	16 September (Khamis)	16 September (Jumaat)
Hari Deepavali	05 November (Jumaat)	26 Oktober (Rabu)
Hari Raya Qurban	17 November (Rabu)	07 November (Isnin)

Awal Muharram	07 Disember (Selasa)	27 November (Ahad)
Hari Keputeraan Sultan Selangor (Kampus Cawangan Pandan Indah Sahaja)	11 Disember (Sabtu)	11 Disember (Ahad)
Hari Krismas	25 Disember (Sabtu)	25 Disember (Ahad)

## **LATAR BELAKANG FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH**

Bagi mencapai matlamat yang direncanakan serta untuk meluaskan skop pengajiannya, USIM telah menubuhkan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah pada Sesi 2000/2001 dan mula mengambil sekumpulan pelajar sulungnya bagi satu program iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah. Adalah diharapkan fakulti ini menjadi satu lagi wadah untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan, mahir dan profesional dalam bidang Pengajian Quran dan Sunnah. Di samping itu, Fakulti ini juga berharap akan dapat mengembangkan lagi Syiar Islam dengan membuka ruang kepada para penyelidik dan pendidik untuk mengkaji, menyelidik dan menyebarkan pengetahuan dan hikmah yang terkandung di dalam kitab suci Quran dan Sunnah kepada masyarakat dan Negara.

Bidang Pengajian Quran dan Sunnah merupakan bidang yang paling dituntut dalam agama Islam kerana ia merupakan teras kepada kehidupan seorang muslim. Oleh itu, dengan tertubuhnya Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah ini ia akan menyemarakkan lagi penghayatan Quran dan Sunnah dalam kehidupan manusia yang semakin pesat dengan kemajuan teknologi dan gerakan modernisasi global. Bagi melaraskan kembali pembinaan ketamadunan yang utuh maka pembinaan akhlak tenaga manusia merupakan perkara yang paling wajib diutamakan oleh negara. Justeru, kepentingan pengajian Quran dan Sunnah ini memang tidak dapat dinafikan lagi.

Berdasarkan kepada kesedaran dan hasrat inilah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah komited untuk terus memartabatkan pengajian Quran dan Sunnah dalam arus perdana pendidikan negara. Antara inisiatif yang diambil oleh pihak Fakulti termasuklah menawarkan beberapa program pengajian baru yang bersifat inovatif yang mengintegrasikan antara pengajian Quran dan Sunnah yang berbentuk klasikal dengan bidang-bidang yang bersifat gunaan selaras dengan hasrat dan keperluan Negara. Justeru, bermula sesi pengajian 2005/2006, dua program pengajian baru telah ditawarkan iaitu program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia (Dengan Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat (Dengan Kepujian). Kedua-dua program ini yang dilaksanakan secara kerjasama dengan Fakulti Sains dan Teknologi (FST), USIM ini merupakan satu nilai tambahan kepada pelajar-pelajar aliran agama di Malaysia yang meluaskan peluang pengajian mereka di samping bidang pengajian Quran dan Sunnah yang sedia ada.

### **Visi**

Memartabatkan Al-Quran dan Sunnah dalam melahirkan insan yang berteraskan pendidikan Islam dan teknologi terkini yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat

### **Misi**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dibangunkan bertepatan dengan visi dan matlamat Kolej Universiti Islam Malaysia iaitu memfokus kepada penyelidikan dan pendidikan yang berteraskan ajaran Islam yang berlandaskan kepada Quran, Sunnah dan kitab-kitab muktabar. Selaras dengan itu Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah ditubuhkan dengan membawa misi berikut :

1. Menjalankan penyelidikan yang meneroka masalah dan cabaran umat Islam serta mencari penyelesaiannya bersumberkan Quran dan Sunnah bagi meningkatkan

mutu kehidupan dan martabat diri umat Islam sebagai umat yang bertaqwa, moden dan progresif.

2. Melahirkan graduan yang berpengetahuan tinggi, berpandangan jauh, berakhlak mulia serta berdaya kepimpinan yang tinggi dalam semua bidang bagi menerajui pembangunan negara seiring dengan wawasan dan perkembangan negara dan juga dunia Islam seluruhnya. Secara khususnya, membentuk graduan yang berkualiti, kreatif dan inovatif dalam kaedah penyampaian dan meningkatkan pengalaman serta penghayatan masyarakat terhadap Quran dan Sunnah.
3. Membentuk tenaga kerja yang mempunyai peribadi mulia, beretika, cekap dan profesional bagi menggerakkan pembangunan serta berdaya saing tinggi bagi memimpin masyarakat Islam moden yang progresif dalam semua arena yang diceburi.
4. Menyebarkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan agama Islam kepada seluruh umat melalui usaha khidmat masyarakat bagi meningkatkan kesedaran mereka kepada kesucian agama Islam dan ketaqwaan mereka kepada Allah s.w.t.
5. Menyokong menjadikan USIM sebagai sebuah institusi pendidikan dan penyelidikan yang terkemuka dalam ilmu-ilmu Islam dan dikenali disemua peringkat sama ada tempatan, serantau mahupun global.

### **Objektif**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah ditubuhkan untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

1. Melahirkan siswazah yang berkemampuan memahami dan mengambil hukum dari sumbernya yang asal iaitu Quran dan Sunnah.
2. Mengeluarkan siswazah yang mempunyai kefahaman yang menyeluruh terhadap pemikiran Islam di bidang akidah, syariah dan akhlak yang berdasarkan Quran dan Sunnah, disamping itu mereka juga memahami perkembangan pemikiran semasa.
3. Melahirkan tenaga manusia yang mampu menjalankan tugas dengan sempurna dalam masyarakat terutama dalam bidang Pengajian Quran dan Sunnah seperti guru, penyelidik, pegawai, perekabentuk sistem teknologi maklumat, pengurus sumber maklumat, usahawan dan pelbagai lagi.

### **Program yang Ditawarkan**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah menawarkan program dalam bidang yang agak luas di semua peringkat, di samping terlibat dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan, penerbitan dan khidmat masyarakat. Program-program tersebut adalah berbentuk akademik dan formal dan peringkat-peringkat tersebut adalah seperti berikut:

1. Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah (Dengan Keahlian)
2. Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia (Dengan Keahlian)
3. Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat (Dengan Keahlian)

**PERATURAN-PERATURAN  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007**

# PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007

## 1. Nama, Mula Berkuatkuasa, Pemakaian dan Tafsiran

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian) 2007 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 01 Februari 2007.
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar yang mula mendaftar sebagai pelajar peringkat ijazah sarjana muda di USIM selepas tarikh Peraturan ini berkuatkuasa.
- 1.3 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua program yang telah diluluskan oleh Senat Universiti.
- 1.4 Dalam Peraturan ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain:
  - 1.4.1 “Dekan” termasuklah Dekan Fakulti/Pengarah/Ketua Program/ Penyelaras yang mengetuai sesebuah Fakulti/Pusat/Institut /Sekolah/Program/Unit;
  - 1.4.2 “Fakulti” termasuklah Pusat/Institut/Sekolah/Unit yang menguruskan hal-ehwal akademik termasuklah pengajaran, pembelajaran dan pentadbiran program-program pengajian;
  - 1.4.3 “MUET” ertinya *Malaysian University English Test*;
  - 1.4.4 “NGMP” ertinya Nilai Gred Mata Pelajaran;
  - 1.4.5 “PNG” ertinya Purata Nilai Gred;
  - 1.4.6 “PNGK” ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif;
  - 1.4.7 “PNGS” ertinya Purata Nilai Gred Semester;
  - 1.4.8 “Penggantungan pendaftaran” ertinya kebenaran untuk tidak mendaftar yang diberikan kepada calon pelajar yang telah ditawarkan tempat untuk mengikuti sesuatu program pengajian;
  - 1.4.9 “Pegawai perubatan/doktor bertauliah” ertinya pegawai perubatan kerajaan atau doktor panel Universiti;
  - 1.4.10 “Penangguhan pengajian” ertinya kebenaran untuk tidak meneruskan pengajian pada sesuatu semester sama ada seseorang pelajar itu mendaftar kursus pada semester berkenaan ataupun tidak;
  - 1.4.11 “Penangguhan peperiksaan” ertinya kebenaran untuk tidak menduduki peperiksaan akhir sesuatu semester;

- 1.4.12 “Sakit” ertinya ketidakupayaan untuk meneruskan pengajian dan ketidakupayaan ini diperakukan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah dan ini tidak termasuk kehamilan;
- 1.4.13 “SPM” ertinya Sijil Pelajaran Malaysia;
- 1.4.14 “STAM” ertinya Sijil Tinggi Agama Malaysia; dan
- 1.4.15 “STPM” ertinya Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia.

## **2. Syarat Kemasukan**

2.1 Syarat kemasukan bagi lepasan Tamhidi USIM/Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia/Setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia adalah seperti berikut:

- 2.1.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi/Bahasa Arab Tinggi;
- 2.1.2 Lulus Tamhidi USIM/Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia/Setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.00;
- 2.1.3 Telah memenuhi keperluan MUET; dan
- 2.1.4 Memenuhi keperluan khas program yang dipohon sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program tersebut.

2.2 Syarat kemasukan bagi lepasan STPM adalah seperti berikut:

- 2.2.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi/Bahasa Arab Tinggi;
- 2.2.2 Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain;
- 2.2.3 Telah memenuhi keperluan MUET; dan
- 2.2.4 Memenuhi keperluan khas program yang dipohon sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program tersebut.

2.3 Syarat kemasukan bagi lepasan STAM adalah seperti berikut:

- 2.3.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi/Bahasa Arab Tinggi;

- 2.3.2 Lulus STAM dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid;
  - 2.3.3 Telah memenuhi keperluan MUET; dan
  - 2.3.4 Memenuhi keperluan khas program yang dipohon sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program tersebut.
- 2.4 Syarat kemasukan bagi lepasan Diploma/setaraf adalah seperti berikut:
- 2.4.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi/Bahasa Arab Tinggi;
  - 2.4.2 Mempunyai kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti;
  - 2.4.3 Telah memenuhi keperluan MUET; dan
  - 2.4.4 Memenuhi keperluan khas program yang dipohon sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program tersebut.

### **3. Struktur Pengajian dan Pengijazahan**

#### **3.1 Jumlah Unit dan Komposisi Kursus**

Untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya sejumlah unit kursus minimum yang ditetapkan seperti yang terkandung dalam peraturan pengajian program yang diikuti meliputi komposisi seperti berikut:

- 3.1.1 Kursus Wajib Universiti (WU);
- 3.1.2 Kursus Wajib Fakulti (WF);
- 3.1.3 Kursus Wajib Program (WP); dan
- 3.1.4 Kursus Elektif Program (EP).

#### **3.2 Pengecualian**

Senat Universiti boleh memberi pengecualian daripada Peraturan 3.1 di atas kepada seseorang pelajar dengan syarat berikut:-

- 3.2.1 pelajar dianggap telah mencapai nilai unit bagi kursus-kursus yang dikecualikan itu;
- 3.2.2 pengecualian maksimum jumlah unit yang boleh diberikan kepada seseorang pelajar adalah tertakluk kepada persetujuan

program pengajian berkenaan dengan tidak melebihi 1/3 daripada jumlah unit keseluruhan;

3.2.3 gred minimum sesuatu kursus yang boleh diberikan pengecualian adalah "B"; dan

3.2.4 pengecualian hanya akan diberikan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

### 3.3 Tempoh Pengajian

3.3.1 Tempoh pengajian yang dibenarkan kepada seseorang pelajar mengikuti pengajian adalah berdasarkan kepada tempoh maksimum dan minimum yang ditetapkan dalam peraturan pengajian program yang diikuti.

3.3.2 Pengecualian daripada tempoh maksimum itu boleh diberi oleh Senat Universiti kerana sesuatu sebab yang munasabah selain daripada sebab kegagalan dalam peperiksaan yang ditetapkan.

3.3.3 Pelajar yang diberi pengecualian daripada sebilangan unit kursus, maka tempoh minimum yang dibenarkan untuk menyelesaikan kursus-kursus lain adalah tertakluk kepada bilangan unit yang dikecualikan.

### 3.4 Pendaftaran Kursus

3.4.1 Semua pelajar dikehendaki mendaftar semua kursus yang diambil pada tarikh yang ditetapkan. Pelajar yang gagal mendaftar pada tarikh tersebut boleh dibenarkan mendaftar dengan syarat menjelaskan sejumlah bayaran yang ditetapkan dan mendaftar dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tersebut. Kegagalan mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan pelajar tidak dibenarkan mendaftar pada semester tersebut sama sekali.

3.4.2 Pendaftaran jumlah unit kursus pada setiap semester adalah tertakluk kepada jumlah maksimum dan minimum sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program yang diikuti.

3.4.3 Pelajar boleh melakukan penukaran kursus yang telah didaftar dengan kursus lain dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan setiap semester.

3.4.4 Pelajar dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dengan syarat pengguguran itu hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu pertama permulaan setiap semester.

3.4.5 Pengguguran kursus boleh dibuat dengan syarat ia tidak menjejaskan jumlah minimum unit kursus bagi sesuatu semester sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program yang diikuti. Bagi kursus yang diberi kebenaran

penggugurannya, ia tidak akan diambil kira dalam pengiraan PNG.

- 3.4.6 Pelajar dibenarkan untuk menarik diri daripada sesuatu kursus yang didaftarkan dengan syarat penarikan diri daripada kursus tersebut dibuat selepas berakhirnya minggu keempat (4) dan selewat-lewatnya pada minggu kesepuluh (10) dan hendaklah mendapat kebenaran Dekan. Kursus tersebut akan dianggap sebagai "TD" (Tarik Diri) tertakluk kepada Peraturan 4.4.5.
- 3.4.7 Pelajar yang gagal menyerahkan projek ilmiah mereka dalam tempoh yang ditetapkan akan diberikan gred "SM" (Sedang Maju) sehinggalah genap 30 hari daripada hari terakhir peperiksaan akhir semester pada semester tersebut. Sekiranya pelajar masih gagal berbuat demikian, pelajar hendaklah memohon secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari daripada Dekan untuk membawa gred "SM" (Sedang Maju) tersebut ke semester berikutnya dengan mengemukakan alasan yang munasabah sebelum dibenarkan mendaftar kursus bagi projek ilmiah mereka mengikut Peraturan 3.4.1.
- 3.4.8 Sekiranya pelajar gagal memohon secara bertulis daripada Dekan atau sekiranya Dekan tidak berpuas hati dengan alasan yang dikemukakan, pelajar akan diberikan gred "F" untuk projek ilmiah mereka sebelum dibenarkan mendaftar kursus tersebut mengikut Peraturan 3.4.1.
- 3.4.9 Pelajar yang gagal mendaftar kursus bagi tempoh dua (2) semester berturut-turut tanpa alasan yang munasabah akan diberhentikan pengajian oleh Senat Universiti.

#### 4. Struktur Penilaian

- 4.1 Penilaian kursus setiap semester adalah berdasarkan kepada sistem penilaian nilai gred. Penilaian ini akan diberi kepada aspek penyediaan kerja kursus sepanjang semester dan/atau peperiksaan akhir semester tertakluk kepada kelulusan Senat Universiti.
- 4.2 Penilaian nilai gred sesuatu kursus diambil berdasarkan kepada peratusan nisbah pemberat 70% - 30% daripada kerja kursus dan 30% - 70% lagi daripada peperiksaan akhir semester.
- 4.3 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Julat Markah	Nilai Gred	Taraf
A	80 - 100	4.00	Cemerlang
A-	75 - 79	3.75	Cemerlang
B+	70 - 74	3.50	Kepujian
B	65 - 69	3.00	Kepujian

B-	60 - 64	2.75	Memuaskan
C+	55 - 59	2.50	Memuaskan
C	50 - 54	2.00	Lulus
C-	45 - 49	1.75	Lulus
D	40 - 44	1.00	Lulus
F	0 - 39	0.00	Gagal
L/G	Lulus/Gagal	-	-
TL	Tidak Lengkap	-	-
SM	Sedang Maju	-	-
U	Audit	-	-
TD	Tarik Diri	-	-
TG	Tanggung Pengajian	-	-
TP	Tanggung Peperiksaan	-	-
TH	Tidak Hadir	0.00	Gagal
X	Dihalang	0.00	Gagal

4.4 Gred-gred yang diberikan tanpa nilai gred adalah seperti berikut:

- 4.4.1 “L/G” (Lulus/Gagal) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak diberi nilai gred tetapi hanya diberi “Lulus” atau “Gagal” sahaja.
- 4.4.2 “TL” (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah dengan kebenaran program pengajian berkenaan. Walaubagaimanapun, pelajar perlu melengkapkan keperluan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas bermulanya semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan juga gred.
- 4.4.3 “SM” (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi kursus yang berupa sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai, tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapat ijazah. Unit dan nilai gred bagi kursus tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata nilai apabila gred “SM” digantikan dengan gred biasa.
- 4.4.4 “U” (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus, tetapi nilai gred tidak diberikan dan gred tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus tersebut.
- 4.4.5 “TD” (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri daripada sesuatu kursus dengan kebenaran Dekan

dalam tempoh di antara minggu kelima (5) dan minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.

- 4.4.6 "TG" (Tanggung Pengajian) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan pengajian pada sesuatu semester dan diberi kebenaran berbuat demikian.
- 4.4.7 "TP" (Tanggung Peperiksaan) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah Peraturan 8.5.
- 4.4.8 "TH" (Tidak Hadir) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang tidak hadir untuk menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut .
- 4.4.9 "X" (Dihalang) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut.

## 5. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred

- 5.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira PNGS dan PNGK kecuali kursus-kursus tertentu yang ditetapkan oleh Senat Universiti.
- 5.2 Kursus yang mendapat gred "F" (Gagal) juga diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK.
- 5.3 Gred bagi kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK dan dengan ini gred "F" (Gagal) yang asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan PNGS dan PNGK tersebut.
- 5.4 Pengiraan PNGS dan PNGK akan ditentukan mengikut kaedah berikut:

### 5.4.1 PNGS

Jumlah nilai gred (nilai gred × unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada Peraturan-peraturan 5.1, 5.2 dan 5.3.

Rumus pengiraan PNGS adalah seperti berikut:

$$\frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

yang mana

$G_i$  = Nilai gred kursus ke- $i$

$U_i$  = Unit kursus ke- $i$

$n$  = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
QAA2173	A	4.00	3	12.00
QAA3033	B+	3.50	3	10.50
QAA2133	A-	3.75	3	11.25
QAA3063	F	0.00	3	00.00
QAA2093	C+	2.50	3	7.50
<b>JUMLAH</b>			<b>15</b>	<b>41.25</b>

$$\begin{aligned} \text{PNGS} &= 41.25/15 \\ &= \mathbf{2.75} \end{aligned}$$

#### 5.4.2 PNGK

Jumlah Nilai Gred (nilai gred  $\times$  unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada Peraturan-peraturan 5.1, 5.2 dan 5.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNGS.

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
QAA2173	A	4.00	3	12.00
QAA3033	B+	3.50	3	10.50
QAA2133	A-	3.75	3	11.25
QAA3063	F	0.00	3	00.00
QAA2093	C+	2.50	3	7.50
<b>JUMLAH</b>			<b>15</b>	<b>41.25</b>

$$\begin{aligned} \text{PNGS} &= 41.25/15 \\ &= \mathbf{2.75} \end{aligned}$$

## Semester II

Kursus	Gred	Nilai gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
QAA2033	A	4.00	3	12.00
QAA3014	B+	3.50	3	10.50
QAA4023	C+	2.50	3	7.50
QAA4033	A	4.00	3	12.00
QBA2013	D	1.00	3	03.00
<b>JUMLAH</b>			<b>15</b>	<b>45.00</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>			<b>30</b>	<b>86.25</b>

$$\begin{aligned}\text{PNGK} &= 86.25/30 \\ &= \mathbf{2.88}\end{aligned}$$

### 6. Syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian

6.1 Lulus: Seseorang pelajar dianggap Lulus dan dibenar meneruskan pengajian ke semester berikutnya jika mendapat PNGS 2.00 atau lebih.

6.2 Lulus Bersyarat:

6.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan dibenar meneruskan pengajian dengan diberi amaran jika mendapat PNGS di antara 1.00 hingga 1.99.

6.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenar berada dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut. Ini bermakna jika pelajar memperolehi PNGS kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat pada Peraturan 6.2.1, pelajar tersebut dianggap Gagal dan Diberhentikan.

6.3 Gagal:

6.3.1 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan Diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan oleh Peraturan 6.2.2 di atas.

6.3.2 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan Diberhentikan jika mendapat PNGS kurang daripada 1.00.

6.4 Penilaian untuk Mendapatkan Ijazah

6.4.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian:

6.4.1.1 Memperolehi PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada Peraturan-peraturan 5.1, 5.2 dan 5.3; dan

6.4.1.2 Memperolehi sekurang-kurangnya unit minimum daripada kursus-kursus yang diambil sepanjang tempoh pengajian yang dibenarkan tertakluk kepada peraturan pengajian program yang diikuti.

#### 6.4.2 Pengurniaan Ijazah

6.4.2.1 Ijazah yang dikurniakan adalah Sarjana Muda dengan Kejujian mengikut kelas seperti berikut:

<b>PNGK</b>	<b>Kelas</b>
3.70	- Pertama;
4.00	
3.00	- Kedua Bahagian Atas;
3.69	
2.34	- Kedua Bahagian Bawah; dan
2.99	
2.00	- Ketiga.
2.33	

6.4.2.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada pelajar yang telah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) memenuhi semua kehendak peraturan pengajian program yang diikuti;
- (b) memenuhi semua kehendak Peraturan ini;
- (c) diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Senat Universiti; dan
- (d) menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan.

#### 6.5 Pengulangan kursus

Pelajar dibenarkan mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat Gred "C-" dan "D" sahaja. Gred yang diperolehi dalam kursus ulangan akan diambilkira sebagai gred akhir tanpa mengambilkira ia lebih baik dari sebelumnya ataupun sebaliknya.

### 7. Peruntukan-peruntukan Lain.

7.1 Kehadiran kuliah dan tutorial bagi sesuatu kursus hendaklah tidak kurang daripada 80%. Oleh itu, jika seseorang pelajar didapati tidak memenuhi keperluan kehadiran tersebut seperti yang ditetapkan, pelajar tersebut tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan akhir semester setelah Dekan dimaklumkan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus berkenaan.

7.2 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar dicatat dalam rekod akademiknya.

### 7.3 Peperiksaan Ulangan Khas

- 7.3.1 Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah dengan syarat pelajar tersebut telah menduduki peperiksaan akhir semester kursus berkenaan.
- 7.3.2 Peperiksaan ini hendaklah diadakan dalam bentuk bertulis dan hanya boleh diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Gred yang diberikan hanya "L" atau "G" (Lulus atau Gagal).
- 7.3.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik) dalam masa dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sejumlah bayaran akan dikenakan untuk tujuan ini.
- 7.3.4 Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan yang berkenaan. Dekan, setelah berunding dengan Penyelaras kursus berkenaan, hendaklah mengaturkan peperiksaan tersebut dalam tempoh dua (2) minggu.

## 8. **Penggantungan Pendaftaran, Penangguhan Pengajian dan Penangguhan Peperiksaan**

### 8.1 Penggantungan Pendaftaran

- 8.1.1 Calon pelajar yang telah ditawarkan untuk mengikuti sesuatu program pengajian tetapi belum mendaftar boleh memohon dalam tempoh sah tawaran untuk menggantungkan pendaftarannya selama tidak kurang satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester jika atas sebab yang munasabah dengan membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan untuk kelulusan dan disalinkan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik).
- 8.1.2 Tempoh penggantungan pendaftaran tidak boleh melebihi dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

### 8.2 Penangguhan Pengajian

- 8.2.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penangguhan pengajian bagi semester-semester tertentu oleh Dekan. Dalam kes-kes seperti ini perakuan daripada pegawai perubatan/doktor bertauliah adalah diperlukan. Perakuan yang diperolehi daripada pegawai selain daripada pegawai perubatan/doktor berkenaan boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu setelah pelajar berkenaan terlebih dahulu menjalani rawatan pegawai

perubatan/doktor berkenaan. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan pegawai perubatan/doktor yang memberi rawatan.

- 8.2. Pelajar yang telah disahkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah bahawa dia sedang hamil untuk tempoh enam (6) bulan dan ke atas pada tarikh permulaan pendaftaran dinasihatkan supaya menanggung pengajian pada semester tersebut.
  - 8.2.3 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada Peraturan 8.2.1 dan Peraturan 8.2.2 boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester jika Dekan berkenaan berpuas hati bahawa masalah yang dihadapinya akan menjejaskan pengajian pelajar itu pada sesi berkenaan.
  - 8.2.4 Permohonan penangguhan pengajian boleh dibuat sehingga minggu ke sepuluh (10) sesuatu semester. Permohonan selepas minggu ke sepuluh (10) tidak akan diberi pertimbangan melainkan permohonan yang diterima daripada pelajar yang telah disahkan hamil dan tidak berupaya untuk meneruskan pengajian oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah atau daripada pelajar yang memohon berdasarkan Peraturan 8.2.1 atau Peraturan 8.2.2.
  - 8.2.5 Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada Dekan dan disalinkan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik).
- 8.3 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian
- 8.3.1 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam Peraturan 8.2.1, Peraturan dan bagi pelajar yang disahkan hamil dan tidak berupaya meneruskan pengajian dalam Peraturan 8.2.4 tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada Peraturan 3.3.
  - 8.3.2 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan dalam Peraturan 8.3.1 diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada Peraturan 3.3.
  - 8.3.3 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua (2) semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian adalah tertakluk kepada tempoh maksimum pengajian yang dinyatakan

dalam peraturan pengajian program yang diikuti kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

#### 8.4 Status Sebagai Seorang Pelajar USIM

Pelajar yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan penangguhan pengajian akan hilang tarafnya sebagai pelajar USIM dan dengan demikian dia tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan USIM yang biasanya diberi kepada pelajar sehingga dia mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

#### 8.5 Penangguhan Peperiksaan

8.5.1 Pelajar yang sakit sewaktu peperiksaan boleh memohon daripada Dekan yang menawarkan kursus untuk kelulusan menangguhkan pengambilan peperiksaan akhir semester kursus berkenaan.

8.5.2 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan bagi sesuatu kursus hendaklah dibuat dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan kursus berkenaan diadakan.

8.5.3 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan surat pengesahan pegawai perubatan/doktor yang merawat pelajar berkenaan seperti dalam Peraturan 8.2.1.

8.5.4 Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan dan diluluskan atas budi bicara Dekan yang menawarkan kursus berdasarkan kepada merit permohonan tersebut.

8.5.5 Peperiksaan gantian hanya akan dibuat pada dua (2) minggu pertama semester yang berikutnya tertakluk kepada keperluan pengijazahan.

8.5.6 Pendaftaran kursus pada semester peperiksaan gantian tersebut diadakan adalah pendaftaran kursus bersyarat sehingga keputusan peperiksaan gantian berkenaan diperolehi tertakluk kepada Peraturan-peraturan 6.1, 6.2 dan 6.3.

### 9. Penyimpanan Skrip Jawapan Peperiksaan

9.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan hendaklah disimpan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus sehingga tempoh yang ditetapkan.

- 9.2 Semua skrip akan disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pemberitahuan secara rasmi keputusan peperiksaan kursus berkenaan.
- 9.3 Tertakluk kepada Peraturan 9.4 semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga bulan seperti yang tersebut di dalam Peraturan 9.2.
- 9.4 Dalam kes di mana rayuan terhadap keputusan penilaian sesuatu kursus itu telah dibuat oleh seseorang pelajar, skrip jawapan berkenaan dengan penilaian itu tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas keputusan penyemakan semula itu disahkan.

## **10. Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus**

- 10.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Pendaftar (Bahagian Akademik). Rayuan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberi pertimbangan.
- 10.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta dibuat penyemakan semula.
- 10.3 Sejumlah bayaran yang ditetapkan bagi setiap kursus akan dikenakan kepada pelajar yang membuat rayuan dan bayaran tersebut hendaklah disertakan bersama dengan surat rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- 10.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan yang berkaitan. Dekan selepas berunding dengan Penyelaras kursus yang terlibat, boleh melantik sebuah panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- 10.5 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Ketua Program, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang kursus berkenaan.
- 10.6 Perakuan Panel Pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti. Keputusan mesyuarat Fakulti mengenai penilaian semula kursus atau kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat Universiti sebelum dimaklumkan kepada pelajar berkenaan.
- 10.7 Semua keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan itu tidak boleh dilayan.

## **11. Rayuan untuk Meneruskan Semula Pengajian**

- 11.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan Diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
- 11.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik) dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Setiap rayuan hendaklah disertakan dengan sejumlah bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dikembalikan. Sebarang rayuan selepas tempoh tersebut tidak boleh dipertimbangkan.
- 11.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan. Dekan hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Rayuan untuk membuat pertimbangan dan keputusan.
- 11.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal akademik, penyelaras kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli daripada Fakulti yang berkaitan.
- 11.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa seperti berikut:
  - 11.5.1 menerima atau menolak sesuatu rayuan;
  - 11.5.2 membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan; dan
  - 11.5.3 memperakukan keputusan yang telah dicapai mengenai semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan tidak layak dipertimbangkan.
- 11.6 Perakuan yang dibuat mengenai perkara di atas tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat Universiti untuk pengesahan.
- 11.7 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad. Oleh itu, sebarang rayuan selanjutnya mengenai hal ini tidak boleh dilayan.

## **12. Umum**

- 12.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat Universiti dari semasa ke semasa hendaklah berkuatkuasa kepada pelajar yang mendaftar selepas tarikh kuatkuasa Peraturan ini.
- 12.2 Senat Universiti mempunyai kuasa untuk memberi apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada keperluan-keperluan Peraturan ini.
- 12.3 Sekiranya terdapat ketidakseragaman di antara mana-mana peruntukan Peraturan ini dengan peruntukan yang sama dalam peraturan pengajian

program, maka Peraturan ini adalah terpakai setakat mana yang diperlukan kecuali dinyatakan sebaliknya secara khusus dalam peraturan pengajian program tersebut.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007**

**JADUAL PERTAMA**

Di bawah Peraturan 5.1, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kursus/kursus-kursus yang berikut sebagai tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK:

1. Latihan Industri;
2. Latihan Amali;
3. Praktikum;
4. Pengajian Halaqah;
5. Muhadathah Hurrah; dan
6. Ko-Kurikulum.

Sebagaimana ditetapkan oleh Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada 11 April 2007 (Mesyuarat Senat Kali Ke-38)

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007**

**JADUAL KEDUA**

Di bawah Peraturan-peraturan 3.4.1, 7.3, 10.3 dan 11.2, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kadar-kadar bayaran bagi urusan-urusan berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Urusan</b>	<b>Kadar Bayaran</b>
1.	Permohonan Menduduki Peperiksaan Ulangan Khas	RM50.00
2.	Rayuan Semakan Semula Keputusan Penilaian Kursus	RM50.00
3.	Rayuan Meneruskan Semula Pengajian	RM50.00
4.	Lewat Mendaftar	RM25.00
5.	Pendaftaran Kursus Selepas Tamat Tempoh Pendaftaran	RM25.00/Kursus

Sebagaimana ditetapkan oleh Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada 11 April 2007 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-38) dan 06 Januari 2010 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-54, Bil. 06/2009)

**SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH  
(DENGAN KEPUJIAN)**

# **SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH (DENGAN KEPUJIAN)**

## **Latarbelakang**

Program Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian ditawarkan berdasarkan pertimbangan-pertimbangan berikut:

1. Kursus Pengajian Quran dan Sunnah telah lama diajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Ianya tidak diajar secara lengkap di peringkat ijazah cuma ditawarkan di peringkat jabatan dan di peringkat yang lebih rendah. Oleh itu sudah tiba masanya program ini diajar secara lebih komprehensif di peringkat Ijazah.
2. Dorongan Kerajaan dan minat masyarakat terhadap pengajian Quran dan Sunnah begitu ketara sekali, terutamanya dengan penubuhan Maahad Tahfiz dan pusat-pusat pengajian Quran di seluruh negara. Oleh itu program ini dapat menyahut cabaran menyediakan tenaga mahir dalam bidang pengajian Quran dan Sunnah.
3. Mutakhir ini, muncul golongan yang mempertikaikan kewibawaan hadis serta mengingkari keuhujahannya dan golongan yang beramal dengan amalan-amalan bidaah sesat yang berpandukan kepada hadis-hadis palsu yang boleh merosakkan ajaran Islam yang sebenarnya. Justeru, kewujudan program ini amatlah diperlukan bagi melahirkan graduan yang berkemahiran dan berpengetahuan yang mendalam dalam bidang Sunnah, supaya mereka mampu membela kesucian Sunnah, seterusnya berupaya membanteras unsur-unsur bidaah dan khurafat.
4. Pada masa ini, belum ada mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam yang menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah Dengan Kepujian. Justeru, ia akan menjadi program IPTA pertama di Malaysia.

## **Objektif**

1. Melahirkan siswazah yang berkemampuan memahami dan mengambil hukum dari sumbernya yang asal iaitu Quran dan Sunnah.
2. Menghasilkan siswazah yang mempunyai kefahaman yang menyeluruh terhadap pemikiran Islam di bidang akidah, syariah dan akhlak berdasarkan Quran dan Sunnah, di samping memahami perkembangan pemikiran semasa.
3. Melahirkan tenaga manusia yang mampu menjalankan tugas dengan sempurna dalam masyarakat terutama dalam bidang Pengajian Quran dan Sunnah sebagai guru, penyelidik, pegawai dan sebagainya.

## Syarat Kemasukan

Calon-calon yang memohon mengikuti program ini hendaklah memenuhi syarat berikut:

1. Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian sekurang-kurangnya lima (5) mata pelajaran termasuklah mata pelajaran berikut:
  - Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia;
  - Bahasa Arab Tinggi;
  - Mana-mana dua (2) daripada mata pelajaran berikut:-
    - Pendidikan Islam;
    - Tasawwur Islam;
    - Pendidikan Syariah Islamiyyah;
    - Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah;
  - Satu (1) mata pelajaran lain; dan
  - Lulus Bahasa Inggeris pada peringkat tersebut.
2. Memiliki mana-mana kelayakan berikut:
  - 2.1 Lulus STAM dengan sekurang-kurangnya pangkat Jekyllid; atau
  - 2.2. Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran berikut:
    - Bahasa Arab; dan
    - Syariah/Usuluddin; **atau**
  - 2..3 Mempunyai kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti.
3. Telah memenuhi keperluan MUET
4. Selain daripada kelayakan akademik, sikap positif, aktif, cemerlang dalam kepimpinan dan pengetahuan am adalah diberi keutamaan.

## KOMPONEN PROGRAM

1. Untuk layak dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah (Dengan Kejujian) pelajar memerlukan sekurang-kurangnya 130 unit atau 4 tahun

(8 semester) pengajian sepenuh masa. Pelajar juga dikehendaki mengikuti kursus mengikut keperluan, peraturan dan ketetapan yang dibuat oleh USIM dan Fakulti.

2. Struktur program ini umumnya, terbahagi kepada empat bahagian, iaitu komponen kursus Wajib Universiti (WU), komponen kursus wajib Fakulti (WF), komponen kursus Wajib Program (WP) dan komponen kursus Elektif Program (EP). Perincian kepada komponen program ini akan bergantung kepada jenis program masing-masing.
3. Justifikasi komponen program: Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah (Dengan Kepujian) merupakan satu program yang mana ianya merangkumi semua aspek pengajian Quran & Sunnah dan bidang yang berkait rapat dengan bidang pengajian Islam, kemahiran bahasa, teknologi komunikasi maklumat dan asas kaedah penyelidikan. Komponen program ini disusun dengan rapi dan teliti untuk memenuhi permintaan industri dan sektor awam yang amat mengharapkan graduan yang dilahirkan dari bidang ini dapat melaksanakan nilai-nilai Islam. Setiap program yang ditawarkan akan berteraskan kepada ajaran Islam sepenuhnya agar ianya dapat diterima oleh masyarakat selari dengan kehendak masyarakat Islam moden dan progresif. Diharapkan dengan cara itu setiap program yang ditawarkan akan dapat memberi sumbangan yang terbaik kepada masyarakat.

## STRUKTUR KOMPONEN PROGRAM

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Kursus Teras
Kursus Wajib Universiti	UTA1012 Tamadun Islam dan Asia	2	WU
	UTA1062 Hubungan Etnik	2	WU
	AAA2022 Akhlak & Tasawwuf	2	WU
	MGA1023 Prinsip Pengurusan Perniagaan	3	WU
	AAA1012 Akidah Islam	2	WU
	UTA2072 Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah	2	WU
	LAA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat	2	WU
		2	WU
	UBA1032 Bahasa Arab I	2	WU
	UBA1042 Bahasa Arab II	2	WU
	UBE1012 Bahasa Inggeris I	2	WU
	UBE1022 Bahasa Inggeris II	2	WU
		<b>*1 Kursus Ko-Kurikulum</b>	2
	<b>Jumlah Unit</b>	<b>25</b>	

\* 1 kursus yang ditawarkan oleh Universiti dari semasa ke semasa

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Kursus Teras
Kursus Wajib	UBE2452 Bahasa Inggeris (ESP 1)	2	WF
	UBA1062 Bahasa Arab (ASP 1)	2	WF

Fakulti	AAA1043 Prinsip dan Amalan Komunikasi Da'wah	3	WF	
	UTA2082 Pengajian Halaqah	2	WF	
	UTA1082 Teknologi Maklumat dan Komunikasi	2	WF	
	QAA1042 Sirah Rasul	2	WF	
	QAA1012 Ulum al-Quran	2	WF	
	QAA1022 Ulum al-Hadith	2	WF	
	MGC3012 Keusahawanan	2	WF	
	QAA3072 Metodologi Penyelidikan	2	WF	
	UTA4016 Latihan Amali/Industri	6	WF	
	<b>Jumlah Unit</b>	<b>27</b>		
Kursus Wajib Program Pengajian Quran dan Sunnah	QAA2173 Hifz al-Quran	3	WP	
	LAA1022 Tarikh Tashri'	2	WP	
	LAA1032 Sistem Undang-undang di Malaysia	2	WP	
	LAA1042 Usul al-Fiqh	2	WP	
	AAA2012 Pemikiran Islam Semasa	2	WP	
	QAA2012 Pengantar Qiraat dan Hafazan	2	WP	
	QBA2023 Dabt Rasm al-Quran dan Fawasil	3	WP	
	QAA2033 Tafsir Ayat-ayat Hukum	3	WP	
	QAA2133 Tafsir I	3	WP	
	QAA2073 Ilmu Rijal al-Hadith	3	WP	
	LAA1052 Fiqh Muamalat dan Jinayat	2	WP	
	QAA2093 Sikap Orientalis Terhadap Quran dan Sunnah	3	WP	
	QAA2053 Hadith Hukum	3	WP	
	QAA2133 Tafsir II	3	WP	
	QAA3013 Takhrij al-Hadith	3	WP	
	QAA2153 Hadith I	3	WP	
	QBA2033 Tarannum	3	WP	
	QAA3023 Hadith II	3	WP	
	QAA3033 Sunnah, Bid'ah & Khurafat	3	WP	
	QAA3043 Kajian Hadith Dha'if & Maudu'	3	WP	
	QAA3063 Projek Ilmiah	3	WP	
	QAA4013 Aplikasi Braille Dalam Pengajian Quran dan Sunnah	3	WP	
	QAA4033 Tafsir Ilmi	3	WP	
	QAA4023 Kajian Quran dan Hadith di Era ICT	3	WP	
		<b>Jumlah Unit</b>	<b>66</b>	

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Kursus Teras
Kursus Elektif Program*	AAD2063 Islam dan Isu-isu Semasa	3	EP
	AAD3023 Adab al-Ikhtilaf	3	EP
	AAM3053 Etika Kerja Islam	3	EP
	LAA2023 al-Fiqh al-Mu'asir	3	EP
	LAA2043 Qawa'id Fiqhiyyah	3	EP
	LAA3053 Siyasa Shar'iyyah	3	EP
	UBE2033 Literature In English	3	EP
	UBE2043 Creative Writing	3	EP
	UBE2053 Bahasa Inggeris III	3	EP
	<b>Jumlah Unit</b>	<b>12</b>	

\* Dikehendaki 12 Unit Sahaja

## SENARAI PENAWARAN KURSUS BARU MENGIKUT SEMESTER

### Semester 1

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia	WU	2	2
UTA1082 Teknologi Maklumat dan Komunikasi	WF	2	3
UBA1032 Bahasa Arab I	WU	2	3
UBA1042 Bahasa Arab II	WU	2	3
UBE1012 Bahasa Inggeris I	WU	2	3
UBE1022 Bahasa Inggeris II	WU	2	3
UTA1062 Hubungan Etnik	WU	2	2
QAA2173 Hifz al-Quran	WP	3	1
Ko-Kurikulum	WU	2	2
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	<b>22</b>

### Semester 2

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
MGA1023 Prinsip Pengurusan Perniagaan	WU	3	4
UBE2452 Bahasa Inggeris (ESP 1)	WF	2	3
UBA1062 Bahasa Arab (ASP 1)	WF	2	3
AAA1043 Prinsip dan Amalan Komunikasi Da'wah	WF	3	4
QAA1042 Sirah Rasul	WF	2	3
QAA2173 Hifz al-Quran	WP		1
LAA1022 Tarikh Tashri'	WP	2	3
LAA1032 Sistem Undang-undang di Malaysia	WP	2	3
<b>Jumlah</b>		<b>16</b>	<b>24</b>

### Semester 2A

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
AAA1012 Akidah Islam	WU	2	3
LAA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat	WU	2	3
<b>Jumlah</b>		<b>4</b>	<b>6</b>

### Semester 3

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
QAA1012 Ulum al-Quran	WF	2	3
QAA1022 Ulum al-Hadith	WF	2	3
QAA2173 Hifz al-Quran	WP		1
LAA1042 Usul Fiqh 1	WP	2	3
AAA2012 Pemikiran Islam Semasa	WP	2	3
QAA2012 Pengantar Qiraat dan Hafazan	WP	2	3
QBA2023 Dabt, Rasm al-Quran &Fawasil	WP	3	4
QAA2133 Tafsir I	WP	3	4
UTA2082 Pengajian Halaqah	WF		1
<b>Jumlah</b>		<b>16</b>	<b>25</b>

### Semester 4

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
AAA2022 Akhlak dan Tasawwuf	WU	2	3
UTA2072 Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah	WU	2	3
QAA2033 Tafsir Ayat-ayat Hukum	WP	3	4
QAA2173 Hifz al-Quran	WP		1
QAA2073 Ilmu Rijal al-Hadith	WP	3	4
LAA1052 Fiqh Muamalat dan Jinayat	WP	2	3
QAA3013 Takhrij al-Hadith	WP	3	4
UTA2082 Pengajian Halaqah	WF		1
<b>Jumlah</b>		<b>15</b>	<b>23</b>

### Semester 5

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
QAA2053 Hadith Hukum	WP	3	4
QAA3053 Tafsir II	WP	3	4
QAA2153 Hadith I	WP	3	4
QAA2093 Sikap Orientalis Terhadap Quran dan Sunnah	WP	3	4
QBA2033 Tarannum	WP	3	4
UTA2082 Pengajian Halaqah	WF		1
1 kursus Elektif	EP	3	4
QAA2173 Hifz al-Quran	WP		1
<b>Jumlah</b>		<b>18</b>	<b>26</b>

**Semester 6**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
MGC3012 Keusahawanan	WF	2	3
QAA3072 Metodologi Penyelidikan	WF	2	3
QAA3023 Hadith II	WP	3	4
QAA3033 Sunnah, Bidaah & Khurafat	WP	3	4
QAA3043 Kajian Hadith Dha'if dan Maudhu'	WP	3	4
QAA4023 Kajian Quran dan Hadith di Era ICT	WP	3	4
UTA2082 Pengajian Halaqah	WF		1
1 kursus Elektif	EP	3	4
QAA2173 Hifz al-Quran	WP		1
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	<b>28</b>

**Semester 7**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
QAA4033 Tafsir Ilmi	WP	3	4
QAA3063 Projek Ilmiah	WP	3	4
QAA4013 Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah	WP	3	4
UTA2082 Pengajian Halaqah	WF	2	1
2 kursus Elektif	EP	6	6
<b>Jumlah</b>		<b>17</b>	<b>21</b>

**Semester 8**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
UTA4016 Latihan Industri	WF	6	
<b>Jumlah</b>		<b>6</b>	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>130</b>	<b>175</b>

**PERATURAN-PERATURAN  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH  
DENGAN KEPUJIAN) 2007**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH  
DENGAN KEPUJIAN) 2007**

**1. Nama, Mula Berkuatkuasa, Pemakaian dan Tafsiran**

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian) 2007 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 01 Februari 2007.
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar yang mula mendaftar sebagai pelajar peringkat ijazah sarjana muda di USIM selepas tarikh Peraturan ini berkuatkuasa.
- 1.3 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi tujuan pengijazahan program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian.
- 1.4 Dalam Peraturan ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain:
  - 1.4.1 "NGMP" ertinya Nilai Gred Mata Pelajaran;
  - 1.4.2 "SPM" ertinya Sijil Pelajaran Malaysia;
  - 1.4.3 "STPM" ertinya Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia;
  - 1.4.4 "MUET" ertinya *Malaysian University English Test*;
  - 1.4.5 "STAM" ertinya Sijil Tinggi Agama Malaysia;
  - 1.4.6 "PNG" ertinya Purata Nilai Gred;
  - 1.4.7 "PNGS" ertinya Purata Nilai Gred Semester;
  - 1.4.8 "PNGK" ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif;
  - 1.4.9 "Dekan" termasuklah Dekan Fakulti/Pengarah/Ketua Program/Penyelaras yang mengetuai sesebuah Fakulti/Pusat/Institut/Sekolah/Unit;
  - 1.4.10 "Fakulti" termasuklah Pusat/Institut/Sekolah/Unit yang menguruskan hal-ehwal akademik termasuklah pengajaran, pembelajaran dan pentadbiran program-program pengajian;
  - 1.4.11 "Penggantungan pendaftaran" ertinya kebenaran untuk tidak mendaftar yang diberikan kepada calon pelajar yang telah ditawarkan tempat untuk mengikuti sesuatu program pengajian;
  - 1.4.12 "Penangguhan pengajian" ertinya kebenaran untuk tidak meneruskan pengajian pada sesuatu semester sama ada

seseorang pelajar itu mendaftar kursus pada semester berkenaan ataupun tidak;

- 1.4.13 “Penangguhan peperiksaan” ertinya kebenaran untuk tidak menduduki peperiksaan akhir sesuatu semester;
- 1.4.14 “Pegawai perubatan/doktor bertauliah” ertinya pegawai perubatan kerajaan atau doktor panel Universiti; dan
- 1.4.15 “Sakit” ertinya ketidakupayaan untuk meneruskan pengajian dan ketidakupayaan ini diperakukan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah dan ini tidak termasuk kehamilan.

## **2. Syarat Kemasukan**

2.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian sekurang-kurangnya lima (5) mata pelajaran termasuklah mata pelajaran berikut:

2.1.1 Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia;

2.1.2 Bahasa Arab Tinggi;

2.1.3 Mana-mana dua (2) daripada mata pelajaran berikut:-

2.1.3.1 Pendidikan Islam;

2.1.3.2 Tasawwur Islam;

2.1.3.3 Pendidikan Syariah Islamiyyah;

2.1.3.4 Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah;

2.1.2 Satu (1) mata pelajaran lain; dan

Lulus Bahasa Inggeris pada peringkat tersebut.

2.2 Memiliki mana-mana kelayakan berikut:

2.2.1 Lulus STAM dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid; atau

2.2.2 Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran berikut:

2.2.2.1 Bahasa Arab; dan

2.2.2.2 Syariah/Usuluddin; atau

2.2.3 Mempunyai kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti.

- 2.3 Telah memenuhi keperluan MUET.
- 2.4 Selain daripada kelayakan akademik, sikap positif, aktif, cemerlang dalam kepimpinan dan pengetahuan am adalah diberi keutamaan.

### 3. Struktur Pengajian dan Pengijazahan

#### 3.1 Jumlah Unit

Untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya seratus tiga puluh (130) unit kursus yang ditetapkan sebagaimana dinyatakan dalam Peraturan 3.2.

#### 3.2 Komposisi Kursus

Bagi tujuan pengijazahan, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya sejumlah unit kursus yang meliputi komposisi seperti berikut:

##### 3.2.1 Kursus Wajib Universiti (WU) sebanyak 25 unit.

Kursus Wajib Universiti (WU) adalah kursus yang wajib diikuti oleh semua pelajar. Pelajar dikehendaki lulus semua kursus tersebut dengan mencapai unit yang ditetapkan:

##### 3.2.2 Kursus Wajib Fakulti (WF) sebanyak 27 unit.

Kursus Wajib Fakulti (WF) adalah kursus yang wajib diikuti oleh pelajar sesuatu fakulti tanpa mengira program pengajian yang diikuti. Pelajar dikehendaki lulus semua kursus tersebut dengan mencapai unit yang ditetapkan.

##### 3.2.3 Kursus Wajib Program (WP) sebanyak 66 unit

Kursus Teras Program (WP) adalah kursus yang wajib diikuti oleh pelajar sesuatu program. Pelajar dikehendaki lulus dengan mencapai unit yang ditetapkan.

##### 3.2.4 Kursus Elektif Program (EP) sebanyak 12 unit.

Kursus Elektif Program (EP) adalah mana-mana kursus yang ditawarkan kepada pelajar secara pilihan sama ada daripada fakulti pelajar atau daripada fakulti-fakulti lain.

#### 3.3 Kursus Latihan Amali/Industri

Kursus Latihan Amali/Industri adalah kursus bertaraf Wajib Fakulti (WF) yang diwajibkan kepada semua pelajar. Kursus ini bernilai enam (6) unit

dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan PNG. Pelajar dikehendaki menjalani Latihan Amali/Industri di organisasi yang ditentukan oleh USIM.

### 3.4 Kursus Ko-Kurikulum

Kursus Ko-Kurikulum adalah kursus bertaraf Wajib Universiti (WU) yang diwajibkan kepada semua pelajar. Kursus ini bernilai minimum dua (2) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan PNG.

### 3.5 Pengecualian

Senat Universiti boleh memberi pengecualian daripada Peraturan 3.1 di atas kepada seseorang pelajar dengan syarat berikut:-

3.5.1 pelajar dianggap telah mencapai nilai unit bagi kursus-kursus yang dikecualikan itu;

3.5.2 pengecualian maksimum jumlah unit yang boleh diberikan kepada seseorang pelajar adalah tertakluk kepada persetujuan program pengajian berkenaan dengan tidak melebihi 1/3 daripada jumlah unit keseluruhan;

3.5.3 gred minimum sesuatu kursus yang boleh diberikan pengecualian adalah "B"; dan

3.5.4 pengecualian hanya akan diberikan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

### 3.6 Tempoh Pengajian

3.6.1 Tempoh pengajian yang dibenarkan kepada seseorang pelajar mengikuti pengajian adalah tidak kurang daripada lapan (8) semester dan tidak lebih daripada dua belas (12) semester. Pengiraan tempoh pengajian dikira mulai tarikh pendaftaran pertama pelajar memasuki pengajian.

3.6.2 Pengecualian daripada tempoh maksimum sepuluh (10) semester boleh diberi oleh Senat Universiti kerana sesuatu sebab yang munasabah selain daripada sebab kegagalan dalam peperiksaan yang ditetapkan.

3.6.3 Pelajar yang diberi pengecualian daripada sebilangan unit kursus, maka tempoh minimum yang dibenarkan untuk menyelesaikan kursus-kursus lain adalah tertakluk kepada bilangan unit yang dikecualikan.

### 3.7 Pendaftaran Kursus

- 3.7.1 Semua pelajar dikehendaki mendaftar semua kursus yang diambil pada tarikh yang ditetapkan. Pelajar yang gagal mendaftar pada tarikh tersebut boleh dibenarkan mendaftar dengan syarat menjelaskan sejumlah bayaran yang ditetapkan dan mendaftar dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tersebut. Kegagalan mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan pelajar tidak dibenarkan mendaftar pada semester tersebut sama sekali.
- 3.7.2 Pendaftaran jumlah unit kursus pada setiap semester hendaklah tidak kurang daripada lima belas (15) unit dan tidak dua puluh (20) unit pada setiap semester. Pendaftaran yang kurang daripada lima belas (15) unit dan yang lebih daripada dua puluh (20) unit hanya boleh dibuat dengan kebenaran Dekan.
- 3.7.3 Pelajar boleh melakukan penukaran kursus yang telah didaftar dengan kursus lain dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan setiap semester.
- 3.7.4 Pelajar dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dengan syarat pengguguran itu hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu pertama permulaan setiap semester.
- 3.7.5 Pengguguran kursus boleh dibuat dengan syarat ia tidak menjejaskan jumlah minimum unit kursus bagi sesuatu semester kecuali pelajar yang diberi kebenaran mendaftar sebagaimana dinyatakan dalam Peraturan 3.7.2. Bagi kursus yang diberi kebenaran penggugurannya, ia tidak akan diambil kira dalam pengiraan PNG.
- 3.7.6 Pelajar dibenarkan untuk menarik diri daripada sesuatu kursus yang didaftarkan dengan syarat penarikan diri daripada kursus tersebut dibuat selepas berakhirnya minggu keempat (4) dan selewat-lewatnya pada minggu kesepuluh (10) dan hendaklah mendapat kebenaran Dekan. Kursus tersebut akan dianggap sebagai "TD" (Tarik Diri) tertakluk kepada Peraturan 4.4.5.
- 3.7.7 Pelajar yang gagal menyerahkan projek ilmiah mereka dalam tempoh yang ditetapkan akan diberikan gred "SM" (Sedang Maju) sehinggalah genap 30 hari daripada hari terakhir peperiksaan akhir semester pada semester tersebut. Sekiranya pelajar masih gagal berbuat demikian, pelajar hendaklah memohon secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari daripada Dekan untuk membawa gred "SM" (Sedang Maju) tersebut ke semester berikutnya dengan mengemukakan alasan yang munasabah sebelum dibenarkan mendaftar kursus bagi projek ilmiah mereka mengikut Peraturan 3.4.1.
- 3.7.8 Sekiranya pelajar gagal memohon secara bertulis daripada Dekan atau sekiranya Dekan tidak berpuas hati dengan alasan yang dikemukakan, pelajar akan diberikan gred "F" untuk projek

ilmiah mereka sebelum dibenarkan mendaftar kursus tersebut mengikut Peraturan 3.4.1.

- 3.7.9 Pelajar yang gagal mendaftar kursus bagi tempoh dua (2) semester berturut-turut tanpa alasan yang munasabah akan diberhentikan pengajian oleh Senat Universiti.

#### 4. Struktur Penilaian

- 4.1 Penilaian kursus setiap semester adalah berdasarkan kepada sistem penilaian nilai gred. Penilaian ini akan diberi kepada aspek penyediaan kerja kursus sepanjang semester dan/atau peperiksaan akhir semester tertakluk kepada kelulusan Senat Universiti.
- 4.2 Penilaian nilai gred sesuatu kursus diambil berdasarkan kepada peratusan nisbah pemberat 70% - 30% daripada kerja kursus dan 30% - 70% lagi daripada peperiksaan akhir semester.
- 4.3 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Julat Markah	Nilai Gred	Taraf
A	80 - 100	4.00	Cemerlang
A-	75 - 79	3.75	Cemerlang
B+	70 - 74	3.50	Kepujian
B	65 - 69	3.00	Kepujian
B-	60 - 64	2.75	Memuaskan
C+	55 - 59	2.50	Memuaskan
C	50 - 54	2.00	Lulus
C-	45 - 49	1.75	Lulus
D	40 - 44	1.00	Lulus
F	0 - 39	0.00	Gagal
L/G	Lulus/Gagal		
TL	Tidak Lengkap		
SM	Sedang Maju		
U	Audit		
TD	Tarik Diri		
TG	Tanggung Pengajian		
TP	Tanggung Peperiksaan		
TH	Tidak Hadir	0.00	Gagal
X	DiHalang	0.00	Gagal

- 4.4 Gred-gred yang diberikan tanpa nilai gred adalah seperti berikut:

- 4.4.1 “L”/“G” (Lulus/Gagal) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak diberi nilai gred tetapi hanya diberi “Lulus” atau “Gagal” sahaja.
- 4.4.2 “TL” (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Program berkenaan kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Walaubagaimanapun, pelajar perlu melengkapkan keperluan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas bermulanya semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan juga gred.
- 4.4.3 “SM” (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi kursus yang berupa sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai, tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapat ijazah. Unit dan nilai gred bagi kursus tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata nilai apabila gred “SM” digantikan dengan gred biasa.
- 4.4.4 “U” (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus, tetapi nilai gred tidak diberikan dan gred tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus tersebut.
- 4.4.5 “TD” (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri daripada sesuatu kursus dengan kebenaran Dekan dalam tempoh di antara minggu kelima (5) dan minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.
- 4.4.6 “TG” (Tanggung Pengajian) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan pengajian pada sesuatu semester dan diberi kebenaran berbuat demikian.
- 4.4.7 “TP” (Tanggung Peperiksaan) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah Peraturan 8.5.
- 4.4.8 “TH” (Tidak Hadir) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang tidak hadir untuk menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut .
- 4.4.9 “X” (Dihalang) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut.

## 5. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred

- 5.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira PNGS dan PNGK kecuali kursus-kursus tertentu yang ditetapkan.
- 5.2 Kursus yang mendapat gred "F" (Gagal) juga diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK.
- 5.3 Gred bagi kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK dan dengan ini gred "F" (Gagal) yang asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan PNGS dan PNGK tersebut.
- 5.4 Pengiraan PNGS dan PNGK akan ditentukan mengikut kaedah berikut:

### 5.4.1 PNGS

Jumlah nilai gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada Peraturan-peraturan 5.1, 5.2 dan 5.3

Rumus pengiraan PNGS adalah seperti berikut:

$$\frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

yang mana

$G_i$  = Nilai gred kursus ke- $i$

$U_i$  = Unit kursus ke- $i$

$n$  = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.50	3	10.50
AAA 1053	A-	3.75	3	11.25
AAA 1073	F	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.50	3	7.50
<b>JUMLAH</b>			<b>15</b>	<b>41.25</b>

$$\begin{aligned} \text{PNGS} &= 41.25/15 \\ &= \mathbf{2.75} \end{aligned}$$

5.4.2 PNGK

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada Peraturan-peraturan 5.1, 5.2 dan 5.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNGS.

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.50	3	10.50
AAA 1053	A-	3.75	3	11.25
AAA 1073	F	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.50	3	7.50
<b>JUMLAH</b>			<b>15</b>	<b>41.25</b>

$$\begin{aligned} \text{PNGS} &= 41.25/15 \\ &= \mathbf{2.75} \end{aligned}$$

## Semester II

Kursus	Gred	Nilai gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1023	A	4.00	3	12.00
AAA 1043	B+	3.50	3	10.50
AAA 1063	C+	2.50	3	7.50
AAA 1083	A	4.00	3	12.00
AAA 1103	D	1.00	3	03.00
<b>JUMLAH</b>			<b>15</b>	<b>45.00</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>			<b>30</b>	<b>86.25</b>

$$\begin{aligned}\text{PNGK} &= 86.25/30 \\ &= \mathbf{2.88}\end{aligned}$$

### 6. Syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian

- 6.1 Lulus: Seseorang pelajar dianggap Lulus dan dibenar meneruskan pengajian ke semester berikutnya jika mendapat PNGS 2.00 atau lebih.
- 6.2 Lulus Bersyarat:
  - 6.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan dibenar meneruskan pengajian dengan diberi amaran jika mendapat PNGS di antara 1.00 hingga 1.99.
  - 6.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenar berada dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut. Ini bermakna jika pelajar memperoleh PNGS kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat pada Peraturan 6.2.1, pelajar tersebut dianggap Gagal dan Diberhentikan.
- 6.3 Gagal:
  - 6.3.1 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan Diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan oleh Peraturan 6.2.2 di atas.
  - 6.3.2 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan Diberhentikan jika mendapat PNGS kurang daripada 1.00.
- 6.4 Penilaian untuk mendapatkan ijazah
  - 6.4.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian:

6.4.1.1 memperoleh PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada Peraturan-peraturan 5.1, 5.2 dan 5.3; dan

6.4.1.2 memperoleh sekurang-kurangnya unit minimum daripada kursus-kursus yang diambil sepanjang tempoh pengajian yang dibenarkan tertakluk kepada peraturan pengajian program yang diikuti.

#### 6.4.2 Pengurniaan ijazah

6.4.2.1 Ijazah yang dikurniakan adalah Sarjana Muda dengan Kepujian mengikut kelas seperti berikut:

<b>PNGK</b>	<b>Kelas</b>
3.70	- Pertama
4.00	
3.00	- Kedua Bahagian Atas
3.69	
2.34	- Kedua Bahagian Bawah
2.99	
2.00	- Ketiga
2.33	

6.4.2.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada pelajar yang telah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) memenuhi semua kehendak Peraturan ini;
- (b) memenuhi semua kehendak Peraturan-peraturan Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian;
- (c) diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Senat Universiti; dan
- (e) menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan.

#### 6.6 Pengulangan kursus

Pelajar dibenarkan mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat Gred "C-" dan "D" sahaja. Gred yang diperolehi dalam kursus ulangan akan diambilkira sebagai gred akhir tanpa mengambilkira ia lebih baik dari sebelumnya ataupun sebaliknya.

### 7. Peruntukan-peruntukan Lain.

7.1 Kehadiran kuliah dan tutorial bagi sesuatu kursus hendaklah tidak kurang daripada 80%. Oleh itu, jika seseorang pelajar didapati tidak memenuhi keperluan kehadiran tersebut seperti yang ditetapkan, pelajar tersebut tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan akhir semester

setelah Dekan dimaklumkan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus berkenaan.

7.2 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar dicatat dalam rekod akademiknya.

7.3 Peperiksaan Ulangan Khas

7.3.1. Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah.

7.3.2 Peperiksaan ini hendaklah diadakan dalam bentuk bertulis dan hanya boleh diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Gred yang diberikan hanya "L" atau "G" (Lulus atau Gagal).

7.3.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik) dalam masa dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sejumlah bayaran akan dikenakan untuk tujuan ini.

7.3.4 Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan yang berkenaan. Dekan, setelah berunding dengan Penyelaras kursus berkenaan, hendaklah mengaturkan peperiksaan tersebut dalam tempoh dua (2) minggu.

## **.8. Penggantungan Pendaftaran, Penangguhan Pengajian dan Penangguhan Peperiksaan**

8.1 Penggantungan Pendaftaran

8.1.1 Calon pelajar yang telah ditawarkan untuk mengikuti sesuatu program pengajian tetapi belum mendaftar boleh memohon dalam tempoh sah tawaran untuk menggantungkan pendaftarannya selama tidak kurang satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester jika atas sebab yang munasabah dengan membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan untuk kelulusan dan disalinkan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik).

8.1.2 Tempoh penggantungan pendaftaran tidak boleh melebihi dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

8.2 Penangguhan Pengajian

8.2.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penangguhan pengajian bagi semester-semester tertentu oleh Dekan. Dalam kes-kes seperti ini perakuan daripada

pegawai perubatan/doktor bertauliah adalah diperlukan. Perakuan yang diperolehi daripada pegawai selain daripada pegawai perubatan/doktor berkenaan boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu setelah pelajar berkenaan terlebih dahulu menjalani rawatan pegawai perubatan/doktor berkenaan. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan pegawai perubatan/doktor yang memberi rawatan.

- 8.2.2 Pelajar yang telah disahkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah bahawa dia sedang hamil untuk tempoh enam (6) bulan dan ke atas pada tarikh permulaan pendaftaran dinasihatkan supaya menangguh pengajian pada semester tersebut.
  - 8.2.3 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada Peraturan 8.2.1 dan Peraturan 8.2.2 boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester jika Dekan berkenaan berpuas hati bahawa masalah yang dihadapinya akan menjejaskan pengajian pelajar itu pada sesi berkenaan.
  - 8.2.4 Permohonan penangguhan pengajian boleh dibuat sehingga minggu ke sepuluh (10) sesuatu semester. Permohonan selepas minggu ke sepuluh (10) tidak akan diberi pertimbangan melainkan permohonan yang diterima daripada pelajar yang telah disahkan hamil dan tidak berupaya untuk meneruskan pengajian oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah atau daripada pelajar yang memohon berdasarkan Peraturan 8.2.1 atau Peraturan 8.2.2.
  - 8.2.5 Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada Dekan dan disalinkan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik).
- 8.3 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian
- 8.3.1 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam Peraturan 8.2.1, Peraturan 8.2.2 dan bagi pelajar yang disahkan hamil dan tidak berupaya meneruskan pengajian dalam Peraturan 8.2.4 tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada Peraturan 3.3.
  - 8.3.2 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan dalam Peraturan 8.3.1 di atas diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada Peraturan 3.3.

- 8.3.3 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua (2) semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian adalah selama empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.
- 8.4 Status Sebagai Seorang Pelajar USIM
- Pelajar yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan penangguhan pengajian akan hilang tarafnya sebagai pelajar USIM dan dengan demikian dia tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan USIM yang biasanya diberi kepada pelajar sehingga dia mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.
- 8.5 Penangguhan Peperiksaan
- 8.5.1 Pelajar yang sakit sewaktu peperiksaan boleh memohon daripada Dekan yang menawarkan kursus untuk kelulusan menangguhkan pengambilan peperiksaan kursus berkenaan.
- 8.5.2 Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan bagi sesuatu kursus hendaklah dibuat dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan kursus berkenaan diadakan.
- 8.5.3 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan surat pengesahan pegawai perubatan/doktor yang merawat pelajar berkenaan seperti dalam Peraturan 8.2.1.
- 8.5.4 Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan dan diluluskan atas budi bicara Dekan yang menawarkan kursus berdasarkan kepada merit permohonan tersebut.
- 8.5.5 Peperiksaan gantian hanya akan dibuat pada dua (2) minggu pertama semester yang berikutnya tertakluk kepada keperluan pengijazahan.
- 8.5.6 Pendaftaran kursus pada semester peperiksaan gantian tersebut diadakan adalah pendaftaran kursus bersyarat sehingga keputusan peperiksaan gantian tersebut diperolehi tertakluk kepada Peraturan-peraturan 6.1, 6.2 dan 6.3.

## **9. Penyimpanan Skrip Jawapan Peperiksaan**

- 9.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan hendaklah disimpan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus sehingga tempoh yang ditetapkan.

- 9.2 Semua skrip akan disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pemberitahuan secara rasmi keputusan peperiksaan kursus berkenaan.
- 9.3 Tertakluk kepada Peraturan 9.4 semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga bulan seperti yang tersebut di dalam Peraturan 9.2.
- 9.4 Dalam kes di mana rayuan terhadap keputusan penilaian sesuatu kursus itu telah dibuat oleh seseorang pelajar, skrip jawapan berkenaan dengan penilaian itu tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas keputusan penyemakan semula itu disahkan.

## **10. Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus**

- 10.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Pendaftar (Bahagian Akademik). Rayuan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberi pertimbangan.
- 10.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta dibuat penyemakan semula.
- 10.3 Sejumlah bayaran yang ditetapkan bagi setiap kursus akan dikenakan kepada pelajar yang membuat rayuan dan bayaran tersebut hendaklah disertakan bersama dengan surat rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- 10.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan yang berkaitan. Dekan selepas berunding dengan Penyelaras kursus yang terlibat, boleh melantik sebuah panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- 10.5 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Ketua Program, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang kursus berkenaan.
- 10.6 Perakuan Panel Pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti. Keputusan mesyuarat Fakulti mengenai penilaian semula kursus atau kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat Universiti sebelum dimaklumkan kepada pelajar berkenaan.
- 10.7 Semua keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan itu tidak boleh dilayan.

## **11. Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian**

- 11.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan Diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
- 11.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik) dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Setiap rayuan hendaklah disertakan dengan sejumlah bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dikembalikan. Sebarang rayuan selepas tempoh tersebut tidak boleh dipertimbangkan.
- 11.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan. Dekan hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Rayuan untuk membuat pertimbangan dan keputusan.
- 11.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal akademik, Penyelaras kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli daripada Fakulti yang berkaitan.
- 11.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa seperti berikut:
  - 11.5.1 menerima atau menolak sesuatu rayuan;
  - 11.5.2 membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan; dan
  - 11.5.3 memperakukan keputusan yang telah dicapai mengenai semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan tidak layak dipertimbangkan.
- 11.6 Perakuan yang dibuat mengenai perkara di atas tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat Universiti untuk pengesahan.
- 11.7 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad. Oleh itu, sebarang rayuan selanjutnya mengenai hal ini tidak boleh dilayan.

## **12. Umum**

- 12.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat Universiti dari semasa ke semasa hendaklah berkuatkuasa kepada pelajar yang mendaftar selepas tarikh kuatkuasa Peraturan ini.
- 12.2 Senat Universiti mempunyai kuasa untuk memberi apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada keperluan-keperluan Peraturan ini.
- 12.3 Sekiranya terdapat ketidakseragaman di antara mana-mana peruntukan Peraturan ini dengan peruntukan yang sama dalam Peraturan-peraturan

Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, maka Peraturan tersebut adalah terpakai setakat mana yang diperlukan kecuali dinyatakan sebaliknya secara khusus dalam Peraturan ini.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007**

**JADUAL PERTAMA**

Di bawah Peraturan 5.1, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kursus/kursus-kursus yang berikut sebagai tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK:

1. Latihan Industri;
2. Latihan Amali;
3. Praktikum;
4. Pengajian Halaqah;
5. Muhadathah Hurrah; dan
6. Ko-Kurikulum.

Sebagaimana ditetapkan oleh Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada 11 April 2007 (Mesyuarat Senat Kali Ke-38)

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007**

**JADUAL KEDUA**

Di bawah Peraturan-peraturan 3.4.1, 7.3, 10.3 dan 11.2, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kadar-kadar bayaran bagi urusan-urusan berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Urusan</b>	<b>Kadar Bayaran</b>
1.	Permohonan Menduduki Peperiksaan Ulangan Khas	RM50.00
2.	Rayuan Semakan Semula Keputusan Penilaian Kursus	RM50.00
3.	Rayuan Meneruskan Semula Pengajian	RM50.00
4.	Lewat Mendaftar	RM25.00
5.	Pendaftaran Kursus Selepas Tamat Tempoh Pendaftaran	RM25.00/Kursus

Sebagaimana ditetapkan oleh Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada 11 April 2007 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-38) dan 06 Januari 2010 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-54, Bil. 06/2009)

# **SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DENGAN MULTIMEDIA (DENGAN KEPUJIAN)**

## **Latarbelakang**

Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian ditawarkan berdasarkan pertimbangan-pertimbangan berikut:

1. Al-Quran merupakan sumber utama pengetahuan dalam Islam. Ia meliputi pelbagai aspek pengetahuan dan cabang ilmu yang merangkumi pelbagai bidang seperti teologi, perundangan, sejarah, sains dan sebagainya. Namun, didapati bahawa bidang utama yang sering ditekankan dalam pengajaran ialah yang berkaitan ilmu-ilmu Quran yang bersifat klasikal dan tertumpu ke arah mengeluarkan hukum-hukum berkaitan pengamalan dan pemahaman Islam sahaja. Oleh demikian, kebanyakan graduan dalam bidang ini tidak mampu untuk berinteraksi dengan teknologi dan perkembangan sains semasa. Ini menyebabkan kemunduran dan kebekuan idea-idea baru yang amat diperlukan dalam pemahaman dan pengamalan Islam berasaskan pengetahuan terkini. Justeru program ini telah dibentuk khusus untuk menumpukan terhadap bidang pengajian Quran yang jarang ditawarkan dalam bentuk profesional seperti Qiraat dan Tarannum dan mengaplikasikannya dengan perkembangan teknologi dan sains semasa di samping cabang-cabang ilmu pengetahuan tradisi berasaskan Quran untuk menghasilkan satu program yang dinamik dan bermanfaat kepada masyarakat. Untuk tujuan ini, cabang pengajian Multimedia telah dipilih berdasarkan hubungannya yang rapat dengan bidang Qiraat dan Tarannum yang menggunakan asas bunyi sebagai media utamanya. Dengan gabungan antara kedua-dua bidang ini, satu anjakan paradigma dalam pengajian Quran diharap dapat diberikan ke arah memartabatkan Quran dalam aspek penghayatan dan pengamalan dalam bentuk ilmiah dan profesional.
2. Dewasa ini, terdapat kecenderungan daripada masyarakat dalam mempelajari Quran dan memahaminya sebagai asas pengamalan Islam yang sebenar. Namun, pengajaran dalam bidang ini agak terhad dan tidak dinamik dengan perkembangan pesat dunia moden semasa terutamanya dari sudut metodologi pengajarannya. Oleh itu, dengan penawaran pengajian ini yang menggabungkan kedua-dua aspek Quran dan Multimedia membolehkan pelajar berinteraksi dengan Quran menggunakan teknologi terkini dan meluaskan skop dan manfaat daripadanya dalam bidang-bidang seperti pengajaran bacaan, pemahaman kandungan, pembangunan kandungan dan perisian (Content Development) dan sebagainya dalam bentuk-bentuk yang lebih interaktif dan berkesan. Secara tidak langsung, ini dapat membantu merealisasikan hasrat Kerajaan dalam mencapai sifar buta Quran dan meningkatkan pemahaman dan ajaran Islam berasaskan sumbernya yang betul di kalangan masyarakat.
3. Melalui program ini juga, graduan berpeluang meluaskan skop kerjaya mereka untuk bersaing dalam pasaran kerja tempatan. Ini dapat dilihat menerusi gabungan antara asas pengetahuan Quran yang kukuh dan bidang aplikasi Multimedia yang merupakan antara cabang utama Teknologi Maklumat. Gabungan unik kursus-kursusnya juga menggalakkan para graduan untuk berdikari dan berkecimpung dalam bidang keusahawanan dan perniagaan berasaskan teknologi dan Quran.

4. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) kini hanya menawarkan satu program sahaja dan keperluan amat dirasakan untuk menawarkan program yang lebih berbentuk gunaan yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dan negara. Ini bersesuaian dengan falsafah penubuhan USIM yang bertujuan memartabatkan pengajian Islam menerusi paduan antara ilmu nakli dan akli. Oleh demikian, program ini merupakan salah satu usaha yang dilakukan bagi merealisasikan hasrat tersebut di samping menjadikan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), USIM sebagai sebuah fakulti yang dinamik dan selari dengan pembangunan dan hasrat negara untuk menjadi pusat kecemerlangan akademik di rantau ini.
5. Berdasarkan penelitian, program seumpama ini belum pernah lagi ditawarkan di mana-mana Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia. Oleh demikian, program ini merupakan program pertama yang seumpamanya ditawarkan di Malaysia.

## **Objektif**

1. Untuk menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran dalam kedua-dua bidang Quran dan Multimedia secara bersepadu yang mengintegrasikan antara aspek teori dan amali. Ini berdasarkan kepada keperluan masyarakat kepada tenaga kerja yang mempunyai kemahiran dalam bidang Quran dan Multimedia. Tugas para graduan pengajian Islam pada masa kini tidak boleh lagi difahami dalam ruang lingkup yang sempit tetapi hendaklah difahami sebagai satu tugas dan cabaran profesional. Oleh itu, para graduan pengajian Quran hendaklah dibekalkan dengan pengetahuan serta kemahiran teknologi terkini dalam bidang yang berkaitan seperti ICT dan Multimedia untuk melayakkan mereka menyumbangkan tenaga dan usaha mereka terhadap agama, masyarakat dan negara secara profesional dan beretika seperti pengisian perisian dan pembangunan modul berasaskan ICT.
2. Memberikan nilai-nilai tambahan (added values) kepada graduan bidang pengajian Islam tulen seperti pengajian Quran dan Sunnah dalam usaha mengubah persepsi masyarakat terhadap bidang pengajian Islam dalam era yang serba mencabar ini menerusi integrasi yang mantap antara teknologi, kemahiran, pengetahuan dan etika.
3. Usaha meningkatkan kefahaman Islam di kalangan masyarakat serta memartabatkan Islam dalam seluruh aspek kehidupan telah menyaksikan pertumbuhan pelbagai institusi, agensi dan syarikat samada dari pihak kerajaan atau bukan kerajaan yang memainkan peranan masing-masing dalam mencapai hasrat tersebut. Ini mengunjurkan keperluan terhadap graduan bidang pengajian Islam dan Quran yang mahir dalam penggunaan teknologi semasa. Ini lebih membuka peluang kepada graduan program ini untuk berkecimpung dalam bidang ini sebagai usahawan, perunding dan teknokrat yang mampu untuk berdikari menerusi skil dan kemahiran yang dibekalkan dalam kurikulum pengajian program ini.
4. Berupaya menjadikan FPQS, USIM sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan awam yang menawarkan program-program dinamik yang mengintegrasikan antara Islam dan ICT semasa. Ini dapat membantu hasrat USIM

untuk mengetengahkan penghayatan Islam yang progresif, sederhana dan moden dalam diri graduannya.

Adalah diharapkan agar graduan yang dihasilkan daripada program ini dapat menyumbang kepada pembangunan bidang berkaitan Quran dan Multimedia yang amat diperlukan masyarakat dengan lebih berkesan dan profesional. Di samping itu, mereka juga diharapkan agar dapat menyumbang pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang-bidang terbabit di pelbagai institusi, organisasi (kerajaan dan swasta), sekolah dan sebagainya yang berasaskan Quran dan aplikasi teknologi Multimedia terkini. Para graduan juga diharapkan supaya mampu berdikari dan bersaing dalam bidang keusahawanan berteraskan bidang pengajian Islam dan Quran secara khasnya menggunakan pendekatan moden dan terkini hasil daripada pendedahan dan kemahiran yang didapati daripada kurikulum program ini. Ini membolehkan mereka memasarkan produk dan khidmat mereka kepada masyarakat dan negara dengan lebih cekap dan berkesan, seterusnya mengurangkan pergantungan mereka terhadap peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan semata-mata.

## **Syarat Kemasukan**

Calon-calon yang memohon mengikuti program ini hendaklah memenuhi syarat berikut:

1. Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam sekurang-kurangnya enam (6) mata pelajaran termasuklah mata pelajaran berikut:
  - Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia;
  - Bahasa Arab Tinggi/ Bahasa Arab Komunikasi;
  - Matematik;
  - Sains;
  - Mana-mana dua (2) daripada mata pelajaran berikut:-
    - Pendidikan Islam;
    - Tasawwur Islam;
    - Pendidikan Syariah Islamiyyah;
    - Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah; dan
  - Lulus Bahasa Inggeris pada peringkat tersebut.
2. Memiliki mana-mana kelayakan berikut:
  - 2..1 Lulus STAM dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid; atau

- 2..2 Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran berikut:
- Bahasa Arab; dan
  - Syariah/Usuluddin; atau
- 2.3 Mempunyai kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti.

3. Telah memenuhi keperluan MUET

4. Selain daripada kelayakan akademik, sikap positif, aktif, cemerlang dalam kepimpinan dan pengetahuan am adalah diberi keutamaan.

### **KOMPONEN PROGRAM**

1. Untuk layak dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia (Dengan Kepujian) pelajar memerlukan sekurang-kurangnya 141 unit atau 4 tahun (8 semester) pengajian sepenuh masa. Pelajar juga dikehendaki mengikuti kursus mengikut keperluan, peraturan dan ketetapan yang dibuat oleh USIM dan Fakulti.
2. Struktur program ini umumnya, terbahagi kepada empat bahagian, iaitu komponen kursus Wajib Universiti (WU), komponen kursus Wajib Fakulti (WF), komponen kursus Wajib Program (WP) dan komponen kursus Elektif Program (EP). Perincian kepada komponen program ini akan bergantung kepada jenis program masing-masing.
3. Justifikasi komponen program: Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia (Dengan Kepujian) merupakan satu program yang mana ianya merangkumi semua aspek pengajian Quran dan bidang yang berkait rapat dengan bidang pengajian Islam, teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan asas kaedah penyelidikan. Komponen program ini disusun dengan rapi dan teliti untuk memenuhi permintaan industri dan sektor awam yang amat mengharapkan graduan yang dilahirkan dari bidang ini dapat melaksanakan nilai-nilai Islam. Setiap program yang ditawarkan akan berteraskan kepada ajaran Islam sepenuhnya agar ianya dapat diterima oleh masyarakat selari dengan kehendak masyarakat Islam moden dan progresif. Diharapkan dengan cara itu setiap program yang ditawarkan akan dapat memberi sumbangan yang terbaik kepada masyarakat.

## STRUKTUR KOMPONEN PROGRAM

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Kursus Teras
Kursus Wajib Universiti	UTA1012 Tamadun Islam dan Asia	2	WU
	UTA1062 Hubungan Etnik	2	WU
	AAA2022 Akhlak & Tasawwuf	2	WU
	MGA1023 Prinsip Pengurusan Perniagaan	3	WU
	AAA1012 Akidah Islam	2	WU
	UTA2072 Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah	2	WU
	LAA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat	2	WU
	UBA1032 Bahasa Arab I	2	WU
	UBA1042 Bahasa Arab II	2	WU
	UBE1012 Bahasa Inggeris I	2	WU
	UBE1022 Bahasa Inggeris II	2	WU
	<b>*1 Kursus Ko-Kurikulum</b>		2
	<b>Jumlah Unit</b>	<b>25</b>	

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Kursus Teras
Kursus Wajib Fakulti	UBE2452 Bahasa Inggeris (ESP 1)	2	WF
	UBA1062 Bahasa Arab (ASP 1)	2	WF
	AAA1043 Prinsip dan Amalan Komunikasi Da'wah	3	WF
	UTA1082 Teknologi Maklumat dan Komunikasi	2	WF
	UTA1051 Pengajian Halaqah	2	WF
	QAA1042 Sirah Rasul	2	WF
	QAA1012 Ulum Quran	2	WF
	QAA1022 Ulum Hadith	2	WF
	MGC3012 Keusahawanan	2	WF
	QAA3072 Metodologi Penyelidikan	2	WF
	UTA4016 Latihan Amali/Industri	6	WF
		<b>Jumlah Unit</b>	<b>27</b>

Kursus Wajib Program Pengajian Quran dengan Multimedia	<b>Kursus Pengajian Quran</b>		
	QBA2013 Ilmu Tajwid	3	WP
	LAA1042 Usul al-Fiqh	2	WP
	QBA2023 Dabt, Rasm al-Quran & Fawasil	3	WP
	QBA2033 Tarannum	3	WP
	QAA2133 Tafsir I	3	WP

	QAA2033 Tafsir Ayat-ayat Hukum	3	WP
	QAA2093 Sikap Orientalis Terhadap Quran & Sunnah	3	WP
	QBA4013 I'Jaz al-Quran	3	WP
	QAA2053 Hadith Hukum	3	WP
	QAA3053 Tafsir II	3	WP
	QBA4063 Projek Ilmiah	3	WP
	QAA4013 Aplikasi Braille Dalam Pengajian Quran dan Sunnah	3	WP
	QAA4023 Kajian Quran dan Hadith di Era ICT	3	WP
	QBA3013 Qiraat Amali I	3	WP
	QBA3023 Qiraat Amali II	3	WP
	QBA4023 Metodologi Pengajaran al- Quran & Tahfiz	3	WP
	<b>Kursus Multimedia</b>		
	SKU2013 Pengantar Grafik Laman Web	3	WP
	SKU3023 Grafik Laman Web II		
	SKU2023 Pengantar Pengaturcaraan Web	3 3	WP WP
	SKU3013 Pengaturcaraan Berorientasikan Objek	3	WP
	SKU3043 Sistem Pengurusan Pangkalan Data Multimedia	3	WP
	SKU3033 Rangkaian dan Pentadbiran Sistem	3	WP
	SKU3053 Teknologi Dan Aplikasi Multimedia	3	WP
	SKU4033 Multimedia Internet		
	SKU4013 Teknologi dan Aplikasi Multimedia Lanjutan	3 3	WP WP
	SKU4023 Interaksi Insan dan Komputer	3	WP
	SKU3063 Pengaturcaraan Web II	3	WP
	<b>Jumlah Unit</b>	<b>80</b>	

\*Jam pertemuan berasaskan penggunaan makmal. (Kuliah+makmal=5jam) (kuliah=4jam)

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Kursus Teras
*Kursus Elektif	MCB3013 Kelakuan Pengguna	3	EP
	AAD3083 Pengucapan Awam	3	EP
	SAA1023 Statistik: Teori dan Gunaan	3	EP
	<b>Jumlah Unit</b>	<b>9</b>	

\*Dikehendaki 9 Unit Sahaja termasuk AAD3083

## SENARAI PENAWARAN KURSUS BARU MENGIKUT SEMESTER

### Semester 1

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia	WU	2	2
UTA1082 Teknologi Maklumat dan Komunikasi	WF	2	3
UBA1032 Bahasa Arab I	WU	2	3
UBA1042 Bahasa Arab II	WU	2	3
UBE1012 Bahasa Inggeris I	WU	2	3
UBE1022 Bahasa Inggeris II	WU	2	3
UTA1062 Hubungan Etnik	WU	2	2
Ko-Kurikulum	WU	2	2
<b>Jumlah</b>		<b>16</b>	<b>21</b>

### Semester 2

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
MGA1023 Prinsip Pengurusan Perniagaan	WU	3	4
UBE2452 Bahasa Inggeris (ESP 1)	WF	2	3
UBA1062 Bahasa Arab (ASP 1)	WF	2	3
AAA1043 Prinsip dan Amalan Komunikasi Da'wah	WF	3	4
SKU2013 Pengantar Grafik Laman Web	WP	3	4
QBA2013 Ilmu Tajwid	WP	3	4
SKU3043 Sistem Pengurusan Pangkalan Data Multimedia	WP	3	4
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	<b>26</b>

### Semester 2A

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
AAA1012 Akidah Islam	WU	2	3
LAA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat	WU	2	3
<b>Jumlah</b>		<b>4</b>	<b>6</b>

**Semester 3**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
QAA1012 Ulum al-Quran	WF	2	3
QAA1042 Sirah Rasul	WF	2	3
QAA1022 Ulum al-Hadith	WF	2	3
LAA1042 Usul al-Fiqh	WP	2	3
QBA2023 Dabt, Rasm al-Quran dan Fawasil	WP	3	4
QBA2033 Tarannum	WP	3	4
SKU3023 Grafik Laman Web II	WP	3	4
QAA2133 Tafsir I	WP	3	4
UTA2082 Pengajian Halaqah	WF		1
<b>Jumlah</b>		<b>20</b>	<b>29</b>

**Semester 4**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
AAA2022 Akhlak dan Tasawwuf	WU	2	3
UTA2072 Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah	WU	2	3
QAA2033 Tafsir Ayat-ayat Hukum	WP	3	4
SKU3013 Pengaturcaraan Berorientasikan Objek	WP	3	4
SKU2023 Pengantar Pengaturcaraan Web	WP	3	4
QAA2093 Sikap Orientalis Terhadap Quran dan Sunnah	WP	3	4
QBA4013 I'jaz al-Quran	WP	3	4
UTA2082 Pengajian Halaqah	WF		1
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	<b>27</b>

**Semester 5**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
QAA2053 Hadith Hukum	WP	3	4
QAA3053 Tafsir II	WP	3	4
SKU3063 Pengaturcaraan Web II	WP	3	4
SKU3033 Rangkaian dan Pentadbiran Sistem	WP	3	4
QBA3013 Qiraat Amali I	WP	3	4
UTA2082 Pengajian Halaqah	WF		1
1 kursus elektif	EP	3	4
<b>Jumlah</b>		<b>18</b>	<b>25</b>

**Semester 6**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
MGC3012 Keusahawanan	WF	2	3
QAA3072 Metodologi Penyelidikan	WF	2	3
QAA4023 Kajian Quran dan Hadith di Era ICT	WP	3	4
QAA4013 Aplikasi Braile Dalam Pengajian Quran dan Sunnah	WP	3	4
QBA3023 Qiraat Amali II	WP	3	4
SKU3053 Teknologi dan Aplikasi Multimedia	WP	3	4
UTA2082 Pengajian Halaqah	WF		1
1 kursus elektif	EP	3	4
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	<b>27</b>

**Semester 7**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
QBA4063 Projek Ilmiah	WP	3	4
QBA4023 Metodologi Pengajaran al-Quran dan Tahfiz	WP	3	4
SKU4033 Multimedia Internet	WP	3	4
SKU4013 Teknologi dan Aplikasi Multimedia Lanjutan	WP	3	4
SKU4023 Interaksi Insan dan Komputer	WP	3	4
UTA2082 Pengajian Halaqah	WF	2	1
1 kursus elektif	EP	3	4
<b>Jumlah</b>		<b>20</b>	<b>25</b>

**Semester 8**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
UTA4016 Latihan Amali/ Industri	WF	6	
<b>Jumlah</b>		<b>6</b>	
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>141</b>	<b>186</b>

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DENGAN  
MULTIMEDIA DENGAN KEPUJIAN) 2007**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DENGAN  
MULTIMEDIA DENGAN KEPUJIAN) 2007**

**1. Nama, Mula Berkuatkuasa, Pemakaian dan Tafsiran**

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian) 2007 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 01 Februari 2007.
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar yang mula mendaftar sebagai pelajar peringkat ijazah sarjana muda di USIM selepas tarikh Peraturan ini berkuatkuasa.
- 1.3 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi tujuan pengijazahan program ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian.
- 1.4 Dalam Peraturan ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain:
  - 1.4.1 “NGMP” ertinya Nilai Gred Mata Pelajaran;
  - 1.4.2 “SPM” ertinya Sijil Pelajaran Malaysia;
  - 1.4.3 “STPM” ertinya Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia;
  - 1.4.4 “MUET” ertinya *Malaysian University English Test*;
  - 1.4.5 “STAM” ertinya Sijil Tinggi Agama Malaysia;
  - 1.4.6 “PNG” ertinya Purata Nilai Gred;
  - 1.4.7 “PNGS” ertinya Purata Nilai Gred Semester;
  - 1.4.8 “PNGK” ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif;
  - 1.4.9 “Dekan” termasuklah Dekan Fakulti/Pengarah/Ketua Program/Penyelaras yang mengetuai sesebuah Fakulti/Pusat/Institut/Sekolah/Unit;
  - 1.4.10 “Fakulti” termasuklah Pusat/Institut/Sekolah/Unit yang menguruskan hal-ehwal akademik termasuklah pengajaran, pembelajaran dan pentadbiran program-program pengajian;
  - 1.4.11 “Penggantungan pendaftaran” ertinya kebenaran untuk tidak mendaftar yang diberikan kepada calon pelajar yang telah ditawarkan tempat untuk mengikuti sesuatu program pengajian;

- 1.4.12 “Penangguhan pengajian” ertinya kebenaran untuk tidak meneruskan pengajian pada sesuatu semester sama ada seseorang pelajar itu mendaftar kursus pada semester berkenaan ataupun tidak;
- 1.4.13 “Penangguhan peperiksaan” ertinya kebenaran untuk tidak menduduki peperiksaan akhir sesuatu semester;
- 1.4.14 “Pegawai perubatan/doktor bertauliah” ertinya pegawai perubatan kerajaan atau doktor panel Universiti; dan
- 1.4.15 “Sakit” ertinya ketidakupayaan untuk meneruskan pengajian dan ketidakupayaan ini diperakukan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah dan ini tidak termasuk kehamilan.

## **2. Syarat Kemasukan**

- 2.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam sekurang-kurangnya enam (6) mata pelajaran termasuklah mata pelajaran berikut:
  - 2.1.1 Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia;
  - 2.1.2 Bahasa Arab Tinggi/Bahasa Arab Komunikasi;
  - 2.1.3 Matematik;
  - 2.1.4 Sains;
  - 2.1.5 Mana-mana dua (2) daripada mata pelajaran berikut:-
    - 2.1.5.1 Pendidikan Islam;
    - 2.1.5.2 Tasawwur Islam;
    - 2.1.5.3 Pendidikan Syariah Islamiyyah;
    - 2.1.5.4 Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah; dan

-Lulus Bahasa Inggeris pada peringkat tersebut.
- 2.2 Memiliki mana-mana kelayakan berikut:
  - 2.2.1 Lulus STAM dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid; atau
  - 2.2.2 Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran berikut:
    - 2.2.2.1 Bahasa Arab; dan

2.2.2.2 Syariah/Usuluddin; atau

2.2.3 Mempunyai kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti.

2.3 Telah memenuhi keperluan MUET.

2.4 Selain daripada kelayakan akademik, sikap positif, aktif, cemerlang dalam kepimpinan dan pengetahuan am adalah diberi keutamaan.

### **3. Struktur Pengajian dan Pengijazahan**

#### **3.1 Jumlah Unit**

Untuk memperolehi ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya seratus empat puluh satu (141) unit kursus yang ditetapkan sebagaimana dinyatakan dalam Peraturan 3.2.

#### **3.2 Komposisi Kursus**

Bagi tujuan pengijazahan, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya sejumlah unit kursus yang meliputi komposisi seperti berikut:

3.2.1 Kursus Wajib Universiti (WU) sebanyak 25 unit.

Kursus Wajib Universiti (WU) adalah kursus yang wajib diikuti oleh semua pelajar. Pelajar dikehendaki lulus semua kursus tersebut dengan mencapai unit yang ditetapkan.

3.2.2 Kursus Wajib Fakulti (WF) sebanyak 27 unit.

Kursus Wajib Fakulti (WF) adalah kursus yang wajib diikuti oleh pelajar sesuatu fakulti tanpa mengira program pengajian yang diikuti. Pelajar dikehendaki lulus semua kursus tersebut dengan mencapai unit yang ditetapkan.

3.2.3 Kursus Wajib Program (WP) sebanyak 80 unit.

Kursus Wajib Program (WP) adalah kursus yang wajib diikuti oleh pelajar sesuatu program pengajian. Pelajar dikehendaki lulus dengan mencapai unit yang ditetapkan.

3.2.4 Kursus Elektif Program (EP) sebanyak 9 unit.

Kursus Elektif Program (EP) adalah mana-mana kursus yang ditawarkan kepada pelajar secara pilihan sama ada daripada fakulti pelajar atau daripada fakulti-fakulti lain.

### 3.3 Kursus Latihan Amali/Industri

Kursus Latihan Amali/Industri adalah kursus bertaraf Wajib Fakulti (WF) yang diwajibkan kepada semua pelajar. Kursus ini bernilai enam (6) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan PNG. Pelajar dikehendaki menjalani Latihan Amali/Industri di organisasi yang ditentukan oleh USIM.

### 3.4 Kursus Ko-Kurikulum

Kursus Ko-Kurikulum adalah kursus bertaraf Wajib Universiti (WU) yang diwajibkan kepada semua pelajar. Kursus ini bernilai minimum dua (2) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan PNG.

### 3.5 Pengecualian

Senat Universiti boleh memberi pengecualian daripada Peraturan 3.1 di atas kepada seseorang pelajar dengan syarat berikut:-

3.5.1 pelajar dianggap telah mencapai nilai unit bagi kursus-kursus yang dikecualikan itu;

3.5.2 pengecualian maksimum jumlah unit yang boleh diberikan kepada seseorang pelajar adalah tertakluk kepada persetujuan program pengajian berkenaan dengan tidak melebihi 1/3 daripada jumlah unit keseluruhan;

3.5.3 gred minimum sesuatu kursus yang boleh diberikan pengecualian adalah "B"; dan

3.5.4 pengecualian hanya akan diberikan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

### 3.6 Tempoh Pengajian

3.6.1 Tempoh pengajian yang dibenarkan kepada seseorang pelajar mengikuti pengajian adalah tidak kurang daripada lapan (8) semester dan tidak lebih daripada dua belas (12) semester. Pengiraan tempoh pengajian dikira mulai tarikh pendaftaran pertama pelajar memasuki pengajian.

3.6.2 Pengecualian daripada tempoh maksimum dua belas (12) semester boleh diberi oleh Senat Universiti kerana sesuatu sebab yang munasabah selain daripada sebab kegagalan dalam peperiksaan yang ditetapkan.

- 3.6.3 Pelajar yang diberi pengecualian daripada sebilangan unit kursus, maka tempoh minimum yang dibenarkan untuk menyelesaikan kursus-kursus lain adalah tertakluk kepada bilangan unit yang dikecualikan.

### 3.7 Pendaftaran Kursus

- 3.7.1 Semua pelajar dikehendaki mendaftar semua kursus yang diambil pada tarikh yang ditetapkan. Pelajar yang gagal mendaftar pada tarikh tersebut boleh dibenarkan mendaftar dengan syarat menjelaskan sejumlah bayaran yang ditetapkan dan mendaftar dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tersebut. Kegagalan mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan pelajar tidak dibenarkan mendaftar pada semester tersebut sama sekali.
- 3.7.2 Pendaftaran jumlah unit kursus pada setiap semester hendaklah tidak kurang daripada lima belas (15) unit dan tidak melebihi dua puluh (20) unit pada setiap semester. Pendaftaran yang kurang daripada lima belas (15) unit dan yang lebih daripada dua puluh (20) unit hanya boleh dibuat dengan kebenaran Dekan.
- 3.7.3 Pelajar boleh melakukan penukaran kursus yang telah didaftar dengan kursus lain dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan setiap semester.
- 3.7.4 Pelajar dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dengan syarat pengguguran itu hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu pertama permulaan setiap semester.
- 3.7.5 Pengguguran kursus boleh dibuat dengan syarat ia tidak menjejaskan jumlah minimum unit kursus bagi sesuatu semester kecuali pelajar yang diberi kebenaran mendaftar sebagaimana dinyatakan dalam Peraturan 3.7.2. Bagi kursus yang diberi kebenaran penggugurannya, ia tidak akan diambil kira dalam pengiraan PNG.
- 3.7.6 Pelajar dibenarkan untuk menarik diri daripada sesuatu kursus yang didaftarkan dengan syarat penarikan diri daripada kursus tersebut dibuat selepas berakhirnya minggu keempat (4) dan selewat-lewatnya pada minggu kesepuluh (10) dan hendaklah mendapat kebenaran Dekan. Kursus tersebut akan dianggap sebagai "TD" (Tarik Diri) tertakluk kepada Peraturan 4.4.5.
- 3.7.7 Pelajar yang gagal menyerahkan projek ilmiah mereka dalam tempoh yang ditetapkan akan diberikan gred "SM" (Sedang Maju) sehinggalah genap 30 hari daripada hari terakhir peperiksaan akhir semester pada semester tersebut. Sekiranya pelajar masih gagal berbuat demikian, pelajar hendaklah memohon secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari daripada Dekan untuk membawa gred "SM" (Sedang Maju) tersebut ke

semester berikutnya dengan mengemukakan alasan yang munasabah sebelum dibenarkan mendaftar kursus bagi projek ilmiah mereka mengikut Peraturan 3.4.1.

3.7.8 Sekiranya pelajar gagal memohon secara bertulis daripada Dekan atau sekiranya Dekan tidak berpuas hati dengan alasan yang dikemukakan, pelajar akan diberikan gred "F" untuk projek ilmiah mereka sebelum dibenarkan mendaftar kursus tersebut mengikut Peraturan 3.4.1.

3.7.9 Pelajar yang gagal mendaftar kursus bagi tempoh dua (2) semester berturut-turut tanpa alasan yang munasabah akan diberhentikan pengajian oleh Senat Universiti.

#### 4. Struktur Penilaian

4.1 Penilaian kursus setiap semester adalah berdasarkan kepada sistem penilaian nilai gred. Penilaian ini akan diberi kepada aspek penyediaan kerja kursus sepanjang semester dan/atau peperiksaan akhir semester tertakluk kepada kelulusan Senat Universiti.

4.2 Penilaian nilai gred sesuatu kursus diambil berdasarkan kepada peratusan nisbah pemberat 70% - 30% daripada kerja kursus dan 30% - 70% lagi daripada peperiksaan akhir semester.

4.3 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Julat Markah	Nilai Gred	Taraf
A	80 - 100	4.00	Cemerlang
A-	75 - 79	3.75	Cemerlang
B+	70 - 74	3.50	Kepujian
B	65 - 69	3.00	Kepujian
B-	60 - 64	2.75	Memuaskan
C+	55 - 59	2.50	Memuaskan
C	50 - 54	2.00	Lulus
C-	45 - 49	1.75	Lulus
D	40 - 44	1.00	Lulus
F	0 - 39	0.00	Gagal
L/G	Lulus/Gagal		
TL	Tidak Lengkap		
SM	Sedang Maju		
U	Audit		
TD	Tarik Diri		
TG	Tanggung Pengajian		
TP	Tanggung		

	Peperiksaan		
TH	Tidak Hadir	0.00	Gagal
X	DiHalang	0.00	Gagal

4.4 Gred-gred yang diberikan tanpa nilai gred adalah seperti berikut:

- 4.4.1 “L”/“G” (Lulus/Gagal) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak diberi nilai gred tetapi hanya diberi “Lulus” atau “Gagal” sahaja.
- 4.4.2 “TL” (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Program berkenaan kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Walaubagaimanapun, pelajar perlu melengkapkan keperluan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas bermulanya semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan juga gred.
- 4.4.3 “SM” (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi kursus yang berupa sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai, tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapat ijazah. Unit dan nilai gred bagi kursus tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata nilai apabila gred “SM” digantikan dengan gred biasa.
- 4.4.4 “U” (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus, tetapi nilai gred tidak diberikan dan gred tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus tersebut.
- 4.4.5 “TD” (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri daripada sesuatu kursus dengan kebenaran Dekan dalam tempoh di antara minggu kelima (5) dan minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.
- 4.4.6 “TG” (Tanggung Pengajian) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menanggungkan pengajian pada sesuatu semester dan diberi kebenaran berbuat demikian.
- 4.4.7 “TP” (Tanggung Peperiksaan) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menanggungkan peperiksaan di bawah Peraturan 8.5.
- 4.4.8 “TH” (Tidak Hadir) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang tidak hadir untuk menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut .

- 4.4.9 "X" (Dihalang) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut.

## 5. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred

- 5.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira PNGS dan PNGK kecuali kursus-kursus tertentu yang ditetapkan.
- 5.2 Kursus yang mendapat gred "F" (Gagal) juga diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK.
- 5.3 Gred bagi kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK dan dengan ini gred "F" (Gagal) yang asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan PNGS dan PNGK tersebut.
- 5.4 Pengiraan PNGS dan PNGK akan ditentukan mengikut kaedah berikut:

### 5.4.1 PNGS

Jumlah nilai gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada Peraturan-peraturan 5.1, 5.2 dan 5.3.

Rumus pengiraan PNGS adalah seperti berikut:

$$\frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

yang mana

$G_i$  = Nilai gred kursus ke- $i$

$U_i$  = Unit kursus ke- $i$

$n$  = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.50	3	10.50
AAA 1053	A-	3.75	3	11.25
AAA 1073	F	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.50	3	7.50
<b>JUMLAH</b>			<b>15</b>	<b>41.25</b>

$$\begin{aligned} \text{PNGS} &= 41.25/15 \\ &= \mathbf{2.75} \end{aligned}$$

5.4.2 PNGK

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada Peraturan-peraturan 5.1, 5.2 dan 5.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNGS.

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.50	3	10.50
AAA 1053	A-	3.75	3	11.25
AAA 1073	F	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.50	3	7.50
<b>JUMLAH</b>			<b>15</b>	<b>41.25</b>

$$\begin{aligned} \text{PNGS} &= 41.25/15 \\ &= \mathbf{2.75} \end{aligned}$$

## Semester II

Kursus	Gred	Nilai gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1023	A	4.00	3	12.00
AAA 1043	B+	3.50	3	10.50
AAA 1063	C+	2.50	3	7.50
AAA 1083	A	4.00	3	12.00
AAA 1103	D	1.00	3	03.00
<b>JUMLAH</b>			<b>15</b>	<b>45.00</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>			<b>30</b>	<b>86.25</b>

$$\begin{aligned}\text{PNGK} &= 86.25/30 \\ &= \mathbf{2.88}\end{aligned}$$

### 6. Syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian

- 6.1 Lulus: Seseorang pelajar dianggap Lulus dan dibenar meneruskan pengajian ke semester berikutnya jika mendapat PNGS 2.00 atau lebih.
- 6.2 Lulus Bersyarat:
  - 6.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan dibenar meneruskan pengajian dengan diberi amaran jika mendapat PNGS di antara 1.00 hingga 1.99.
  - 6.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenar berada dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut. Ini bermakna jika pelajar memperoleh PNGS kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat pada Peraturan 6.2.1, pelajar tersebut dianggap Gagal dan Diberhentikan.
- 6.3 Gagal:
  - 6.3.1 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan Diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan oleh Peraturan 6.2.2 di atas.
  - 6.3.2 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan Diberhentikan jika mendapat PNGS kurang daripada 1.00.
- 6.4 Penilaian untuk mendapatkan ijazah
  - 6.4.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian:

6.4.1.1 Memperolehi PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada Peraturan-peraturan 5.1, 5.2 dan 5.3; dan

6.4.1.2 Memperolehi sekurang-kurangnya unit minimum daripada kursus-kursus yang diambil sepanjang tempoh pengajian yang dibenarkan tertakluk kepada peraturan pengajian program yang diikuti.

#### 6.4.2 Pengurniaan ijazah

6.4.2.1 Ijazah yang dikurniakan adalah Sarjana Muda dengan Kepujian mengikut kelas seperti berikut:

<b>PNGK</b>	<b>Kelas</b>
3.70	- Pertama
4.00	
3.00	- Kedua Bahagian Atas
3.69	
2.34	- Kedua Bahagian Bawah
2.99	
2.00	- Ketiga
2.33	

6.4.2.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada pelajar yang telah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) memenuhi semua kehendak Peraturan ini;
- (b) memenuhi semua kehendak Peraturan-peraturan Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian;
- (c) diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Senat Universiti; dan
- (d) menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan.

#### 6.5 Pengulangan kursus

Pelajar dibenarkan mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat Gred "C-" dan "D" sahaja. Gred yang diperolehi dalam kursus ulangan akan diambilkira sebagai gred akhir tanpa mengambilkira ia lebih baik dari sebelumnya ataupun sebaliknya.

### 7. Peruntukan-peruntukan Lain.

7.1 Kehadiran kuliah dan tutorial bagi sesuatu kursus hendaklah tidak kurang daripada 80%. Oleh itu, jika seseorang pelajar didapati tidak memenuhi keperluan kehadiran tersebut seperti yang ditetapkan, pelajar tersebut tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan akhir semester

setelah Dekan dimaklumkan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus berkenaan.

7.2 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar dicatat dalam rekod akademiknya.

7.3 Peperiksaan Ulangan Khas

7.3.1. Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah.

7.3.2 Peperiksaan ini hendaklah diadakan dalam bentuk bertulis dan hanya boleh diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Gred yang diberikan hanya "L" atau "G" (Lulus atau Gagal).

7.3.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik) dalam masa dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sejumlah bayaran akan dikenakan untuk tujuan ini.

7.3.4 Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan yang berkenaan. Dekan, setelah berunding dengan Penyelaras kursus berkenaan, hendaklah mengaturkan peperiksaan tersebut dalam tempoh dua (2) minggu.

## **8. Penggantungan Pendaftaran, Penangguhan Pengajian dan Penangguhan Peperiksaan**

8.1 Penggantungan Pendaftaran

8.1.1 Calon pelajar yang telah ditawarkan untuk mengikuti sesuatu program pengajian tetapi belum mendaftar boleh memohon dalam tempoh sah tawaran untuk menggantungkan pendaftarannya selama tidak kurang satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester jika atas sebab yang munasabah dengan membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan untuk kelulusan dan disalinkan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik).

8.1.2 Tempoh penggantungan pendaftaran tidak boleh melebihi dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

8.2 Penangguhan Pengajian

8.2.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penangguhan pengajian bagi semester-semester tertentu oleh Dekan. Dalam kes-kes seperti ini perakuan daripada pegawai perubatan/doktor bertauliah adalah

diperlukan. Perakuan yang diperolehi daripada pegawai selain daripada pegawai perubatan/doktor berkenaan boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu setelah pelajar berkenaan terlebih dahulu menjalani rawatan pegawai perubatan/doktor berkenaan. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan pegawai perubatan/doktor yang memberi rawatan.

- 8.2.2 Pelajar yang telah disahkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah bahawa dia sedang hamil untuk tempoh enam (6) bulan dan ke atas pada tarikh permulaan pendaftaran dinasihatkan supaya menangguh pengajian pada semester tersebut.
  - 8.2.3 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada Peraturan 8.2.1 dan Peraturan 8.2.2 boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester jika Dekan berkenaan berpuas hati bahawa masalah yang dihadapinya akan menjejaskan pengajian pelajar itu pada sesi berkenaan.
  - 8.2.4 Permohonan penangguhan pengajian boleh dibuat sehingga minggu ke sepuluh (10) sesuatu semester. Permohonan selepas minggu ke sepuluh (10) tidak akan diberi pertimbangan melainkan permohonan yang diterima daripada pelajar yang telah disahkan hamil dan tidak berupaya untuk meneruskan pengajian oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah atau daripada pelajar yang memohon berdasarkan Peraturan 8.2.1 atau Peraturan 8.2.2.
  - 8.2.5 Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada Dekan dan disalinkan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik).
- 8.3 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian
- 8.3.1 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam Peraturan 8.2.1, Peraturan 8.2.2 dan bagi pelajar yang disahkan hamil dan tidak berupaya meneruskan pengajian dalam Peraturan 8.2.4 tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada Peraturan 3.3.
  - 8.3.2 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan dalam Peraturan 8.3.1 di atas diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada Peraturan 3.3.

8.3.3 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua (2) semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian adalah selama empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

#### 8.4 Status Sebagai Seorang Pelajar USIM

Pelajar yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan penangguhan pengajian akan hilang tarafnya sebagai pelajar USIM dan dengan demikian dia tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan USIM yang biasanya diberi kepada pelajar sehingga dia mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

#### 8.5 Penangguhan Peperiksaan

8.5.1 Pelajar yang sakit sewaktu peperiksaan boleh memohon daripada Dekan yang menawarkan kursus untuk kelulusan menangguhkan pengambilan peperiksaan kursus berkenaan.

8.5.2 Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan bagi sesuatu kursus hendaklah dibuat dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan kursus berkenaan diadakan.

8.5.3 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan surat pengesahan pegawai perubatan/doktor yang merawat pelajar berkenaan seperti dalam Peraturan 8.2.1.

8.5.4 Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan dan diluluskan atas budi bicara Dekan yang menawarkan kursus berdasarkan kepada merit permohonan tersebut.

8.5.5 Peperiksaan gantian hanya akan dibuat pada dua (2) minggu pertama semester yang berikutnya tertakluk kepada keperluan pengijazahan.

8.5.6 Pendaftaran kursus pada semester peperiksaan gantian tersebut diadakan adalah pendaftaran kursus bersyarat sehingga keputusan peperiksaan gantian tersebut diperolehi tertakluk kepada Peraturan-peraturan 6.1, 6.2 dan 6.3.

### 9. Penyimpanan Skrip Jawapan Peperiksaan

9.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan hendaklah disimpan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus sehingga tempoh yang ditetapkan.

- 9.2 Semua skrip akan disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pemberitahuan secara rasmi keputusan peperiksaan kursus berkenaan.
- 9.3 Tertakluk kepada Peraturan 9.4 semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga bulan seperti yang tersebut di dalam Peraturan 9.2.
- 9.4 Dalam kes di mana rayuan terhadap keputusan penilaian sesuatu kursus itu telah dibuat oleh seseorang pelajar, skrip jawapan berkenaan dengan penilaian itu tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas keputusan penyemakan semula itu disahkan.

## **10. Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus**

- 10.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Pendaftar (Bahagian Akademik). Rayuan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberi pertimbangan.
- 10.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta dibuat penyemakan semula.
- 10.3 Sejumlah bayaran yang ditetapkan bagi setiap kursus akan dikenakan kepada pelajar yang membuat rayuan dan bayaran tersebut hendaklah disertakan bersama dengan surat rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- 10.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan yang berkaitan. Dekan selepas berunding dengan Penyelaras kursus yang terlibat, boleh melantik sebuah panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- 10.5 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Ketua Program, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang kursus berkenaan.
- 10.6 Perakuan Panel Pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti. Keputusan mesyuarat Fakulti mengenai penilaian semula kursus atau kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat Universiti sebelum dimaklumkan kepada pelajar berkenaan.
- 10.7 Semua keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan itu tidak boleh dilayan.

## **11. Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian**

- 11.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan Diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
- 11.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik) dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Setiap rayuan hendaklah disertakan dengan sejumlah bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dikembalikan. Sebarang rayuan selepas tempoh tersebut tidak boleh dipertimbangkan.
- 11.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan. Dekan hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Rayuan untuk membuat pertimbangan dan keputusan.
- 11.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal akademik, Penyelaras kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli daripada Fakulti yang berkaitan.
- 11.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa seperti berikut:
  - 11.5.1 menerima atau menolak sesuatu rayuan;
  - 11.5.2 membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan; dan
  - 11.5.3 memperakukan keputusan yang telah dicapai mengenai semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan tidak layak dipertimbangkan.
- 11.6 Perakuan yang dibuat mengenai perkara di atas tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat Universiti untuk pengesahan.
- 11.7 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad. Oleh itu, sebarang rayuan selanjutnya mengenai hal ini tidak boleh dilayan.

## **12. Umum**

- 12.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat Universiti dari semasa ke semasa hendaklah berkuatkuasa kepada pelajar yang mendaftar selepas tarikh kuatkuasa Peraturan ini.
- 12.2 Senat Universiti mempunyai kuasa untuk memberi apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada keperluan-keperluan Peraturan ini.

- 12.3 Sekiranya terdapat ketidakseragaman di antara mana-mana peruntukan Peraturan ini dengan peruntukan yang sama dalam Peraturan-peraturan Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, maka Peraturan tersebut adalah terpakai setakat mana yang diperlukan kecuali dinyatakan sebaliknya secara khusus dalam Peraturan ini.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007**

**JADUAL PERTAMA**

Di bawah Peraturan 5.1, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kursus/kursus-kursus yang berikut sebagai tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK:

1. Latihan Industri;
2. Latihan Amali;
3. Praktikum;
4. Pengajian Halaqah;
5. Muhadathah Hurrah; dan
6. Ko-Kurikulum.

Sebagaimana ditetapkan oleh Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada 11 April 2007 (Mesyuarat Senat Kali Ke-38)

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007**

**JADUAL KEDUA**

Di bawah Peraturan-peraturan 3.4.1, 7.3, 10.3 dan 11.2, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kadar-kadar bayaran bagi urusan-urusan berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Urusan</b>	<b>Kadar Bayaran</b>
1.	Permohonan Menduduki Peperiksaan Ulangan Khas	RM50.00
2.	Rayuan Semakan Semula Keputusan Penilaian Kursus	RM50.00
3.	Rayuan Meneruskan Semula Pengajian	RM50.00
4.	Lewat Mendaftar	RM25.00
5.	Pendaftaran Kursus Selepas Tamat Tempoh Pendaftaran	RM25.00/Kursus

Sebagaimana ditetapkan oleh Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada 11 April 2007 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-38) dan 06 Januari 2010 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-54, Bil. 06/2009)

**SARJANA MUDA PENGAJIAN SUNNAH DENGAN  
PENGURUSAN MAKLUMAT  
(DENGAN KEPUJIAN)**

# SARJANA MUDA PENGAJIAN SUNNAH DENGAN PENGURUSAN MAKLUMAT (DENGAN KEPUJIAN)

## Latarbelakang

Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah Dengan Pengurusan Maklumat Dengan Keahlian ditawarkan berdasarkan pertimbangan-pertimbangan berikut:

1. Bidang pengajian Sunnah dan Pengurusan Maklumat sememangnya berkait rapat dan ianya tidak pernah dieksploitasi oleh mana-mana Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia walaupun terdapat permintaan yang tinggi dalam bidang ini. Ini adalah kerana, bidang pengajian Sunnah yang merupakan antara sumber utama pengajian Islam terdiri daripada beberapa komponen utama bidang pengajian seperti Hadith, Sirah, sejarah dan sebagainya yang kaya dengan pelbagai maklumat dan data berkaitan persejarahan (biografi, geografi, penghakiman dan sebagainya) yang amat diperlukan dalam memahami dan mengkaji Islam dan tamadun Islam. Bidang Pengurusan Maklumat pula tertumpu kepada aspek konvensional dalam pengurusan data dan maklumat secara am. Justeru satu program khusus yang menggabungkan kedua-dua aspek ini dilihat amat penting untuk menghasilkan tenaga kerja yang mahir dalam maklumat Islam dan pengurusan perpustakaan yang dapat dimanfaatkan oleh pelbagai agensi dan institusi yang berasaskan maklumat dan pengetahuan samada yang berteraskan akademik, pengurusan dan sebagainya.
2. Keperluan terhadap graduan yang mahir dalam kedua-dua bidang maklumat Islam dan pengurusan perpustakaan amat dirasakan dalam suasana perkembangan Maklumat dan pengetahuan semasa. Ini kerana ketiadaan IPTA semasa yang menawarkan program seumpama ini dan FPQS, USIM mengambil inisiatif sebagai usaha pertama mewujudkan tenaga kerja mahir yang mengintegrasikan kedua-dua bidang ini.
3. Mengembangkan skop dan ruang lingkup bidang pengajian Quran dan Sunnah yang bersifat teoretikal dan tradisional kepada bidang yang lebih berbentuk gunaan dan profesional sesuai dengan matlamat dan konsep penubuhan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) oleh Kerajaan Malaysia.
4. Keperluan dalam pasaran kerja semasa bagi tenaga kerja yang mahir dalam kedua-dua aspek Pengurusan Maklumat dan pengajian Islam penting untuk pembangunan masyarakat tempatan sejajar dengan pertumbuhan pesat ekonomi, perpustakaan dan institusi-institusi berasaskan maklumat dan pengetahuan (Knowledge-based economy and institutions).
4. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) kini menawarkan satu program pengajian sahaja sedangkan jumlah pengambilan setiap sesi adalah sekitar 200 orang. Keadaan ini menyebabkan para lulusan Fakulti ini menghadapi pertandingan sesama sendiri dalam satu program sahaja apabila mereka ingin memasuki pasaran kerja kelak. Dengan mempelbagaikan penawaran program membolehkan FPQS mengorak langkah seiring dengan fakulti-fakulti pengajian lain yang mengadaptasikan pengajian tradisional dan penggunaan teknologi semasa untuk memartabatkan kualiti dan daya saing graduan pengajian Islam di era yang mencabar ini. Di samping itu juga, para graduan Fakulti ini mempunyai

alternatif dalam mempelbagaikan pilihan bidang kerjaya mereka pada masa depan.

## **OBJEKTIF PROGRAM**

1. Menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran dalam kedua-dua bidang pengajian Sunnah dan pengurusan maklumat secara bersepadu antara aspek teori dan amali dan mampu untuk berkhidmat di organisasi-organisasi yang berteraskan pengetahuan dan pengurusan maklumat seperti perpustakaan dan sebagainya.
2. Tuntutan masyarakat terhadap graduan pengajian Islam yang dapat mengaplikasikan penggunaan teknologi moden dalam melaksanakan tugas mereka semakin meningkat. Tugas para graduan pengajian Islam pada masa kini tidak boleh lagi difahami dalam lingkungan pengajaran Islam secara sempit tetapi hendaklah difahami sebagai satu tugas profesional. Oleh itu, para graduan pengajian Islam hendaklah dibekalkan dengan pelbagai bentuk pengetahuan serta kemahiran teknologi terkini dalam bidang yang berkaitan seperti Pengurusan Maklumat untuk melayakkan mereka berkhidmat kepada institusi, masyarakat dan negara secara profesional dan beretika.
3. Memberikan nilai-nilai tambahan (added values) kepada para graduan bidang pengajian Islam tulen seperti pengajian Quran dan Sunnah supaya mereka dapat menghayati intipati pengajaran Quran dan Sunnah di samping berpeluang untuk bersaing dalam bidang pekerjaan semasa dan memasuki dunia teknologi berasaskan informasi dan maklumat. Ini penting untuk membetulkan persepsi masyarakat mengenai matlamat dan peranan graduan pengajian Islam dalam membangunkan negara.
4. Dengan penguasaan bidang-bidang teknologi terkini, pengajian Islam dan asas pengurusan akan membuka peluang kepada para graduan program ini untuk berdikari dalam bidang keusahawanan (entrepreneurship) yang berkaitan dengan pengurusan maklumat Islam apabila tamat pengajian mereka kelak.
5. Kebangkitan kesedaran Islam, peningkatan penghayatan Islam yang sederhana dan moden selaras dengan perkembangan semasa dalam negara memerlukan pengisian jawatan-jawatan berasaskan Islam dan Pengurusan Maklumat yang betul. Oleh itu, penawaran program ini diharap dapat membantu mengisi keperluan tersebut.

Adalah diharapkan agar para graduan program ini dapat menyumbang ke arah pembangunan bidang maklumat dan pengurusan sumber-sumber maklumat berkaitan pengajian Islam dengan lebih berkesan dan profesional di pelbagai institusi seperti perpustakaan-perpustakaan, pusat-pusat sumber serta pelbagai organisasi kerajaan dan swasta yang berasaskan maklumat, aplikasi dan pengurusan informasi. Para graduan juga boleh berdikari dan bersaing dalam bidang keusahawanan berteraskan bidang maklumat berkaitan pengajian Islam menggunakan pelbagai pendekatan moden dan terkini hasil daripada pendedahan dan penggunaan teknologi semasa dalam program ini. Ini membolehkan mereka memasarkan produk dan khidmat mereka kepada masyarakat dengan lebih berkesan, dan ini dapat mengurangkan penggantungan mereka terhadap peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan semata-mata.

## **SYARAT-SYARAT MASUK**

Calon-calon yang memohon mengikuti program ini hendaklah memenuhi syarat berikut:

1. Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan lain yang setaraf dengannya, serta lulus dengan kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan mendapat kepujian dalam sekurang-kurangnya lima mata pelajaran iaitu:
  - Bahasa Arab Tinggi
  - Matematik Biasa
  - Sains
  - Dua daripada mata pelajaran berikut:
    - Bahasa Arab Komunikasi
    - Pendidikan Islam
    - Tasawwur Islam
    - Pendidikan Syariah Islamiyyah
    - Pendidikan al-Quran dan al-SunnahSerta lulus Bahasa Inggeris di peringkat tersebut: DAN
2. Memiliki mana-mana kelayakan berikut:
  - 2.1 Memiliki STPM dan lulus penuh (sekurang-kurangnya Gred E) dalam mata pelajaran berikut:
    - Pengajian Am/Kertas Am
    - Bahasa Arab
    - Syariah/Usuluddin; ATAU
  - 2.2 Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang baik, sekurang-kurangnya di peringkat Jayyid; ATAU
  - 2.3 Mempunyai Diploma dalam bidang yang sesuai dengan kursus yang dipohon (Sertakan transkrip akademik daripada semester 1 hingga semester akhir); ATAU
  - 2.4 Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya dan diperakukan oleh Senat Universiti, SERTA
3. Telah memenuhi keperluan MUET
4. Selain daripada kelayakan akademik, sikap positif, aktif, cemerlang dalam kepimpinan dan pengetahuan am adalah diberi keutamaan.

## **KOMPONEN PROGRAM**

1. Untuk layak dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat (Dengan Kepujian) pelajar memerlukan sekurang-kurangnya 132 unit atau 4 tahun (8 semester) pengajian sepenuh masa. Pelajar juga dikehendaki mengikuti kursus mengikut keperluan, peraturan dan ketetapan yang dibuat oleh KUIM dan Fakulti.

2. Struktur program ini umumnya, terbahagi kepada empat bahagian, iaitu komponen kursus Wajib Universiti (WU), komponen kursus Wajib Fakulti (WF), komponen kursus Wajib Program (WP) dan komponen kursus Elektif Program (EP). Perincian kepada komponen program ini akan bergantung kepada jenis program masing-masing.
3. Justifikasi komponen program: Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat (Dengan Kepujian) merupakan satu program yang mana ianya merangkumi semua aspek pengajian Sunnah dan bidang yang berkait rapat dengan bidang pengajian Islam, teknologi pengurusan maklumat dan asas kaedah penyelidikan. Komponen program ini disusun dengan rapi dan teliti untuk memenuhi permintaan industri dan sektor awam yang amat mengharapkan graduan yang dilahirkan dari bidang ini dapat melaksanakan nilai-nilai Islam. Setiap program yang ditawarkan akan berteraskan kepada ajaran Islam sepenuhnya agar ianya dapat diterima oleh masyarakat selari dengan kehendak masyarakat Islam moden dan progresif. Diharapkan dengan cara itu setiap program yang ditawarkan akan dapat memberi sumbangan yang terbaik kepada masyarakat.

### STRUKTUR KOMPONEN PROGRAM

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Kursus Teras	
*Kursus Wajib Universiti	UTA1012 Tamadun Islam dan Asia	2	WU	
	UTA1062 Hubungan Etnik	2	WU	
	MGA1023 Prinsip Pengurusan Perniagaan	3	WU	
	AAA1012 Akidah Islam	2	WU	
	AAA2022 Akhlak & Tasawwuf	2	WU	
	UTA2072 Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah	2	WU	
	LAA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat	2	WU	
	UBA1032 Bahasa Arab I	2	WU	
	UBA1042 Bahasa Arab II	2	WU	
	UBE1012 Bahasa Inggeris I	2	WU	
	UBE1022 Bahasa Inggeris II	2	WU	
	<b>*1 Kursus Ko-Kurikulum</b>		2	WU
		<b>Jumlah Unit</b>	<b>25</b>	

*\*1 kursus yang ditawarkan oleh universiti dari semasa ke semasa*

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Kursus Teras
Kursus Wajib Fakulti	UBE2452 Bahasa Inggeris (ESP 1)	2	WF
	UBA1062 Bahasa Arab (ASP 1)	2	WF
	AAA1043 Prinsip dan Amalan Komunikasi Da'wah	3	WF

UTA1082 Teknologi Maklumat dan Komunikasi	2	WF
UTA2082 Pengajian Halaqah	2	WF
QAA1042 Sirah Rasul	2	WF
QAA1012 Ulum Quran	2	WF
QAA1022 Ulum Hadith	2	WF
MGC3012 Keusahawanan	2	WF
QAA3072 Metodologi Penyelidikan	2	WF
UTA4016 Latihan Amali/ Industri	6	WF
<b>Jumlah Unit</b>	<b>27</b>	

<b>Komponen Kursus</b>	<b>Jenis Kursus</b>	<b>Jumlah Unit</b>	<b>Kursus Teras</b>
Kursus Wajib Program Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat	<b>Kursus Pengajian Sunnah</b>		
	LAA1042 Usul al-Fiqh	2	WP
	QAA2093 Sikap Orientalis Terhadap Quran & Sunnah	3	WP
	QCA2013 Hadith Sebagai Sumber Hukum	3	WP
	QAA2033 Tafsir Ayat-ayat Hukum	3	WP
	QAA3013 Ilmu Takhrij al-Hadith	3	WP
	QAA2053 Hadith Hukum	3	WP
	QCI3013 Bibliografi dan Kajian Sumber Pengajian Islam	3	WP
	QAA3043 Kajian Hadith Dha'if & Maudhu'	3	WP
	QAA4013 Aplikasi Braille Dalam Pengajian Quran dan Sunnah	3	WP
	QCA4073 Projek Ilmiah	3	WP
	QAA2073 Ilmu Rijal Hadith	3	WP
	QCI4013 Pengantar Manuskrip Melayu & Islam	3	WP
	QCI 4023 Manuskrip Melayu dan Islam: Kajian dan Analisis	3	WP
	QAA4023 Kajian Quran dan Hadith di Era ICT	3	WP
	QCI2013 Sejarah, Peranan dan Pembangunan Perpustakaan Islam	3	WP
	QCI4033 Pengurusan Ilmu	3	WP
	<b>Kursus Multimedia</b>		
SKF3043 Organisasi Perpustakaan dan Maklumat	3	WP	
SKF3023 Teknologi Multimedia Dalam Pengurusan Data	3	WP	
SKF2013 Pengantar Pangkalan Data	3	WP	

	SKF3013 Dapatan Semula Maklumat	3	WP
	SKF3033 Rangkaian dan Pentadbiran Sistem Maklumat	3	WP
	SKF4013 Perpustakaan Digital dan Sumber Maklumat	3	WP
	SKF4023 Pengurusan Strategik Sistem Maklumat	3	WP
	SKU4023 Interaksi Insan dan Komputer	3	WP
	SKF4033 Perkhidmatan dan Kemudahan Maklumat	3	WP
	<b>Jumlah Unit</b>	<b>74</b>	

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Kursus Teras
*Kursus Elektif Program	MCB3013 Kelakuan Pengguna	3	EP
	AAD3083 Pengucapan Awam	3	EP
	SAA1023 Statistik: Teori dan Gunaan	3	EP
	<b>Jumlah Unit</b>	<b>6</b>	

\* Dikehendaki 6 Unit Sahaja termasuk AAD3083

## SENARAI PENAWARAN KURSUS MENGIKUT SEMESTER

### Semester 1

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia	WU	2	2
UTA1082 Teknologi Maklumat dan Komunikasi	WF	2	3
UBA1032 Bahasa Arab I	WU	2	3
UBA1042 Bahasa Arab II	WU	2	3
UBE1012 Bahasa Inggeris I	WU	2	3
UBE1022 Bahasa Inggeris II	WU	2	3
UTA1062 Hubungan Etnik	WU	2	2
Ko-Kurikulum	WU	2	2
<b>Jumlah</b>		<b>16</b>	<b>21</b>

**Semester 2**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
MGA1023 Prinsip Pengurusan Perniagaan	WU	3	4
UBE2452 Bahasa Inggeris (ESP 1)	WF	2	3
UBA1062 Bahasa Arab (ASP 1)	WF	2	3
AAA1043 Prinsip dan Amalan Komunikasi Da'wah	WF	3	4
SKF3043 Organisasi Perpustakaan dan Maklumat	WP	3	4
QCI2013 Sejarah, Peranan & Pembangunan Perpustakaan Islam	WP	3	4
<b>Jumlah</b>		<b>16</b>	<b>22</b>

**Semester 2A**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
AAA1012 Akidah Islam	WU	2	3
LAA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat	WU	2	3
<b>Jumlah</b>		<b>4</b>	<b>6</b>

**Semester 3**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
QAA1012 Ulum al-Quran	WF	2	3
QAA1022 Ulum al-Hadith	WF	2	3
QAA1042 Sirah Rasul	WF	2	3
SKF3023 Teknologi Multimedia Dalam Pengurusan Data	WP	3	4
LAA1042 Usul al-Fiqh	WP	2	3
QAA2093 Sikap Orientalis Terhadap Quran dan Sunnah	WP	3	4
QCA2013 Hadith Sebagai Sumber Hukum	WP	3	4
UTA2082 Pengajian Halaqah	WF		1
<b>Jumlah</b>		<b>17</b>	<b>25</b>

**Semester 4**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
AAA2022 Akhlak dan Tasawwuf	WU	2	3
UTA2072 Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah	WU	2	3
SKF2013 Pengantar Pangkalan Data	WP	3	4
SKF3013 Dapatan Semula Maklumat	WP	3	4
QAA2033Tafsir Ayat-ayat Hukum	WP	3	4
QAA2073 Ilmu Rijal Hadith	WP	3	4
QAA3013 Ilmu Takhrij al-Hadith	WP	3	4
UTA2082 Pengajian Halaqah	WF		1
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	<b>27</b>

**Semester 5**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
QAA2053 Hadith Hukum	WP	3	3
QCI3013 Bibliografi dan Kajian Sumber Pengajian Islam	WP	3	4
SKF3033 Rangkaian dan Pentadbiran Sistem Maklumat	WP	3	4
QAA3043 Kajian Hadith Dha'if dan Maudhu'	WP	3	4
UTA2082 Pengajian Halaqah	WF		1
1 kursus elektif	EP	3	4
<b>Jumlah</b>		<b>15</b>	<b>21</b>

**Semester 6**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
MGC3012 Keusahawanan	WF	2	3
QAA3072 Metodologi Penyelidikan	WF	2	3
QAA4013 Aplikasi Braille Dalam Pengajian Quran dan Sunnah	WP	3	4
SKF4013 Perpustakaan Digital dan Sumber Maklumat	WP	3	4
QAA4023 Kajian Quran dan Hadith di Era ICT	WP	3	4
QCI4013 Pengantar Manuskrip Melayu dan Islam	WP	3	4
UTA2082 Pengajian Halaqah	WF		1
1 kursus elektif	EP	3	4
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	<b>27</b>

**Semester 7**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
SKF4023 Pengurusan Strategik Sistem Maklumat	WP	3	4
SKU4023 Interaksi Insan dan Komputer	WP	3	4
QCI4023 Manuskrip Melayu dan Islam : Kajian dan Analisis	WP	3	4
QCA4073 Projek Ilmiah	WP	3	4
QCI4033 Pengurusan Ilmu	WP	3	4
SKF4033 Perkhidmatan dan Kemudahan Maklumat	WP	3	4
UTA2082 Pengajian Halaqah	WF	2	1
<b>Jumlah</b>		<b>20</b>	<b>25</b>

**Semester 8**

<b>Kod dan Nama Kursus</b>	<b>Taraf Kursus</b>	<b>Unit</b>	<b>Jam Pertemuan</b>
UTA4016 Latihan Amali/Industri	WF	6	
<b>Jumlah</b>		<b>6</b>	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>132</b>	<b>174</b>

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN SUNNAH DENGAN  
PENGURUSAN MAKLUMAT DENGAN KEPUJIAN) 2007**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN SUNNAH DENGAN  
PENGURUSAN MAKLUMAT DENGAN KEPUJIAN) 2007**

**1. Nama, Mula Berkuatkuasa, Pemakaian dan Tafsiran**

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian) 2007 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 01 Februari 2007.
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar yang mula mendaftar sebagai pelajar peringkat ijazah sarjana muda di USIM selepas tarikh Peraturan ini berkuatkuasa.
- 1.3 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi tujuan pengijazahan program ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian.
- 1.4 Dalam Peraturan ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain:
  - 1.4.1 "NGMP" ertinya Nilai Gred Mata Pelajaran;
  - 1.4.2 "SPM" ertinya Sijil Pelajaran Malaysia;
  - 1.4.3 "STPM" ertinya Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia;
  - 1.4.4 "MUET" ertinya *Malaysian University English Test*;
  - 1.4.5 "STAM" ertinya Sijil Tinggi Agama Malaysia;
  - 1.4.6 "PNG" ertinya Purata Nilai Gred;
  - 1.4.7 "PNGS" ertinya Purata Nilai Gred Semester;
  - 1.4.8 "PNGK" ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif;
  - 1.4.9 "Dekan" termasuklah Dekan Fakulti/Pengarah/Ketua Program/Penyelaras yang mengetuai sesebuah Fakulti/Pusat/Institut/Sekolah/Unit;
  - 1.4.10 "Fakulti" termasuklah Pusat/Institut/Sekolah/Unit yang menguruskan hal-ehwal akademik termasuklah pengajaran, pembelajaran dan pentadbiran program-program pengajian;
  - 1.4.11 "Penggantungan pendaftaran" ertinya kebenaran untuk tidak mendaftar yang diberikan kepada calon pelajar yang telah ditawarkan tempat untuk mengikuti sesuatu program pengajian;

- 1.4.12 “Penangguhan pengajian” ertinya kebenaran untuk tidak meneruskan pengajian pada sesuatu semester sama ada seseorang pelajar itu mendaftar kursus pada semester berkenaan ataupun tidak;
- 1.4.13 “Penangguhan peperiksaan” ertinya kebenaran untuk tidak menduduki peperiksaan akhir sesuatu semester;
- 1.4.14 “Pegawai perubatan/doktor bertauliah” ertinya pegawai perubatan kerajaan atau doktor panel Universiti; dan
- 1.4.15 “Sakit” ertinya ketidakupayaan untuk meneruskan pengajian dan ketidakupayaan ini diperakukan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah dan ini tidak termasuk kehamilan.

## 2. Syarat Kemasukan

2.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam sekurang-kurangnya enam (6) mata pelajaran termasuklah mata pelajaran berikut:

- 2.1.1 Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia;
- 2.1.2 Bahasa Arab Tinggi/Bahasa Arab Komunikasi;
- 2.1.3 Matematik;
- 2.1.4 Sains;
- 2.1.5 Mana-mana dua (2) daripada mata pelajaran berikut:-
  - 2.1.5.1 Pendidikan Islam;
  - 2.1.5.2 Tasawwur Islam;
  - 2.1.5.3 Pendidikan Syariah Islamiyyah;
  - 2.1.5.5 Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah;dan

-Lulus Bahasa Inggeris pada peringkat tersebut.

2.2 Memiliki mana-mana kelayakan berikut:

- 2.2.1 Lulus STAM dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid; atau
- 2.2.2 Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran berikut:
  - 2.2.2.1 Bahasa Arab; dan
  - 2.2.2.2 Syariah/Usuluddin; atau

- 2.2.3 Mempunyai kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti.
- 2.3 Telah memenuhi keperluan MUET.
- 2.4 Selain daripada kelayakan akademik, sikap positif, aktif, cemerlang dalam kepimpinan dan pengetahuan am adalah diberi keutamaan.

### **3. Struktur Pengajian dan Pengijazahan**

#### **3.1 Jumlah Unit**

Untuk memperolehi ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya seratus tiga puluh dua (132) unit kursus yang ditetapkan sebagaimana dinyatakan dalam Peraturan 3.2.

#### **3.2 Komposisi Kursus**

Bagi tujuan pengijazahan, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya sejumlah unit kursus yang meliputi komposisi seperti berikut:

##### **3.2.1 Kursus Wajib Universiti (WU) sebanyak 25 unit.**

Kursus Wajib Universiti (WU) adalah kursus yang wajib diikuti oleh semua pelajar. Pelajar dikehendaki lulus semua kursus tersebut dengan mencapai unit yang ditetapkan.

##### **3.2.2 Kursus Wajib Fakulti (WF) sebanyak 27 unit.**

Kursus Wajib Fakulti (WF) adalah kursus yang wajib diikuti oleh pelajar sesuatu fakulti tanpa mengira program pengajian yang diikuti. Pelajar dikehendaki lulus semua kursus tersebut dengan mencapai unit yang ditetapkan.

##### **3.2.3 Kursus Wajib Program (WP) sebanyak 74 unit.**

Kursus Wajib Program (WP) adalah kursus yang wajib diikuti oleh pelajar sesuatu program pengajian. Pelajar dikehendaki lulus dengan mencapai unit yang ditetapkan.

##### **3.2.4 Kursus Elektif Program (EP) sebanyak 6 unit.**

Kursus Elektif Program (EP) adalah mana-mana kursus yang ditawarkan kepada pelajar secara pilihan sama ada daripada fakulti pelajar atau daripada fakulti-fakulti lain.

### 3.3 Kursus Latihan Amali/Industri

Kursus Latihan Amali/Industri adalah kursus bertaraf Wajib Fakulti (WF) yang diwajibkan kepada semua pelajar. Kursus ini bernilai enam (6) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan PNG. Pelajar dikehendaki menjalani Latihan Amali/Industri di organisasi yang ditentukan oleh USIM.

### 3.4 Kursus Ko-Kurikulum

Kursus Ko-Kurikulum adalah kursus bertaraf Wajib Universiti (WU) yang diwajibkan kepada semua pelajar. Kursus ini bernilai minimum dua (2) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan PNG.

### 3.5 Pengecualian

Senat Universiti boleh memberi pengecualian daripada Peraturan 3.1 di atas kepada seseorang pelajar dengan syarat berikut:-

3.5.1 pelajar dianggap telah mencapai nilai unit bagi kursus-kursus yang dikecualikan itu;

3.5.2 pengecualian maksimum jumlah unit yang boleh diberikan kepada seseorang pelajar adalah tertakluk kepada persetujuan program pengajian berkenaan dengan tidak melebihi 1/3 daripada jumlah unit keseluruhan;

3.5.3 gred minimum sesuatu kursus yang boleh diberikan pengecualian adalah "B"; dan

3.5.4 pengecualian hanya akan diberikan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

### 3.6 Tempoh Pengajian

3.6.1 Tempoh pengajian yang dibenarkan kepada seseorang pelajar mengikuti pengajian adalah tidak kurang daripada lapan (8) semester dan tidak lebih daripada dua belas (12) semester. Pengiraan tempoh pengajian dikira mulai tarikh pendaftaran pertama pelajar memasuki pengajian.

3.6.2 Pengecualian daripada tempoh maksimum dua belas semester boleh diberi oleh Senat Universiti kerana sesuatu sebab yang munasabah selain daripada sebab kegagalan dalam peperiksaan yang ditetapkan.

3.6.3 Pelajar yang diberi pengecualian daripada sebilangan unit kursus, maka tempoh minimum yang dibenarkan untuk menyelesaikan kursus-kursus lain adalah tertakluk kepada bilangan unit yang dikecualikan.

### 3.7 Pendaftaran Kursus

- 3.7.1 Semua pelajar dikehendaki mendaftar semua kursus yang diambil pada tarikh yang ditetapkan. Pelajar yang gagal mendaftar pada tarikh tersebut boleh dibenarkan mendaftar dengan syarat menjelaskan sejumlah bayaran yang ditetapkan dan mendaftar dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tersebut. Kegagalan mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan pelajar tidak dibenarkan mendaftar pada semester tersebut sama sekali.
- 3.7.2 Pendaftaran jumlah unit kursus pada setiap semester hendaklah tidak kurang daripada lima belas (15) unit dan tidak melebihi dua puluh (20) unit pada setiap semester. Pendaftaran yang kurang daripada lima belas (15) unit dan yang lebih daripada dua puluh (20) unit hanya boleh dibuat dengan kebenaran Dekan.
- 3.7.3 Pelajar boleh melakukan penukaran kursus yang telah didaftar dengan kursus lain dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan setiap semester.
- 3.7.4 Pelajar dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dengan syarat pengguguran itu hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu pertama permulaan setiap semester.
- 3.7.5 Pengguguran kursus boleh dibuat dengan syarat ia tidak menjejaskan jumlah minimum unit kursus bagi sesuatu semester kecuali pelajar yang diberi kebenaran mendaftar sebagaimana dinyatakan dalam Peraturan 3.7.2. Bagi kursus yang diberi kebenaran penggugurannya, ia tidak akan diambil kira dalam pengiraan PNG.
- 3.7.6 Pelajar dibenarkan untuk menarik diri daripada sesuatu kursus yang didaftarkan dengan syarat penarikan diri daripada kursus tersebut dibuat selepas berakhirnya minggu keempat (4) dan selewat-lewatnya pada minggu kesepuluh (10) dan hendaklah mendapat kebenaran Dekan. Kursus tersebut akan dianggap sebagai "TD" (Tarik Diri) tertakluk kepada Peraturan 4.4.5.
- 3.7.7 Pelajar yang gagal menyerahkan projek ilmiah mereka dalam tempoh yang ditetapkan akan diberikan gred "SM" (Sedang Maju) sehinggalah genap 30 hari daripada hari terakhir peperiksaan akhir semester pada semester tersebut. Sekiranya pelajar masih gagal berbuat demikian, pelajar hendaklah memohon secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari daripada Dekan untuk membawa gred "SM" (Sedang Maju) tersebut ke semester berikutnya dengan mengemukakan alasan yang munasabah sebelum dibenarkan mendaftar kursus bagi projek ilmiah mereka mengikut Peraturan 3.4.1.

- 3.7.8 Sekiranya pelajar gagal memohon secara bertulis daripada Dekan atau sekiranya Dekan tidak berpuas hati dengan alasan yang dikemukakan, pelajar akan diberikan gred "F" untuk projek ilmiah mereka sebelum dibenarkan mendaftar kursus tersebut mengikut Peraturan 3.4.1.
- 3.7.9 Pelajar yang gagal mendaftar kursus bagi tempoh dua (2) semester berturut-turut tanpa alasan yang munasabah akan diberhentikan pengajian oleh Senat Universiti.

#### 4. Struktur Penilaian

- 4.1 Penilaian kursus setiap semester adalah berdasarkan kepada sistem penilaian nilai gred. Penilaian ini akan diberi kepada aspek penyediaan kerja kursus sepanjang semester dan/atau peperiksaan akhir semester tertakluk kepada kelulusan Senat Universiti.
- 4.2 Penilaian nilai gred sesuatu kursus diambil berdasarkan kepada peratusan nisbah pemberat 70% - 30% daripada kerja kursus dan 30% - 70% lagi daripada peperiksaan akhir semester.
- 4.3 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Julat Markah	Nilai Gred	Taraf
A	80 - 100	4.00	Cemerlang
A-	75 - 79	3.75	Cemerlang
B+	70 - 74	3.50	Kepujian
B	65 - 69	3.00	Kepujian
B-	60 - 64	2.75	Memuaskan
C+	55 - 59	2.50	Memuaskan
C	50 - 54	2.00	Lulus
C-	45 - 49	1.75	Lulus
D	40 - 44	1.00	Lulus
F	0 - 39	0.00	Gagal
L/G	Lulus/Gagal		
TL	Tidak Lengkap		
SM	Sedang Maju		
U	Audit		
TD	Tarik Diri		
TG	Tanggung Pengajian		
TP	Tanggung Peperiksaan		

TH	Tidak Hadir	0.00	Gagal
X	DiHalang	0.00	Gagal

4.4 Gred-gred yang diberikan tanpa nilai gred adalah seperti berikut:

- 4.4.1 “L”/“G” (Lulus/Gagal) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak diberi nilai gred tetapi hanya diberi “Lulus” atau “Gagal” sahaja.
- 4.4.2 “TL” (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Program berkenaan kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Walaubagaimanapun, pelajar perlu melengkapkan keperluan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas bermulanya semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan juga gred.
- 4.4.3 “SM” (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi kursus yang berupa sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata penilaian, tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapat ijazah. Unit dan nilai gred bagi kursus tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata penilaian apabila gred “SM” digantikan dengan gred biasa.
- 4.4.4 “U” (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus, tetapi nilai gred tidak diberikan dan gred tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus tersebut.
- 4.4.5 “TD” (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri daripada sesuatu kursus dengan kebenaran Dekan dalam tempoh di antara minggu kelima (5) dan minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.
- 4.4.6 “TG” (Tanggung Pengajian) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan pengajian pada sesuatu semester dan diberi kebenaran berbuat demikian.
- 4.4.7 “TP” (Tanggung Peperiksaan) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah Peraturan 8.5.
- 4.4.8 “TH” (Tidak Hadir) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang tidak hadir untuk menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut .

- 4.4.9 "X" (Dihalang) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut.

## 5. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred

- 5.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira PNGS dan PNGK kecuali kursus-kursus tertentu yang ditetapkan.
- 5.2 Kursus yang mendapat gred "F" (Gagal) juga diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK.
- 5.3 Gred bagi kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK dan dengan ini gred "F" (Gagal) yang asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan PNGS dan PNGK tersebut.
- 5.4 Pengiraan PNGS dan PNGK akan ditentukan mengikut kaedah berikut:

### 5.4.1 PNGS

Jumlah nilai gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada Peraturan-peraturan 5.1, 5.2 dan 5.3.

Rumus pengiraan PNGS adalah seperti berikut:

$$\frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

yang mana

$G_i$  = Nilai gred kursus ke- $i$

$U_i$  = Unit kursus ke- $i$

$n$  = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.50	3	10.50
AAA 1053	A-	3.75	3	11.25
AAA 1073	F	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.50	3	7.50
<b>JUMLAH</b>			<b>15</b>	<b>41.25</b>

$$\begin{aligned} \text{PNGS} &= 41.25/15 \\ &= \mathbf{2.75} \end{aligned}$$

5.4.2 PNGK

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada Peraturan-peraturan 5.1, 5.2 dan 5.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNGS.

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.50	3	10.50
AAA 1053	A-	3.75	3	11.25
AAA 1073	F	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.50	3	7.50
<b>JUMLAH</b>			<b>15</b>	<b>41.25</b>

$$\begin{aligned} \text{PNGS} &= 41.25/15 \\ &= \mathbf{2.75} \end{aligned}$$

## Semester II

<b>Kursus</b>	<b>Gred</b>	<b>Nilai gred</b>	<b>Unit Kursus</b>	<b>Nilai Gred X Unit Kursus</b>
AAA 1023	A	4.00	3	12.00
AAA 1043	B+	3.50	3	10.50
AAA 1063	C+	2.50	3	7.50
AAA 1083	A	4.00	3	12.00
AAA 1103	D	1.00	3	03.00
<b>JUMLAH</b>			<b>15</b>	<b>45.00</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>			<b>30</b>	<b>86.25</b>

$$\begin{aligned} \text{PNGK} &= 86.25/30 \\ &= \mathbf{2.88} \end{aligned}$$

### 6. Syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian

- 6.1 Lulus: Seseorang pelajar dianggap Lulus dan dibenar meneruskan pengajian ke semester berikutnya jika mendapat PNGS 2.00 atau lebih.
- 6.2 Lulus Bersyarat:
  - 6.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan dibenar meneruskan pengajian dengan diberi amaran jika mendapat PNGS di antara 1.00 hingga 1.99.
  - 6.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenar berada dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut. Ini bermakna jika pelajar memperolehi PNGS kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat pada Peraturan 6.2.1, pelajar tersebut dianggap Gagal dan Diberhentikan.
- 6.3 Gagal:
  - 6.3.1 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan Diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan oleh Peraturan 6.2.2 di atas.
  - 6.3.2 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan Diberhentikan jika mendapat PNGS kurang daripada 1.00.
- 6.4 Penilaian untuk mendapatkan ijazah
  - 6.4.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian:
    - 6.4.1.1 Memperolehi PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada Peraturan-peraturan 5.1, 5.2 dan 5.3; dan

6.4.1.2 Memperolehi sekurang-kurangnya unit minimum daripada kursus-kursus yang diambil sepanjang tempoh pengajian yang dibenarkan tertakluk kepada peraturan pengajian program yang diikuti.

#### 6.4.2 Pengurniaan ijazah

6.4.2.1 Ijazah yang dikurniakan adalah Sarjana Muda dengan Kepujian mengikut kelas seperti berikut:

<b>PNGK</b>	<b>Kelas</b>
3.70	- Pertama
4.00	
3.00	- Kedua Bahagian Atas
3.69	
2.34	- Kedua Bahagian Bawah
2.99	
2.00	- Ketiga
2.33	

6.4.2.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada pelajar yang telah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) memenuhi semua kehendak Peraturan ini;
- (b) memenuhi semua kehendak Peraturan-peraturan Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian;
- (c) diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Senat Universiti; dan
- (d) menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan.

#### 6.5 Pengulangan kursus

Pelajar dibenarkan mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat Gred "C-" dan "D" sahaja. Gred yang diperolehi dalam kursus ulangan akan diambilkira sebagai gred akhir tanpa mengambilkira ia lebih baik dari sebelumnya ataupun sebaliknya.

### 7. Peruntukan-peruntukan Lain.

7.1 Kehadiran kuliah dan tutorial bagi sesuatu kursus hendaklah tidak kurang daripada 80%. Oleh itu, jika seseorang pelajar didapati tidak memenuhi keperluan kehadiran tersebut seperti yang ditetapkan, pelajar tersebut tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan akhir semester setelah Dekan dimaklumkan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus berkenaan.

7.2 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar dicatat dalam rekod akademiknya.

### 7.3 Peperiksaan Ulangan Khas

7.3.1. Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah.

7.3.2 Peperiksaan ini hendaklah diadakan dalam bentuk bertulis dan hanya boleh diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Gred yang diberikan hanya "L" atau "G" (Lulus atau Gagal).

7.3.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik) dalam masa dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sejumlah bayaran akan dikenakan untuk tujuan ini.

7.3.4 Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan yang berkenaan. Dekan, setelah berunding dengan Penyelaras kursus berkenaan, hendaklah mengaturkan peperiksaan tersebut dalam tempoh dua (2) minggu.

## 9. Penggantungan Pendaftaran, Penangguhan Pengajian dan Penangguhan Peperiksaan

### 8.1 Penggantungan Pendaftaran

8.1.1 Calon pelajar yang telah ditawarkan untuk mengikuti sesuatu program pengajian tetapi belum mendaftar boleh memohon dalam tempoh sah tawaran untuk menggantungkan pendaftarannya selama tidak kurang satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester jika atas sebab yang munasabah dengan membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan untuk kelulusan dan disalinkan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik).

8.1.2 Tempoh penggantungan pendaftaran tidak boleh melebihi dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

### 8.2 Penangguhan Pengajian

8.2.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penangguhan pengajian bagi semester-semester tertentu oleh Dekan. Dalam kes-kes seperti ini perakuan daripada pegawai perubatan/doktor bertauliah adalah diperlukan. Perakuan yang diperolehi daripada pegawai selain

daripada pegawai perubatan/doktor berkenaan boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu setelah pelajar berkenaan terlebih dahulu menjalani rawatan pegawai perubatan/doktor berkenaan. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan pegawai perubatan/doktor yang memberi rawatan.

- 8.2.2 Pelajar yang telah disahkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah bahawa dia sedang hamil untuk tempoh enam (6) bulan dan ke atas pada tarikh permulaan pendaftaran dinasihatkan supaya menangguh pengajian pada semester tersebut.
  - 8.2.3 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada Peraturan 8.2.1 dan Peraturan 8.2.2 boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester jika Dekan berkenaan berpuas hati bahawa masalah yang dihadapinya akan menjejaskan pengajian pelajar itu pada sesi berkenaan.
  - 8.2.4 Permohonan penangguhan pengajian boleh dibuat sehingga minggu ke sepuluh (10) sesuatu semester. Permohonan selepas minggu ke sepuluh (10) tidak akan diberi pertimbangan melainkan permohonan yang diterima daripada pelajar yang telah disahkan hamil dan tidak berupaya untuk meneruskan pengajian oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah atau daripada pelajar yang memohon berdasarkan Peraturan 8.2.1 atau Peraturan 8.2.2.
  - 8.2.5 Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada Dekan dan disalinkan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik).
- 8.3 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian
- 8.3.1 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam Peraturan 8.2.1, Peraturan 8.2.2 dan bagi pelajar yang disahkan hamil dan tidak berupaya meneruskan pengajian dalam Peraturan 8.2.4 tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada Peraturan 3.3.
  - 8.3.2 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan dalam Peraturan 8.3.1 di atas diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada Peraturan 3.3.
  - 8.3.3 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua (2) semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab

kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian adalah selama empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

#### 8.4 Status Sebagai Seorang Pelajar USIM

Pelajar yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan penangguhan pengajian akan hilang tarafnya sebagai pelajar USIM dan dengan demikian dia tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan USIM yang biasanya diberi kepada pelajar sehingga dia mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

#### 8.5 Penangguhan Peperiksaan

8.5.1 Pelajar yang sakit sewaktu peperiksaan boleh memohon daripada Dekan yang menawarkan kursus untuk kelulusan menangguhkan pengambilan peperiksaan kursus berkenaan.

8.5.2 Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan bagi sesuatu kursus hendaklah dibuat dalam tempoh

empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan kursus berkenaan diadakan.

8.5.3 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan surat pengesahan pegawai perubatan/doktor yang merawat pelajar berkenaan seperti dalam Peraturan 8.2.1.

8.5.4 Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan dan diluluskan atas budi bicara Dekan yang menawarkan kursus berdasarkan kepada merit permohonan tersebut.

8.5.5 Peperiksaan gantian hanya akan dibuat pada dua (2) minggu pertama semester yang berikutnya tertakluk kepada keperluan pengijazahan.

8.5.6 Pendaftaran kursus pada semester peperiksaan gantian tersebut diadakan adalah pendaftaran kursus bersyarat sehingga keputusan peperiksaan gantian tersebut diperolehi tertakluk kepada Peraturan-peraturan 6.1, 6.2 dan 6.3.

### 9. Penyimpanan Skrip Jawapan Peperiksaan

9.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan hendaklah disimpan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus sehingga tempoh yang ditetapkan.

- 9.2 Semua skrip akan disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pemberitahuan secara rasmi keputusan peperiksaan kursus berkenaan.
- 9.3 Tertakluk kepada Peraturan 9.4 semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga bulan seperti yang tersebut di dalam Peraturan 9.2.
- 9.4 Dalam kes di mana rayuan terhadap keputusan penilaian sesuatu kursus itu telah dibuat oleh seseorang pelajar, skrip jawapan berkenaan dengan penilaian itu tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas keputusan penyemakan semula itu disahkan.

## **10. Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus**

- 10.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Pendaftar (Bahagian Akademik). Rayuan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberi pertimbangan.
- 10.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta dibuat penyemakan semula.
- 10.3 Sejumlah bayaran yang ditetapkan bagi setiap kursus akan dikenakan kepada pelajar yang membuat rayuan dan bayaran tersebut hendaklah disertakan bersama dengan surat rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- 10.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan yang berkaitan. Dekan selepas berunding dengan Penyelaras kursus yang terlibat, boleh melantik sebuah panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- 10.5 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Ketua Program, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang kursus berkenaan.
- 10.6 Perakuan Panel Pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti. Keputusan mesyuarat Fakulti mengenai penilaian semula kursus atau kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat Universiti sebelum dimaklumkan kepada pelajar berkenaan.
- 10.7 Semua keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan itu tidak boleh dilayan.

## **11. Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian**

- 11.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan Diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
- 11.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik) dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Setiap rayuan hendaklah disertakan dengan sejumlah bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dikembalikan. Sebarang rayuan selepas tempoh tersebut tidak boleh dipertimbangkan.
- 11.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan. Dekan hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Rayuan untuk membuat pertimbangan dan keputusan.
- 11.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal akademik, Penyelaras kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli daripada Fakulti yang berkaitan.
- 11.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa seperti berikut:
  - 11.5.1 menerima atau menolak sesuatu rayuan;
  - 11.5.2 membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan; dan
  - 11.5.3 memperakukan keputusan yang telah dicapai mengenai semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan tidak layak dipertimbangkan.
- 11.6 Perakuan yang dibuat mengenai perkara di atas tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat Universiti untuk pengesahan.
- 11.7 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad. Oleh itu, sebarang rayuan selanjutnya mengenai hal ini tidak boleh dilayan.

## **12. Umum**

- 12.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat Universiti dari semasa ke semasa hendaklah berkuatkuasa kepada pelajar yang mendaftar selepas tarikh kuatkuasa Peraturan ini.
- 12.2 Senat Universiti mempunyai kuasa untuk memberi apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada keperluan-keperluan Peraturan ini.

- 12.3 Sekiranya terdapat ketidakseragaman di antara mana-mana peruntukan Peraturan ini dengan peruntukan yang sama dalam Peraturan-peraturan Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, maka Peraturan tersebut adalah terpakai setakat mana yang diperlukan kecuali dinyatakan sebaliknya secara khusus dalam Peraturan ini.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007**

**JADUAL PERTAMA**

Di bawah Peraturan 5.1, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kursus/kursus-kursus yang berikut sebagai tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK:

1. Latihan Industri;
2. Latihan Amali;
3. Praktikum;
4. Pengajian Halaqah;
5. Muhadathah Hurrah; dan
6. Ko-Kurikulum.

Sebagaimana ditetapkan oleh Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada 11 April 2007 (Mesyuarat Senat Kali Ke-38)

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007**

**JADUAL KEDUA**

Di bawah Peraturan-peraturan 3.4.1, 7.3, 10.3 dan 11.2, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kadar-kadar bayaran bagi urusan-urusan berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Urusan</b>	<b>Kadar Bayaran</b>
1.	Permohonan Menduduki Peperiksaan Ulangan Khas	RM50.00
2.	Rayuan Semakan Semula Keputusan Penilaian Kursus	RM50.00
3.	Rayuan Meneruskan Semula Pengajian	RM50.00
4.	Lewat Mendaftar	RM25.00
5.	Pendaftaran Kursus Selepas Tamat Tempoh Pendaftaran	RM25.00/Kursus

Sebagaimana ditetapkan oleh Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada 11 April 2007 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-38) dan 06 Januari 2010 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-54, Bil. 06/2009)

## SINOPSIS KURSUS

### KURSUS WAJIB UNIVERSITI (WU)

#### UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia

Kursus pengenalan tentang Tamadun Islam dan Tamadun Asia ini menyentuh aspek-aspek penting dalam tamadun Islam yang membawa dampak yang besar dan perubahan-perubahan mendasar terhadap cara hidup, kebudayaan serta pandangan dunia masyarakat Islam. Penekanan ditumpukan kepada isu-isu yang mendokong dan mencabar kehidupan bertamadun khususnya berkaitan dengan kemuliaan insan, keadilan sosial, pembangunan bersepadu dan hidup bernegara. Kursus ini juga menghuraikan tentang Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang melalui proses pembinaan negara bangsa (*nation building*) untuk mengangkat kecemerlangan tamadun Islam secara berterusan.

#### Rujukan

Azhar Hj. Mad Aros et. al. 2001. *Tamadun Islam dan Asia (Kertas 1)*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Hasnan Kasan, Nasruddin Yunos & Nazri Muslim (ed.). 2003. *Tamadun Islam dan Kenegaraan Malaysia*. Bangi: Pusat Pengajian Umum UKM.

Osman Bakar. 1997. *Islam and Civilizational Dialogue*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Seyyed Hossein Nasir. 1993. *Islam and the Challenge of 21st Century*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Universiti Malaya. 2001. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

#### UTA1022 Hubungan Etnik

Kursus ini merangkumi tentang interaksi antara tamadun Islam dengan tamadun-tamadun besar Asia yang lain seperti India, China dan Jepun termasuklah tamadun peribumi Malaysia. Pendedahan secara *thematic* terhadap tamadun besar Asia yang mempunyai hubungan sejarah dan budaya dengan tamadun Melayu akan mewujudkan sikap ingin bersaing untuk mengetahui, menghargai dan menghormati kekuatan silam.

Selain itu, kursus ini juga meneliti pertembungan budaya dan ciri-ciri peradaban dalam tamadun-tamadun tersebut yang memandang kehidupan di dunia secara ideal, penuh keharmonian, keseimbangan dan keamanan sejagat.

## **Rujukan**

Azhar Hj. Mad Aros et. al. 2001. *Tamadun Islam dan Asia (Kertas 2)*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Hilda Hookman. 1972. *A Short History of China*. Ontario: St. Martin's Press Inc.

M. Rajendran. 1988. *Sejarah Jepun*. Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn. Bhd.

Romila Thapar. 1996. *A History of India*. London: Penguin Books.

Universiti Malaya. 2001. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

## **MGA1023 Prinsip Pengurusan Perniagaan**

Perusahaan dan perniagaan merupakan komponen utama bidang muamalat dan amat dituntut oleh Islam sebagai fardu kifayah. Umat Islam dijanjikan sumber rezeki yang besar daripada perniagaan dan oleh itu mereka harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran bagi melengkapkan diri sebelum menceburkan diri dan berjaya dalam bidang ini (sebagai *Muslimpreneurs*). Kursus ini bertujuan meningkatkan kefahaman para pelajar terhadap kepentingan perniagaan dan ciri-ciri yang menjayakan sesebuah perniagaan. Pelajar akan didedahkan kepada jenis-jenis perniagaan moden dan persekitarannya, serta fungsi utama perniagaan yang meliputi pengeluaran, operasi, pemasaran, kewangan, sumber manusia dan sistem maklumat. Kursus ini dikendalikan melalui kuliah, tutorial, projek bertulis dan pembentangan.

## **Rujukan**

Syed Mohd. Ghazali Wafa, Muhammad Nasri & Mohd Hizam Hanafiah. 2005. *Pengantar Perniagaan Islam*. NJ: Prentice Hall.

Madura, Jeff 2007. *Introduction to Business*, 4<sup>th</sup> Edition, Thomson South- Western.

Ebert, Ronald J. & Griffin, Ricky W. 2007. *Business Essentials*, 6<sup>th</sup> Edition, International Edition: Pearson Education International.

Jones, Gareth R. 2007. *Introduction to Business: How Companies Create Value for People*, 1<sup>st</sup> Edition, US: McGraw Hill/Irwin.

Nik Mohamed Affandi. 2002. *Islam and Business*. Subang Jaya: Pelanduk.

Beekun, Rafik Issa. 1997. *Islamic Business Ethics*. 1<sup>st</sup> Edition, USA: The International Institute of Islamic Thought.

### **AAA1012 Akidah Islam**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang akidah Islam mengikut keterangan Quran dan Sunnah. Ia merupakan kursus asas dan teras untuk memahami dan mengamalkan cara hidup Muslim. Ia meliputi tajuk-tajuk seperti konsep agama Allah, kefitrahan agama Allah, pengertian Islam, hubungan Islam dan iman, batas-batas keimanan dan kekufuran dan konsep akidah Islam, konsep makrifah Allah (makrifah zat, sifat, nama dan *af'āl*) konsep kenabian, wahyu, mukjizat, dalil-dalil kenabian, sifat-sifat dan peranan para nabi dan rasul.

### **Rujukan**

Abdul Ghaniy °Abud. 1976. *Al-°Aqidah al-Islamiyah wa al-idiulujiyat al-mu°asirah*, t.tp. Misr: Dar al-Fikr al-°Arabiy.

Al-Tahawiy Abu Ja°far Ahmad , t.th., *Sharh al-°aqidah al-Tahawiyah*, t.tp. Misr: Dar al-Fikr al-°Arabiy.

Ahmad °Izzuddin al-Bayanuniy. 1990 M. *al-Kufr wa al-mukaffirat*, t.tp.: Dar al-Salam.

Muhammad Abdullah Darraz. 1970. *Al-Din: buhuth mumahhidah li dirasat tarikh al-adyan*, Bayrut : Dar al-Kutub.

Sabir Tu°aymah, 1398H/1978M. *al-°aqidah wa al-fitrah fi al-Islam*, Bayrut : Dar al-Jayl.

### **AAA2022 Akhlak dan Tasawwuf**

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada persekitaran umum akhlak Islamiah serta tasawwuf dengan memberikan penekanan khusus kepada peranan kedua-duanya dalam proses pembangunan sakhsyiyah muslim setulinnya. Pembicaraannya meliputi konsep nilai dan sumber akhlak Islamiah serta kepentingannya dalam kehidupan insan, konsep dan sumber tasawwuf sebagai aspek kerohanian yang sah dalam Islam, hubungan di antara akhlak Islamiah dan tasawwuf, proses pembersihan diri (tazkiyyat al-nafs) yang meliputi pembicaraan sekitar al-fada'il dan al-radha'il dan pengenalan kepada al-maqamat dan al-ahwal.

## Rujukan:

- Abd al-Baqi Surur. Misr: Dar al-Kutub al-Hadithah.  
Al-Sarraj, Abu Nasr al-Tusi. 1960. Al-Lumac. Sunt. Abd al-Halim Mahmud dan Taha.  
Al-Taftazaniy, Abu al-Wafa'. 1976. Madkhal ila al-tasawwuf al-Islami. Qahirah: Daral-Thaqafah.  
Hawwa, Sacid. 1988. Al-Mustakhlis fi tazkiyah al-anfus. Misr: Dar al-Salam.  
Yaljin, Miqdad. 1973. al-Ittijah al-akhlaq fi al-Islam: dirasah muqaranah. Misr: Maktabat al-Khanjiy

## UTA2072 Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada teknik berfikir yang dinamik bagi mewujudkan sikap berani mengeluarkan pendapat yang bernas dan bijak mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi. Ia mendedahkan pelajar kepada berfikir secara logik sebagai alat untuk menilai dalil dalam proses penghujahan. Di antara aspek yang diajar termasuk pendalilan deduktif dan induktif, teori falasi, silogisme, bahasa dan definisi, syarat cukup dan syarat perlu dan makna emotif. Aspek tersebut membolehkan pelajar membezakan antara hujahan yang baik dan hujahan yang tidak berkesan. Kursus ini juga untuk membina kebolehan menginovasi dan berfikir secara kreatif termasuk menggalakkan dan memberangsangkan keinginan pelajar-pelajar untuk sentiasa menginovasikan pengetahuan dan kepakaran dalam kursus-kursus dan aktiviti-aktiviti lain.

## Rujukan

- Ruggiero, Ryan Vincent. 2004. *The Art of Thinking: A Guide To Critical and Creative Thought*. USA: Pearson Longman.
- Bassham, G., Irwin, W., Nardone, H., Wallace, J. M. 2002. *Critical Thinking: A Student's Introduction*. USA: McGraw-Hill.
- Johnson, A.P. 2000. *Up and Out: Using Creative and Critical Thinking Skills to Enhance Learning*. USA: Allyn & Bacon.
- Parness, S. 2002. *Creative Problem Solving Model*. [On-line]. Available: <http://members.ozemail.com.au>.
- Harris, R. 1998. *Introduction To Creative Thinking*. [On-line]. Available: <http://www.virtualsalt.com>.

## **LAA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat**

Kursus ini merupakan pengantar kepada pengajian Fiqh dalam dua bahagian iaitu ibadat dan Munakahat. Bahagian ibadat menyentuh ibadat umum dan ibadat khusus seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji serta persoalan berkaitan dengan ibadat-ibadat tersebut. Manakala bahagian munakahat pula menyentuh pertunangan, perkahwinan, mas kahwin, perceraian, fasakh, khulu', illa', zihar, kesan perkahwinan seperti nafkah dan hadanah, rujuk dan perkara-perkara yang berkaitan. Penekanan kursus ini akan diberikan kepada pendapat Mazhab Syafie.

### **Rujukan:**

al-Sharbini al-Khatib. 1377H/1958M. Mughni al-Muhtaj. Misr: al-Halabi.

al-Sharbini al-Khatib. t.th. al-Iqna': Misr: Dar al-Fikr.

al-Shaykh Khalid ibn Abdullah al-Shuqfah. 1409H/1989M. Kitab al-Dirasat al-Fiqhiyyah `ala Mazhab al-Shafi'i, Misr: Dar al-Salam Sharif.

Mustafa al-Khin (Dr.) Mustafa al-Bugha (Dr.) & Ali al-Shurbaji. 1407H/1987M al-Fiqh al-Manhaji `ala madhhab al-Imam al-Shafi'i, Damsyiq: Dar al-Qalam

al-Sayyid Sabiq, 1403H/1983M. Fiqh al-Sunnah. Beirut: Dar al-Fikr.

## **UBE1012 English I (Listening And Speaking)**

*This is an integrated course that aims at reinforcing the students' command of English to help them gather information and communicate effectively in an academic environment. It focuses on reviewing the rudiments of English grammar and developing the students' reading skills through specific tasks and exercises that provide practice and exposure to the organization and structure of texts. It also includes various approaches, strategies and techniques in academic reading that will contribute towards the development of their study skills.*

### **Reference**

Kim, E and P Hartmann. 1985. *Interactions Two: A Reading Skills Book*. 3<sup>rd</sup> edition. US: McGraw-Hill.

Werner, P K; M M Church and L R Baker. 1985. *Interactions Two: A Communicative Grammar*. McGraw-Hill.

Ramsey, J W. 1997. *Basic Skills Academic Reading*. Heinle and Heinle.

Pakenham, KJ. 1998. *Making Connections: an Interactive Approach to Academic Reading*.  
Cambridge University Press.

## **UBE1022 English II (Reading And Writing)**

The course aims at reinforcing the skills attained in English I through interactive reading exercises and practice, and grammar review in context. These skills are further extended to include also the development of writing skills, which introduces the students to the general principles of effective writing and the writing process. It also provides practice in logical thinking, organization of ideas and patterns of organization.

### **Reference**

Treciak, J and S E Mackay. 1997. *Study Skills for Academic Writing*. N.J: Prentice-Hall.

Leki, I. 1990. *Academic Writing: Exploring Processes and Strategies*. Cambridge University Press.

Raimes, A. 1998. *Exploring Through Writing*. Cambridge University Press.

Bates, L. 1998. *Transitions: An Interactive Reading, Writing and Grammar Text*.  
Cambridge University Press.

## **UBA1032 Bahasa Arab I**

Kursus ini bertujuan membimbing para pelajar memahami dan mengaplikasikan empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bercakap, membaca dan menulis dengan menggunakan *mufradat* serta istilah- istilah bahasa Arab yang berkaitan dengan alam persekitaran di Malaysia melalui teks- teks pilihan dengan penekanan kepada kemahiran penyebutan bunyi huruf arab dengan sebutan yang betul serta kemahiran membariskan perkataan-perkataan dalam petikan-petikan yang dipilih sebagai pengukuhan kepada kemahiran bahasa dan nahu pelajar. Kursus ini merupakan pendekatan bersepadu dalam penggunaan kemahiran berbahasa. Di akhir kursus ini para pelajar diharap dapat mempertingkatkan kemahiran mereka dari segi penggunaan mufradat dan susunan frasa dan ayat. Seterusnya mempertingkatkan kemahiran membaca, bercakap, memahami apa yang mereka dengar, serta menulis ayat-ayat pendek dalam *jumlah mufidah* melalui latihan-latihan yang mereka praktikkan dalam kelas.

## **Rujukan:**

Ahmad Abd. Kadir 1985. Metod pengajaran bahasa Arab peringkat permulaan.edisi I. Egypt: Maktabah al- Nahdhah Misriyah.

Al- Khatib, Muhammad Khalil. 1993. Khutab al- Mustafa. S.a.w. Al- Qahira: Dar al- l'tism. Petikan akhbar dan majalah Arab semasa.

Al- Saqqaf, syed Umar, Mohd Khalil Syekh Hj. Ahmad, Mohd Abd. Rahim Abd. Rahman. 1996- 1998. Bahasa Arab Komunikasi 1,2,3 KBSM . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibrahim, Abdul al-`Alim. 1996. Al-Nahw al-wazifi. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.

Sini, Mahmud Ismail. 1982. Al- Arabiyah lil hayat. Saudi Arabia : Jamiat al- Malik Su'ud. Lubnan: Maktabat Lubnan.

Sini, Mahmud Ismail. 1983. Al- Arabiyah Li an- Nasyiin Krikulum bersepadu pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua buku pelajar I edisi I. . Saudi Arabia : Kementerian Pelajaran .

## **UBA1042            Bahasa Arab II**

Kursus ini diperkenalkan bertujuan membimbing dan membantu para pelajar mengembangkan kebolehan mereka berkomunikasi dalam bahasa Arab serta memahami istilah-istilah bahasa Arab dalam pelbagai bidang, sama ada dalam persekitaran Malaysia mahupun di luar negara melalui teks pilihan. Penekanan ditumpukan kepada empat kemahiran iaitu mendengar, bercakap, membaca dan menulis, di samping memperkenalkan kemahiran-kemahiran lain secara meluas dengan penggunaan istilah-istilah dalam dan luar negara. Kemudian para pelajar dilatih mempraktikkan kemahiran mereka dalam pembacaan teks tertentu yang lain. Dalam kursus ini para pelajar dibimbing untuk menguasai kemahiran berkomunikasi, mendengar serta memahami, membaca dan menulis secara amnya. Topik-topik nahu dan *sarf* yang dibincangkan dalam kursus ini sebagai pengukuhan kepada kemahiran bahasa dan nahu pelajar. Di akhir kursus ini pelajar dapat membincangkan sesuatu topik dengan menggunakan bahasa Arab tentang pendidikan, kebudayaan, perdagangan dan lain-lain.

## **Rujukan**

Abu Maghla, Samih 1986. Al- Asalib al- Hadithah li tadrish al- Lughah al- Arabiyah edisi II Jordan: Madlawy.

Ahmad Abd. Kadir 1985. Metod pengajaran bahasa Arab peringkat permulaan.edisi I. Egypt: Maktabah al- Nahdhah Misriyah.

Ibrahim, Abdul al-`Alim. 1996. Al-Nahw al-wazifi. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.

Samarah Mahmud, Abu U'jaimah 1989. Al- Lughag al- Arabiyah Nizamuha wa adabuha wa qadaya mua'shirah. Edisi I Amman. Jordan.

Sini, Mahmud Ismail. 1982. Al- Arabiyah lil hayat. Saudi Arabia : Jamiat al- Malik Su'ud. . Lubnan: Maktabat Lubnan.

Sini, Mahmud Ismail. 1983. Al- Arabiyah Li an- Nasyiin Krikulum bersepadu pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua buku pelajar I edisi I. . Saudi Arabia : kementerian Pelajaran .

Surat khabar Arab Ahlan Wa Sahlan. terbitan Malaysia

Thaimah, Rusydi Ahmad. 1985. Dalil Amal fi l'dadi mawad al- taklimiyah li baramij taklim al- lughah al- Arabiyah. Makkah al- Mukarramah: Univ. Umm al- Qura.

Mansyn, Abdul Aleem El Sayed (t.t). Sentence dictionary english/arabic Sentence. Cairo: Madbouuly Bookshop.

## **Ko-kurikulum**

### **Komponen Badan Berunifom**

#### **CBAI016 Sukarelawan Siswa Polis DiRaja Malaysia (SUKSIS)**

Kursus ini mengambil masa selama enam (6) semester dengan tempoh latihan minimum sebulan adalah sebanyak 16 jam dan maksimum 48 jam. Kursus ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu latihan akademik dan latihan luar. Latihan akademik meliputi undang-undang, bina diri dan kenegaraan manakala latihan luar terdiri daripada kawad, senjata, pertolongan cemas, khidmat masyarakat, rentas halangan, lawatan dan ujian/penilaian.

Modul kursus adalah berpandukan kepada modul yang telah ditetapkan oleh Polis DiRaja Malaysia.

#### **CBA1023 Pertahanan Awam**

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada organisasi pertahanan awam, fungsi dan tugasnya semasa aman dan ketika kecemasan. Pelajar akan didedahkan kepada asas-asas pertolongan cemas, kaedah-kaedah menangani kebakaran, penggunaan tali dan tangga bagi tujuan menyelamatkan dan kawad kaki.

Modul kursus adalah berpandukan kepada modul yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.

### **CBA1033 Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM)**

Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar asas-asas pertolongan cemas dan kemahiran yang berkaitan dengannya termasuklah menangani kebakaran serta penggunaan tali dan tangga bagi tujuan menyelamatkan dan kawad kaki.

Modul kursus adalah berpandukan kepada modul yang telah ditetapkan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

### **Komponen Kebudayaan**

#### **CCA1052 Teater**

Kursus ini dititikmulakan dengan sesi suaikenal di mana pelatih akan diuji daya ingatan mereka melalui mengenali nama dan beberapa perkara terhadap rakan-rakan mereka. Secara total, meningkatkan daya ingatan para pelatih akan mengenali keseluruhan rakan sebaya hanya dengan memakan masa selama setengah jam. Latihan kejiwaan pula membawa pelatih merasa sensitif kepada diri sendiri dan peka kepada orang lain. Jawapan keseluruhan dalam latihan teater ini, kejayaan pelatih adalah apabila pelatih menjadi seorang yang berdisiplin, kurang bercakap kosong dan mempunyai fokus yang tinggi. Matlamat kursus ini ialah untuk menghasilkan mahasiswa yang mahir dalam bidang Seni Teater dan bersedia memperkembangkan ilmu seni yang diperolehi kepada masyarakat dan dapat membantu membina pembentukan jatidiri dan sahsiah mahasiswa serta boleh dijadikan sebagai kerjaya sampingan.

#### **Rujukan**

Brockett, O.A. 1977. *History of the Theatre*. Boston : Allyn and Bacon.

Hagen, Uta. 1978. *Respect for Acting*. New York : Mac Milan.

Tengku Syed Kadir & Zan Rosdy. 1963. *Sejarah Seni Drama*. Singapore : Pustaka Melayu.

Kaltger, John Merie. 1986. *Actor On Acting*. London : Sterling Publishing.

White, E. *Acting Movement*. New York : Art Book Inc.

Kalter, John Merie. 1986. *Actor On Acting*. London : Sterling Publishing.

## **CCA1062 Silat**

Kursus ini memberi pengetahuan tentang seni silat dari aspek sejarah, kategori seni silat, langkah tari dan sebagainya. Kursus ini juga memberi penekanan aspek penguasaan asas-asas pergerakan bela diri yang meliputi latihan mental-spiritual, semangat dan kepimpinan dalam pasukan. Kesenambungan kursus ini meliputi asas-asas pergerakan, teknik serangan seperti tumbukan dan sepakan yang digunakan dalam pertandingan silat olahraga. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar tentang seni silat khususnya silat olahraga dalam mempertingkatkan penguasaan kemahiran diri dan kumpulan.

### **Rujukan:**

Buku panduan "Teknik dan Peraturan Pencak Silat" dari Persilat Antarabangsa. Abd. Manan Embung. 1984. *Keris*. Kuala Lumpur.

Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya. 1983. *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: MacMillan Publisher.

## **CCA1072 Koir**

Kursus ini mewajibkan pelajar melibatkan diri dengan aspek kemahiran nyanyian 2, 3 dan 4 suara: soprano, alto, tenor dan bes daripada lagu-lagu pelbagai stail dan tekstur iaitu monofonik, homofonik dan polifonik. Kursus ini juga akan memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai teknik-teknik dalam nyanyian berkumpulan, masalah-masalah nyanyian dan cara mengatasinya. Kursus ini memberi tumpuan kepada *posture*, pernafasan, sebutan, *registration* dan penghasilan *tone*. Teknik asas *conducting* turut didedahkan sebagai asas menjadi seorang pemimpin koir. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar tentang nyanyian dalam berkumpulan *ensemble vocal*.

### **Rujukan**

Cadwell, J. Timothy (1995). *Expresive Singing : Dalcroze Eurhythmic for voice*.

Englewood Cliff. New Jersey : Prentice Hall Inc.

Christy, Van (1998). *Foundation In Singing : A Basic Textbook In Vocal Yechnique And Song Interpretention*. Sixth Edition. New York " McGraw-Hill ,Inc.

Combs, Ronald (1995). *Learning To sing Non Classical Music : Eaglewood Cliff*. New Jersey: Prentice Hall Inc.

Garreston, Robert (1993). *Choral Music – History, Style & Performance Practice*. New Jersey : Prentice Hall Inc.

## **CCA1082 Kompang**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas permainan kompang yang merangkumi pukulan dan lagu secara berkumpulan. Dalam konteks persembahan, kebiasaannya kumpulan kompang terdiri daripada tiga kumpulan mengikut peranan masing-masing. Kumpulan pertama terdiri daripada beberapa orang pemain yang akan bertindak sebagai "Pelalu" untuk memainkan pola paluan yang khusus serta spesifik secara seragam iaitu sebagai pukulan dasar. Kumpulan kedua pula bertindak sebagai "Peningkah" yang lazimnya terdiri daripada seorang sahaja ketua dalam permainan tersebut. Kumpulan ketiga akan bertindak sebagai "Pelanak" yang memainkan rentak hias sebagai unsur pelengkap kepada keseluruhan pola paluan yang terjalin di dalamnya. Kursus ini juga mengaplikasikan teori dan amali yang dipelajari dalam pengurusan aktiviti dan khidmat sosial setempat.

### **Rujukan:**

Mohd Hassan Abdullah. 2002. *Idiosyncratic Aspects of Malaysia music : The roles of the Kompang in Malay Society*,: Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia.

Nik Mustapha Nik Mohd Salleh. *Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu di Malaysia*. edited by Mohd Ghazali Abdullah. (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Mohd Ghouse Nasuruddin. 1992. *The Malay Traditional Music*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **Komponen Sukan**

### **CDA1102 Golf**

Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar kemahiran dan teknik permainan golf sebagai salah satu aktiviti waktu senggang. Pelajar akan turut didedahkan kepada kaedah fisiologi senaman, pemakanan seimbang, penjagaan peralatan dan etika sebagai seorang pemain golf.

### **Rujukan**

Chuck Hogan. 1998. *Five Days to Golfing Excellence*. Perigee Trade.

Greg Norman, Claude Harmaon. 1996. *Advanced Golf*. Tuttle Publishing.

Robin McMillan. 1994. *365 One-Minute Golf Lessons: Quick and Easy Stroke-Saving Tips and Exercises*. HarperResource.

Susan Greene, Nancy Bundorf. 1997. *The ABC's of Golf*. Excel Publishing.

Toam Doak, Ben Crenshaw. 1999. *The Anatomy of a Golf Course: The Art of Golf Architecture*. Burford Books.

### **CDA1112 Renang dan Penyelamat**

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar asas-asas kemahiran dan teknik berenang yang betul termasuklah membina keyakinan diri, apungan, kuak dada (*breast stroke*), menjejak air, kuak rangkak (*front crawl/free style*), menyelam, *plunge in*, asas pertolongan cemas dan kemahiran-kemahiran lain yang bersesuaian. Kursus ini juga bertujuan memberi pendedahan kemahiran menyelamat kelemasan di mana pengetahuan, kemahiran dan keupayaan fizikal pelajar akan diuji. Pelajar akan didedahkan kepada kemahiran renang menyelamat dan kaedah menyelamat yang berkesan, selain diperlukan untuk menunjukkan kemahiran menyelamat mengikut sukatan yang ditentukan. Kemahiran yang didedahkan termasuklah penilaian situasi kecemasan, pemulihan pernafasan, daya tahan dan kepantasan di air, menyelamat dengan menghulur pakaian dan mencampak tali, tunda silang dada dan dengan alat bantuan, tundaan dagu dan berenang di bawah permukaan air.

## Rujukan

Guzman, R. J. 1998. *Swimming Drills for Every Stroke: 91 Drill for Competitive Swimmers*. Champaign, IL. Human Kinetics. Pub. Inc.

Leonard, J. 1992. *Science of Coaching Swimming*. Champaign, IL. Leisure Press.

Paul, B. 1989. *Take Up Swimming*. Leeds. Springfield Books Ltd.

Singapore Life Saving Society. 1992. *The Manual of Life Saving*.

Thomas, D.G. 1990. *Advanced Swimming: Steps to Success*. Champaign, IL. Leisure Press.

## CDA1122 Memanah

Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar aktiviti memanah berdasarkan kepada demonstrasi oleh jurulatih dan penglibatan pelajar sendiri. Kursus ini meliputi asas-asas memanah termasuklah pengenalan kepada kelengkapannya, teknik-teknik memanah yang betul, memanah dalam jarak 20m, 25m, 30m dan melebihi 30m.

## Rujukan

Beth Habeishi, Stephanie Mallory. 2003. *Basic Essentials Archery (Basic Essentials Series)*. Falcon.

Kathleen M. Heywood, Catherine F. Lewis. 1996. *Archery: Steps to Success (Steps to Success Activity Series)*. Human Kinetics Publisher.

Larry Wise, Larry Wert. 1992. *Bow and Arrow: The Comprehensive Guide to Equipment, Technique and Competition*. Stackpole Books.

Ray Axford. 1996. *Archery Anatomy: An Introduction to Technique for Improved Performance*. Souvenir Press Limited.

Rick Sapp. 2003. *Archer's Digest*. 7th edition. Krause Publication.

## **CDA1132 Boling**

Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar teknik yang betul untuk mencapai skor yang tinggi dalam permainan boling. Penekanan akan diberikan kepada *four step delivery*, dan *spot* boling untuk mencapai skor sempurna. Pelajar juga akan diajar supaya memahami prinsip-prinsip fizik yang terdapat dalam sukan ini.

### **Rujukan**

Dan Herbst. 1993. *Bowling 300: Top Pros Share Their Secrets to Rolling the Perfect Game*.

Mcgraw-Hill. Contemporary.

Don Nace. 2002. *Bowling for Beginners: Simple Steps to Strikes and Spares*. Sterling.

Doug Werner. 1995. *Bowler's Start-Up: A Beginner's Guide to Bowling (Start-Up Sports)*. Tracks Publishing.

Michelle Mullen. 2003. *Bowling Fundamentals (Sports Fundamental Series)*. Human Kinetics Publishers.

Mike Durbin, Dan Herbst. 1998. *From Gutterballs to Strikes*. McGraw-Hill.

## **CDA1142 Boling Padang**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan asas dan pengalaman kepada pelajar tentang kemahiran asas sukan boling padang. Analisis pergerakan kemahiran, latihan-latihan membina dan menambah kecergasan untuk sukan ini, struktur latihan dan pertandingan, peraturan dan undang-undang serta aspek kepegawaian turut didedahkan kepada pelajar.

### **Rujukan**

Ahmad Sarji. 2005. *Lawn Bowls in Malaysia: The President's Memoir*. Kuala Lumpur. Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd.

Albert Newton. 1987. *Fundamentals of Lawn Bowls*. Sydney. Angus & Robertson.

Barry Salter and John Bliss. 2003. *The A to Zen of Lawn Bowls*. Sydney. Pan Macmillan.

Bryant David. 1991. *Bryant on Bowls*. London. Pelham Books.

Harvey C. Maxwell. 1985. *The American Lawn Bowler's Guide*. 5th edition. California. Self Published.

Jock Jepson. 1982. *Lawn Bowls: Winning Techniques*. New Zealand. Lansdowne Press.

### **CDA1152 Bola Sepak**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas permainan bola sepak yang merangkumi sejarah permainan, undang-undang permainan, kepengadilan, prinsip latihan individu dan berkumpulan, peralatan, pengurusan pertandingan, keselamatan, kesihatan, teknik-teknik permainan yang betul dan menguasai asas kemahiran permainan mengikut konteks sains sukan. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat menguruskan satu pertandingan mini untuk tambahan proses penilaian muktamad.

### **Rujukan**

Ahmad Shafiee, Zubir Rejab (1996). *Manual Latihan Bola Sepak*. Kuala Lumpur : Delta.

Unit Kokurikulum Jab. Pend. Johor (2000). *Peraturan Am Pertandingan*. JPNJ.

Nota edaran : Nick Sham Abdullah (2001). *Kejurulatihan Awalan*.

### **CDA1162 Bola Tampar**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas permainan bola tampar yang merangkumi sejarah permainan, undang-undang permainan, kepengadilan, prinsip latihan individu dan berkumpulan, peralatan, pengurusan pertandingan, keselamatan, kesihatan, teknik-teknik permainan yang betul dan menguasai asas kemahiran permainan mengikut konteks sains sukan. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat menguruskan satu pertandingan mini untuk tambahan proses penilaian muktamad.

### **Rujukan**

Billy Lee Yong Heng (2001). *Peraturan Rasmi Bola Tampar Edisi 2001 – 2004*. Jawatankuasa Pengadil MAVA.

*Panduan Mengajar Bola Tampar*.

*Panduan Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Sekolah Menengah.*

*Internet Federation International De Volleyball.*

*Manual Kursus Kejurulatihan Bola Tampar Negeri Johor Tahun 1999.*

*Manual Kursus Kepengadilan Bola Tampar Malaysia Tahun 2001.*

## **CDA1172 Bola Jaring**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas permainan bola jaring yang merangkumi sejarah permainan, undang-undang permainan, kepengadilan, prinsip latihan individu dan berkumpulan, peralatan, pengurusan pertandingan, keselamatan, kesihatan, teknik-teknik permainan yang betul dan menguasai asas kemahiran permainan mengikut konteks sains sukan. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat menguruskan satu pertandingan mini untuk tambahan proses penilaian muktamad.

### **Rujukan**

Unit Kokurikulum JPNJ (2001) : *Peraturan Am Pertandingan (Bola Jaring).*

Fauzee H.A, Siri Maju (2000) : *Pendekatan Pengajaran Jasmani (Bola Jaring).*

Ahmad Wafi Mohamad, Fajar Bakti (2000) : *Siri Sukan Popular Fajar Bakti (Bola Jaring).*

## **CDA1182 Bola Baling**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas permainan bola baling yang merangkumi sejarah permainan, undang-undang permainan, kepengadilan, prinsip latihan individu dan berkumpulan, peralatan, pengurusan pertandingan, keselamatan, kesihatan, teknik-teknik permainan yang betul dan menguasai asas kemahiran permainan mengikut konteks sains sukan. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat menguruskan satu pertandingan mini untuk tambahan proses penilaian muktamad.

### **Rujukan**

Ahmad Wafi. *Bola Baling*. Cetakan Pertama. Goodmark Enterprise, 1995

## **KURSUS-KURSUS WAJIB FAKULTI (WF)**

### **Kursus Kemahiran Bahasa Arab**

#### **UBA1062 Arabiyah li agrad al- khassah I ( Bidang bukan Sains )**

Kursus ini bertujuan membimbing para pelajar menguasai kemahiran dalam penggunaan bahasa Arab untuk tujuan yang tertentu mengikut keperluan fakulti, seperti pengurusan, ekonomi, pelancongan dan politik melalui teks- teks pilihan dan istilah- istilah daripada perbualan dan dialog semasa dan latihan secara spontan. Topik-topik nahu dan sarf yang dibincangkan dalam kursus ini sebagai pengukuhan kepada kemahiran bahasa dan nahu pelajar. Di dalam kursus ini para pelajar bukan sahaja sekadar mengetahui perkataan- perkataan dan istilah- istilah, malah mereka dibimbing untuk menggunakan istilah- istilah tersebut dalam cabang- cabang ilmu yang mereka pelajari. Di akhir kursus ini pelajar dapat menggunakan bahasa Arab yang dapat memenuhi keperluan mereka serta mengaplikasikannya dengan bidang yang mereka pelajari.

#### **Rujukan:**

Al- Arabi, Salah Abd. Majid. 1981 Taallum al- Lughat al- Hayyah wa Taklimuha baina al- Nadzariyah wa al- Tatbiq. Edisi I Birut: maktabah Lubnan.

Dalil Amal fi l'dadi mawad al- taklimiyah li baramij taklim al- lughah al- Arabiyah. Makkah al- Mukarramah: Univ. Umm al- Qura.

Naif Sulaiman, Khalid Fallah, Adil Jabir. 1990. Al Jami' fi al- Lughah al- Arabiyah. Al- Thaqafah al- A'mmah. Amman: dar al- Shafa'

Sini, Mahmud Ismail. 1983. Al- Arabiyah Li an- Nasyiin Kurikulum bersepadu pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua buku pelajar I edisi I. . Saudi Arabia : kementerian Pelajaran .

Thaimah, Rusydi Ahmad. 1981. Ta'lim al- Arabiyah gigair al- Natiqina biha. Manahijuhu wa Asalibuhu. Terbitan Munazzomat al- Arabiyah gi al- Tarbiyah wa al- Ulum wa al- Thaqafah. Esisco

### **Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris**

#### **UBE2452 Bahasa Inggeris (ESP I)**

Kursus ini direka untuk pelajar-pelajar komunikasi Islam yang ingin mempraktikkan teori komunikasi yang mereka belajar. Objektif kursus ini adalah untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran dan latihan yang secukupnya untuk memastikan komunikasi berlaku dengan berkesan. Kursus ini akan menyerlahkan pelbagai kemahiran mendengar dan bercakap yang berbeza apabila komunikasi berlangsung. Walau bagaimanapun,

kemahiran menulis dan kefahaman juga akan dititikberatkan untuk melahirkan pelajar yang fasih dan yakin di dalam bahasa yang digunakan. Kursus ini mendedahkan pelajar kepada perbendaharaan kata yang digunakan di dalam bidang perniagaan, struktur bahasa, dan juga kefahaman di dalam kemahiran mendengar dan membaca, di dalam realiti konteks dan topik dunia perniagaan. Penggunaan tema pembelajaran yang berkait dengan dunia perniagaan akan memberi pelajar peluang untuk memperbaiki dan mengasah kemahiran berkomunikasi mereka terutamanya di dalam komunikasi lisan di bidang perniagaan dan sosial.

### **Kemahiran Mendengar**

Komponen kemahiran mendengar dan bercakap akan memfokuskan kepada kemahiran 'makro' dan 'mikro' yang diperlukan untuk mendengar secara efektif, memproses maklumat dengan cekap, dan juga memberi respon yang sesuai dalam apa juga keadaan. Di dalam komponen mendengar, para pelajar akan didedahkan kepada kemahiran untuk mendengar idea/isi umum dan juga idea/isi spesifik. Latihan-latihannya telah direka untuk membantu pelajar untuk memahami isi-isi utama di dalam sesebuah petikan,

### **Kemahiran Bercakap**

Komponen kemahiran bercakap pula akan mendedahkan pelajar kepada kemahiran-kemahiran bercakap yang umum seperti kebolehan untuk memujuk, mempertahankan, berdebat, dan juga merumuskan sesuatu. Para pelajar akan terlibat secara aktif di dalam membuat aktiviti secara berpasangan atau berkumpulan yang melibatkan perbincangan, pengucapan umum, persembahan, debat, forum, lakonan, dan lain-lain lagi bentuk aktiviti yang diharap dapat mensimulasikan komunikasi secara realiti.

### **Nahu/Bentuk dan Fungsi Penggunaan Bahasa**

Penekanan akan diberikan kepada elemen-elemen utama nahu dan bentuk serta fungsi penggunaan bahasa untuk membolehkan pelajar berinteraksi secara efektif serta efisien dan boleh melibatkan diri di dalam apa-apa jua perbincangan untuk menyelesaikan masalah. Para pelajar akan diperkenalkan kepada bentuk-bentuk dan fungsi-fungsi penggunaan bahasa yang betul dan teratur yang diperlukan di dalam aktiviti-aktiviti yang telah disebutkan tadi.

## **Kemahiran Membaca**

Komponen kemahiran membaca juga diberikan penekanan di dalam mendedahkan pelajar kepada pelbagai isu dan kemahiran yang perlu untuk memproses maklumat yang banyak. Pelajar akan didedahkan kepada teknik-teknik yang digunakan untuk mentafsir maklumat yang ada di dalam sesebuah teks, dan kemudian mengubah sesebuah teks bacaan kepada penulisan serta menyerlahkan isi-isi penting seperti isi-isi utama dan maklumat tambahan. Pelajar juga diharap akan dapat membuat ringkasan dan juga membuat andaian kepada penutup sesebuah teks.

## **Kemahiran Menulis**

Para pelajar akan didedahkan kepada pelbagai bentuk teknik penulisan seperti kemahiran menulis memo/surat, laporan, ringkasan dan sebagainya. Mereka akan diajar secara terperinci semua teknik penulisan supaya mereka boleh menulis secara teratur dan tersusun menggunakan perkataan dan terminologi yang tepat dan sesuai.

## **Rujukan/Teks:**

Buku *Communication Strategies* akan digunakan pada Semester 1 manakala buku *Further Communication Strategies* akan digunakan pada Semester 2 sebagai sambungan kepada semester sebelumnya.

## **Rujukan**

Paul, David. *Communication Strategies*. Singapore. Thomson Learning.

Paul, David. *Further Communication Strategies*. Singapore. Thomson Learning.

Galanes, G.J.K Adams & J.K Brillhart. 2002. *Communicating in Groups: Application and Skills*.  
New York: Mc Graw Hill.

Stempleski, Susan, Douglas, R. Morgan. 2005. *World Link Developing English Fluency Combo Split*. Singapore. Thomson Learning.

Jones, Leo. 2002. *Let's Talk Series*. Cambridge University Press.

## **UTA2082 Pengajian Halaqah**

Kursus Ko-Kurikulum ialah Pengajian Halaqah yakni kajian teks bagi memahami dan mendalami kitab-kitab *turath* yang muktabar berkaitan dengan Quran dan Sunnah. Pengajian ini dijalankan selama empat semester dan bernilai satu unit.

### **Rujukan**

ÑUĪbah, ÑAbd al-RaĪmĒn. 1986. *MaÑa al-Maktabah al-ÑArabiyyah*. Beirut: DĒr al-AwzĒÑĒ

## **UTA1082 Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Kursus ini memperkenalkan kaedah dan teknik dalam Teknologi Maklumat (TM) seperti peranan dan dampak TM kepada organisasi-organisasi pengeluaran, spesifikasi kerja dan kemahiran, hubungan sistem TM dengan pengurusan sistem kewangan. Turut diperkenalkan kepada pelajar ialah sistem operasi kawalan, sistem sokongan keputusan, sistem sokongan eksekutif, sistem maklumat pengurusan, sistem pakar, sistem berasas pengetahuan dan lain-lain. Selain itu pelajar juga didedahkan dengan revolusi TM - semasa dan perkembangan masa depan, juga tentang penilaian TM: analisis kos dan manfaat.

### **Rujukan**

Daley, Bill. 2005. *Computers Are Your Future 2005*. Complete Edition. NJ: Prentice Hall.

Duffy, T. *Microsoft Office 2000: Professional*. Brief Edition. NJ: Prentice Hall.

Long, L. & Long, N. *Computers: Information Technology In Perspective*. 11th Edition. NJ: Prentice Hall.

Sarah E. Hutchinson & Stacey C. Sawyer. *Computers, Communications & Information*.  
7th  
Edition.

Shelly, G.B., Cashman, T.J. & Vermaat, M.E. 2000. *Microsoft Office 2000: Introductory Concepts and Techniques*, Thomson Learning.

## **AAA1043 Prinsip dan Amalan Komunikasi Da'wah**

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar prinsip komunikasi *da'wah*, bentuk-bentuk asas komunikasi dan motivasi kemanusiaan, teori komunikasi pembujukan dan teknologi komunikasi, yang berlaku di kalangan individu, kumpulan dan organisasi. Di samping itu kursus ini turut membincangkan metodologi *da'wah* kepada umat Islam dan bukan Islam dan cara-cara mentarbiah pendakwah yang mithali dan menganalisis syarat-syarat dan sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh seorang pendakwah yang berkesan.

### **Rujukan**

Al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath. 1993. *Al-Madkhal Ila Ilm al-Da'wah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Al-Habasy, Muhammad. 2006. *Manhaj al-Tajdid wa al-Islah: Fi Fikr al-Syaikh Ahmad Kufaro*. Siriya: Dar al-Usama.

Burgoon, Michail, Frank Hunsakar & Edwin J. Dawson .1994. *Human Communication*. Edisi Ke-3. London : Sage.

Devito J.A. 1998. *Essential of Human Communication*. USA: Addison Wesley Longman

Gamble, Teri & Michael Gamble. 1994. *Public Speaking in the Age of Diversity*. Boston: Allyn & Bacon.

## **QAA1042 Sirah Rasul**

Kursus ini bertujuan mengkaji kehidupan Nabi Muhammad saw berdasarkan Quran dan Hadis serta sumber-sumber awal tentang sirah Rasul. Selain daripada latar belakang Semenanjung Arab dan kota Mekah sebelum Islam, kursus ini meliputi tajuk-tajuk seperti: kehidupan Nabi saw serta keluarganya sebelum menerima wahyu, wahyu dan ajaran-ajaran awal, pengikut-pengikutnya yang pertama, penentangan orang Quraisy, langkah-langkah Nabi saw untuk mengatasinya: penghijrahan ke Habshah dan ke Yathrib, al-Madinah: negara Islam pertama dan *Sahifat al-Madinah*, perhubungan dengan: orang Quraisy - Yahudi - suku-suku Arab - kuasa-kuasa luar, Islam dan Semenanjung Arab ketika Nabi s.a.w. sebagai seorang insan dan rasul, sebagai pemimpin, suami dan ayah, untuk dijadikan <sup>o</sup>ibrah dan uswah dalam pembinaan peribadi muslim dan pembangunan masyarakatnya.

## Rujukan

- Akram Diya' Al-Umari. 1993. As-Sirah An-Nabawiah As-Sahihah. Jilid I & II. Maktabat al-Ulum Wal Hikam al-Madinah Munawarah.
- Al-Tabari Muhammad b. Jarir. t.th. Tarikh al-rasul wa al-Muluk. Jilid 2 & 3. Beirut: Dar Suwaydan.
- Al-Waqidi, Muhammad b. °Umar. 1966. Kitab al-maghazi. Sunt. Marsden Jones. 3 jilid. London: Oxford University Press, Beirut: cAlam al-Kutub.
- Ibn Hisham, cAbd al-Malik. 1995. 1995. al-Sirah al-nabawiyah. Sunt. Mustafa al-Saqa, Ibrahim al-Abyari dan °Abd al-Hafiz Shalabi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al- °Arabi.
- Ibn Sayyid al-Nas. 1982. Uyun al-athar. 2 jilid. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Mohammad Ibn Ishaq. 1998. As-Siar Wal Maghazi Tahqiq Suhail Zakkar. Darul Fikr.

## QAA1012 Ulum al-Quran

Kursus ini membincangkan beberapa tajuk permulaan dalam Ulum al-Quran iaitu pengertian Ulum al-Quran dari segi bahasa dan istilah. Sejarah Ulum al-Quran, pengertian penurunan al-Quran dan peringkat-peringkatnya, hikmah diturunkan al-Quran secara berperingkat, ayat yang pertama dan akhir diturunkan, makki dan madani, sebab-sebab *nuzul* dan pengumpulan al-Quran. Di samping itu pengenalan ringkas kitab-kitab tafsir dari segi metode penulisan dan fokus tafsirannya.

## Rujukan

- Al-Sabuni. Muhammad `Ali. 1985. al-Tibyan fi ulum al-Quran. Maktabah al-Sabuni.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Abd. Rahman. 1951. al-Itqan fi `ulum al-Quran, al-Qahirah. Mustafa al-Babie al-Halabi.
- Al-Zarqani, Muhammad Abd. Al-Azim. t.th. Manahil al-irfan fi ulum al-Quran, al-Qahirah, Matbacah Isa al-Babi al-Halabi.
- Subhi al-Salih. 1979. Mabathith fi ulum al-Quran. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin.

## QAA1022 Ulum al-Hadith

Kursus ini mengandungi tajuk-tajuk pengenalan Hadis: takrif Hadis, Hadis dirayah, Hadis riwayat, Hadis Qudsi, sejarah perawi Hadis, al-jarah wa al-ta'dil, bahagian-bahagian Hadis, Hadis palsu dan *takhrij* Hadis. Hubungan Hadis dengan al-Quran, kedudukan hadis dalam Syariat Islam, pengenalan ringkas tentang kitab-kitab *sunan sittah* (*Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan al-Tirmizi, Sunan Abu Daud, Sunan al-Nasa'i, Sunan Ibn Majah*).

## Rujukan

al-Khatib, Muhammad 'Ajaj. 1981. *Usul al-hadith ulumuhu wa mustalahuhu*. Dar al-Fikr.  
al-Salih, Subhi. 1991. *Ulum al-hadith wa mustalahuhu*. Beirut: Dar al-Ilmi li al-Malayin.  
al-Suyuti, Jalal al-Din Abd. Rahman b. Abi Bakr. 1979. *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.  
Ibn Al-Salah, Abi cAmr Uthman b. Abd. Rahman. 1978. *Muqaddimah Ibn al-Salah fiulum al-Hadith*. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.

## MGC3012 Keusahawanan

Bidang keusahawanan lazimnya dikaitkan dengan usaha perolehan, pembuatan dan perdagangan yang keseluruhannya ini dirangkum sebagai perniagaan. Ia merupakan satu bidang yang bukan sahaja boleh menjadi sumber kerjaya yang kukuh tetapi ia juga adalah tuntutan agama. Kursus ini diperkenalkan kepada pelajar yang berminat untuk mengenali serta menghayati bidang ini dengan tujuan untuk memberi pendedahan tentang konsep dan amalan keusahawanan khususnya daripada perspektif Islam. Sehubungan itu, pelajar juga akan didedahkan dengan aspek penting berkaitan keusahawan termasuklah, teori dan pendekatannya, tokoh-tokoh usahawan dan rahsia kejayaan mereka, dan isu-isu berkaitan dengan bidang ini. Pelajar juga akan didedahkan kepada komponen penting keusahawanan iaitu proses pengurusan perniagaan. Kursus ini memerlukan pelajar membuat tinjauan pasaran dan analisis perniagaan bagi menguatkan pemahaman terhadap keperluan sesuatu usaha perniagaan dan berpeluang mempraktikkan beberapa konsep penting yang telah dipelajari. Kursus ini dikendalikan secara kuliah dan perbincangan kes dan juga kerja lapangan.

## Rujukan

Ab. Aziz Yusof, S. Perumal & Faizunah Pangil. 2005. *Principles of Entrepreneurship*. Pearson Prentice-Hall.

UiTM. 2006. *Fundamentals of Entrepreneurship*, Revised Edition. Pearson Prentice-Hall.  
Muhammad Ali Haji Hashim. 2004. *Bisnes Satu Cabang Jihad*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Nik Mohamed Affandi. 2002. *Islam & Business*. Pelanduk.

Syed Ghazali Wafa, *et. al.* 2005. *Pengantar Perniagaan Islam*. NJ: Prentice Hall.

## **QAA3072 Metodologi Penyelidikan**

Kursus ini akan memberi tumpuan khas kepada proses penyelidikan dari tahap awal mengenalpasti masalah kajian hingga ke tahap menginterpretasi secara menyeluruh penemuan kajian. Perbincangan mengenainya akan merangkumi tajuk-tajuk seperti falsafah dan etika penyelidikan, konsep dan unsur asas penyelidikan, reka bentuk kajian, persampelan, kaedah pengumpulan data, pengujian dan pengukuran serta pemprosesan dan penganalisan data. Selain daripada itu, kaedah bagi penyediaan cadangan serta laporan kajian juga akan dibincangkan.

### **Rujukan**

Leedy, P.D. & J.E. Ormrod. 2005. *Practical Research: Planning and Design*. 8<sup>th</sup> Edition. Upper-Saddle River, NJ: Prentice Hall.

Lester, J.D. & J.D. Lester, Jr. 2003. *Principles of Writing Research Papers*. Penguin Academics. Pearson Education, Inc. Longman.

Wan Chik Ibrahim. 2003. *A Guide to Writing Research Proposals: The Experimental Method*.

Universiti Pendidikan Sultan Idris (Publisher). Kemaman Printing Press Sdn.Bhd.

## **UTA4016 Latihan Amali/ Industri**

Kursus ini akan memberi peluang kepada pelajar menjalani latihan amali di jabatan atau agensi yang sesuai dan akan ditentukan oleh USIM. Tujuannya memberi pendedahan tentang bidang kerjaya dan persekitaran kerja, mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dan mewujudkan jalinan kerjasama antara USIM dengan masyarakat luar. Tempoh latihan yang ditetapkan adalah selama satu semester pada semester 8 tempoh pengajian.

## **KURSUS-KURSUS WAJIB PROGRAM (WP)**

### **Program Pengajian Quran & Sunnah**

#### **QAA2173 Hifz al-Quran**

Kursus ini merupakan hafazan sebanyak tiga juzuk al-Quran bermula dari juzuk pertama. Untuk menguasai hafazan tersebut, tasmi' dan latihan pengulangan berterusan akan dilaksanakan. Pelajar diwajibkan mendaftar kursus ini seawal semester satu pengajian dan ianya akan berterusan selama enam (6) semester sehingga semester keenam atau apabila pelajar dapat menghafaz bilangan juzuk yang ditetapkan. Masa perjumpaan yang ditetapkan ialah satu jam seminggu pada setiap semester bagi aktiviti tasmi' dan pengulangan. Penilaian keseluruhan kursus ini akan dijalankan pada semester akhir (semester enam) pengajian. Setiap pelajar diwajibkan menghafaz al-Quran sebanyak tiga juzuk dan lulus ujian yang ditetapkan sebagai salah satu syarat utama untuk menamatkan pengajian dalam program ini.

#### **Rujukan:**

*Al-Quran al-Karim. Rasm Uthmani*

#### **LAA1022 Tarikh al-Tashri'**

Kursus ini membincangkan syariah, fiqh dan undang-undang ciptaan, sejarah perkembangan undang-undang Islam yang bermula dari zaman permulaan Islam (zaman Rasulullah s.a.w) hingga zaman kejatuhan Baghdad dan zaman kebekuan fiqh (ijtihad) dengan menumpukan kepada dasar perundangan, sumber perundangan, cara pengithbatan hukum, punca perselisihan hukum, kemunculan mazhab-mazhab fiqh, ijtihad, taqlid dan perkara-perkara berkaitan dengan pertumbuhan pada setiap peringkat di atas.

#### **Rujukan:**

al-Khudari, al-Sheikh Muhammad. 1970. Tarikh al-tashric al- Islami. Beirut : Daral-Kutub al-Ilmiyyah.

Ahmad Shalabi. 1981. Tarikh al-tashri' al-Islami wa tarikh al-Nuzum al-Qada'iyyah fi al-Islam. Qahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

Mahmasani, Subhi. 1961. Falsafah al-tashric fi al-Islam. Beirut : Dar al-'ilm li al-Mala'iyin.  
Sais, Muhammad Ali. t.th. Tarikh al-fiqh al-Islami. Misr: Muhammad Ali Sabih.

#### **LAA1032 Sistem Undang-undang Di Malaysia**

Kursus ini membincangkan sumber undang-undang di Malaysia termasuk Islam serta sejarah Perlembagaan dan undang-undang di Malaysia. Membincangkan juga konsep-konsep utama undang-undang, doktrin duluan, tafsiran undang-undang bertulis, undang-undang Islam dan undang-undang adat.

## **Rujukan:**

Abdul Hamid Omar. 1994. *The judiciary in Malaysia*. Kuala Lumpur: Asia Pacific Publications Sdn. Bhd.

Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. 1984. *Sistem undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Suffian Hashim. 1976. *An introduction to the constitution of Malaysia*. Second Ed. Kuala Lumpur: Governments Printers.

Mohamad Suffian Hashim. 1990. *An introduction to the legal system of Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Statut-Statut berkaitan, seperti Interpretation Act 1967; Civil Law Act 1956 (Revised 1973), (as amended); Courts of Judicature Act 1964 (as amended); Legal Profession Act 1976, Juvenile Courts Act, Act 1964 (Revised 1972), Rules of Subordinate Court 1980, Interpretation and General Clauses Ordinance, No. 7, 1948 dan lain-lain.

## **LAA1042 Usul al-Fiqh**

Kursus ini akan membincangkan ilmu Usul Fiqh dari segi definisi dan perkembangannya, hukum dan jenis-jenisnya serta sumber hukum berdasarkan wahyu iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Kemudian dinyatakan cara-cara pemahaman nas-nas al-Qur`an dan al-Sunnah bagi mengeluarkan hukum dengan menerangkan konsep-konsep suruhan (al-amr) dan tegahan (al-nahy), umum (al-cumum) dan khusus (al-khas), al-mutlaq dan al-muqayyad, al-mujmal dan al-mubayyan, serta al-mantuq dan al-mafhum. Kursus ini juga akan membincangkan sumber-sumber hukum yang disepakati oleh ulamak berdasarkan ijihad, iaitu al-Ijma<sup>c</sup> dan al-Qiyas.

## **Rujukan:**

al-Amidiy, Sayf al-Din, Abu al-Hassan Ali ibn Muhammad. 1388H/1968. *al-Ihkam fi-usul al-ahkam*. al-Qahirah; Matba<sup>c</sup>ah Muhammad Ali al-Sabih.

al-Asnawiy, Jamal al-Din Abd al-Rahim. t.th. *Nihayat al-usul sharh minhaj al-wusul*. al-Qahirah; Matba<sup>c</sup>ah Muhammad <sup>c</sup>Ali al-Sabih.

al-Ghazaliy, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1322H. *al-Mustasfa*. al-Qahirah; Matba<sup>c</sup>at al-Amiriyah.

al-Mahalliy, Shams al-Din Muhammad ibn Ahmad. 1356H/1937. *Sharh al-mahalliy <sup>c</sup>ala jam<sup>c</sup>i al-jawami<sup>c</sup>*. al-Qahirah; Matba<sup>c</sup>ah Mustafa al-Babiy al-Halabi.

Zuhayr, Muhammad Abu al-Nur. t.th. *Usul al-Fiqh*. al-Qahirah; Dar al-Ta<sup>c</sup>rif.

## **AAA2012 Pemikiran Islam Semasa**

